

**CABARAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH
SYARIAH BERKAITAN AJARAN SESAT: KAJIAN DI JABATAN
AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

ZAIM MUZHAFAR BIN ABU HASAN

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2019**

**CABARAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG
JENAYAH SYARIAH BERKAITAN AJARAN SESAT:
KAJIAN DI JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

ZAIM MUZHAFAR BIN ABU HASAN

**DISERTASI INI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **Zaim Muzhafar bin Abu Hasan**
No. Pendaftaran/Matrik : **IGA110052**
Nama Ijazah : **Sarjana**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”)

**“Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Berkaitan Ajaran
Sesat: Kajian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”**

Bidang Penyelidikan: **Syariah dan Undang-Undang**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini meyerahkan semua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalpun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: *22/11/2019*

Diperbuat dan sesun

Tandatangan Saksi

Tarikh: *22-1-2019*

Nama:

**CABARAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH
BERKAITAN AJARAN SESAT: KAJIAN DI JABATAN AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan berkenaan cabaran yang dihadapi oleh Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam penguatkuasaan undang-undang bagi kes ajaran sesat. Skop kajian adalah berkaitan tugas-tugas PPA dalam menjalankan operasi penguatkuasaan bermula dari aspek penerimaan aduan sehinggalah kertas siasatan diserahkan kepada pendakwa syarie. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji peruntukan undang-undang jenayah syariah, tatacara dan cabaran penguatkuasaan bagi kes ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan metode temu bual secara semi-struktur dan metode observasi di Bahagian Penguatkuasaan JAWI, serta menghadiri perbicaraan kes di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur. Peruntukan bagi kesalahan ajaran sesat ini dinyatakan dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1993 dan prosedur menjalankan penyiasatan terhadap kes ajaran sesat yang dilaporkan. Selain itu, terdapat cabaran yang dihadapi oleh PPA JAWI dalam menjalankan operasi penguatkuasaan kes ajaran sesat seperti isu mendapatkan keterangan melalui bahan bukti khususnya dari alat telekomunikasi yang sukar dikesan. Selain itu, terdapat juga isu di peringkat pentadbiran, khususnya dalam hal perjawatan PPA. Isu ini sangat berkait rapat dengan pengalaman dan kemahiran PPA dalam menjalankan operasi penguatkuasaan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat keperluan untuk melantik PPA dari jawatan di bawah skim Pegawai Hal Ehwal Islam (S41) kepada Pegawai Syariah (LS41). Selanjutnya, prosedur yang diperkenalkan kepada PPA perlu dikemaskini dari masa ke semasa, selain

memastikan semua PPA JAWI dapat menghadam dan meningkatkan kefahaman mereka melalui kursus dan taklimat yang diberikan.

Kata kunci: cabaran, penguatkuasaan, pembuktian, Pegawai Penguatkuasa Agama, JAWI, ajaran sesat

CHALLENGES IN THE ENFORCEMENT OF THE SHARIAH OFFENCES RELATED TO DEVIANT TEACHING: A STUDY AT THE ISLAMIC RELIGIOUS DEPARTMENT OF THE FEDERAL TERRITORY

ABSTRACT

This research focus on challenges faced by the Religious Enforcement Officer (REO) of Islamic Department of Federal Territory on the enforcement of law on the deviant teaching cases. The research scope are related to the REO's task on implementing the enforcement operation starting from receiving complaints until the investigation paper handed over to the Syarie Prosecutor . The objective of this research are to study about provision of law for syarie crime, the enforcement procedures and challenges for the deviant teaching cases done by REO of Kuala Lumpur Federal Territory particularly. This research uses a qualitative method namely by semi-structure interview and observation at the Enforcement division of Islamic Department of Federal Territory and attending case trial in Syariah Court in Kuala Lumpur. A provision of law for cult teaching had been stated in the Syariah Criminal Act of Wilayah Persekutuan 1993 and the procedures carried out by the REO to run an investigation on a reported case. Besides, the main challenge faced by REO of Kuala Lumpur in this case is preservation of evidence and data collection from telecommunication tools that can be easily disposed. Moreover, there are issues in terms of administrative level especially in the Department Of Enforcement positioning scheme. This is mainly because the officers usually are being transferred into another department in Islamic Department of Federal Territory, causing shortage of experienced and skilled manpower in running enforcement operation. The outcome of this research shows, the importance in appointing Religious Law Enforcement Officer under the grade of Islamic Affairs Officers S.41 to Syariah's Officer LS 41. Furthermore, the SOPs introduced to the REO consume plentiful advantages and clarification to the REO in Islamic Department of Federal Territory and

also provide few briefing session and courses as an additional value to their understanding. However, the botheration for this cases enforcement are the arresting limitation, lack of evidence and facts testified by a doubted witnesses.

Keywords: challenges, enforcement, proof, Religious Enforcement Officer, JAWI, deviant teaching

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah '*Azza wa Jalla* Tuhan semesta alam, selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabatnya RA dan para tabi' dan tabiin. Sesungguhnya kesyukuran yang tidak terhingga dirafakkan kepada Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, penulis berjaya menyempurnakan disertasi ini dengan jayanya selepas mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan sepanjang tempoh menyiapkan hasil disertasi ini.

Di kesempatan ini, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Yang Berbahagia Prof Madya Dr. Siti Zubaidah Ismail di atas kesudian beliau untuk menyelia disertasi ini. Beliau telah meluangkan masa dan tenaga yang sangat berharga kepada penulis dengan memberikan tunjuk ajar, pandangan, teguran dan bimbingan yang berterusan sehingga disertasi ini berjaya disempurnakan. Semoga jasa baik yang dicurahkan dan ‘sentuhan istimewa’ oleh beliau mendapat ganjaran di sisi Allah SWT dan akan dikenang hingga akhir hayat.

Dipanjatkan doa kesejahteraan kepada al-marhum ayahanda tercinta, Hj. Abu Hasan Abd Ghani yang telah melaksanakan tanggungjawabnya sepenuhnya dalam mendidik penulis ke arah mengenali Allah SWT dan menyemai ‘rasa beragama’ dalam kehidupan. Semoga baktimu, Allah jualah yang membalaunya. Tidak lupa juga teristimewa buat bonda tersayang, Hjh. Zainiah Abd Manap yang tidak jemu-jemu memberikan semangat dan mendokong perjalanan ilmu penulis serta adinda iaitu Shafinah Abu Hasan yang banyak menasihati dan tegas untuk menyiapkan disertasi ini. Inilah hadiah buat kalian sekeluarga. Juga tidak ketinggalan ahli keluarga lain yang tidak pernah jemu memberikan sumbangan dalam bentuk material dan motivasi sepanjang tempoh penghasilan disertasi ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak seperti pegawai di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) amnya seperti Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dan khususnya Pegawai Agama JAWI, iaitu Cik Ruslida Rusli dan pegawai di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana memberi maklumat terkini berkaitan dengan kajian penulis. Tidak lupa juga saya ucapkan kepada En. Isma Addi Jumbri, guru yang banyak memberi motivasi dan sokongan kepada penulis. Teristimewa buat sahabat yang dikasihi iaitu Muhammad Firdaus Ab Rahman, Mohd Faez Mohd Shah, Ishak Azmin serta semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak dalam memberi buah fikiran dan idea dalam menyempurnakan hasil kajian ini. Sesungguhnya sumbangan kalian tidak dapat penulis membalasnya dan hanya Allah SWT juga yang melimpahkan rahmat-Nya buat mereka. Selain itu, ucapan penghargaan juga ditujukan kepada pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Perpustakaan Undang-undang Ahmad Ibrahim UM dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia atas kerjasama yang diberikan dalam memperolehi semua data-data kajian penulis.

Akhirnya, penulis memohon jutaan kemaafan di atas kesilapan dan ketidak sempurnaan yang terdapat di dalam disertasi ini. Semoga penulisan ini dapat memberikan maklumat yang bermanfaat kepada masyarakat Islam khususnya di bumi bertuah Malaysia.

Wassalamu'alaikum warahmat Allah,

DAFTAR ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	viii
DAFTAR ISI KANDUNGAN	x
SENARAI STATUT	xvi
SENARAI KES.....	xvii
SENARAI KEPENDEKAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN.....	xx
SENARAI CARTA	xi
PANDUAN TRANSLITERASI	xxii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Permasalahan Kajian	2
1.2 Objektif Kajian	7
1.3 Kepentingan Kajian	8
1.4 Definisi Tajuk	9
1.5 Hipotesis Kajian	10
1.6 Skop Kajian	11
1.6.1 Batasan subjek kajian	11
1.6.2 Batasan Lokasi Kajian	11
1.6.3 Batasan Informan kajian	12
1.7 Sorotan Literatur.....	12

1.7.1 Ajaran sesat.....	12
1.7.2 Kategori ajaran sesat.....	13
1.7.3 Kaedah Pengawalan Kes Ajaran Sesat	14
1.7.4 Pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah berkaitan ajaran sesat.....	15
1.8 Metodologi Kajian.....	17
1.9 Susunan Bab	23

BAB 2: PENGENALAN AJARAN SESAT DAN KONSEP PENGUATKUASAAN DALAM ISLAM 25

2.0 Pendahuluan	25
2.1 Asas Akidah Menurut Islam.....	27
2.2.1 Dalil dari al-Quran dan Sunnah	28
2.2 Penentuan Sesuatu Ajaran Sebagai Ajaran Sesat	31
2.3 Bentuk-Bentuk Ajaran Sesat Yang Dikenal pasti	33
2.3.1 Ajaran Sesat Baru	34
2.3.2 Bentuk Tarikat	35
2.3.3 Kepercayaan dan Amalan Mistik	36
2.3.4 Muzik Black Metal	37
2.4 Ciri-Ciri Ajaran Sesat.....	39
2.4.1 Melalui pengakuan dan ideologi.....	39
2.4.2 Melalui Perbuatan.....	40
2.4.3 Melalui Hujah	41
2.5 Contoh Pergerakan Ajaran Sesat di Malaysia	42
2.5.1 Ajaran Qadiani.....	42

2.5.2 Ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau	43
2.5.3 Ajaran Abu Bakar Bappu.....	44
2.5.4 Ajaran Abdul Kahar Ahmad.....	46
2.5.5 Ajaran Syiah	49
2.6 Kesan dan Implikasi Ajaran Sesat kepada Umat Islam.....	53
2.6.1 Mensyirikkan Allah SWT.....	53
2.6.2 Amalan Ibadah Tidak Diterima	54
2.6.3 Perpecahan Umat Islam	55
2.6.4 Hidup Bertunjangkan Nafsu	56
2.6.5 Ancaman Keselamatan kepada Negara	57
2.6.6 Menghalang Kemajuan Masyarakat dan Negara.....	58
2.6.7 Menghambat Kemajuan Dakwah	59
2.7 Pendakwaan dalam Islam	61
2.7.1 Pengertian Pendakwaan.....	63
2.7.2 Dalil Pensyariatan.....	64
2.7.3 Takrif Pendakwa dan Tertuduh	65
2.7.4 Rukun-Rukun Pendakwaan dalam Islam.....	65
2.7.5 Syarat-Syarat Pendakwaan dalam Islam.....	67
2.7.6 Kepentingan <i>Hisbah</i> dalam Pendakwaan	69
2.8 Kesimpulan.....	70
BAB 3: UNDANG-UNDANG, PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN KES AJARAN SESAT DI MALAYSIA	73
3.0 Pendahuluan	73

3.1 Peruntukan Undang-Undang Jenayah Syariah Terhadap Kesalahan Ajaran Sesat di Malaysia	75
3.1.1 Doktrin Palsu	77
3.1.2 Pemujaan Salah.....	79
3.1.3 Dakwaan Palsu.....	80
3.1.4 Mengembangkan Doktrin Agama	81
3.1.5 Mengajar Agama Tanpa Tauliah	82
3.1.6 Pendapat yang bertentangan dengan fatwa.....	84
3.1.7 Kesalahan Menghina Atau Mengingkari Pihak Berkuasa Agama	85
3.1.8 Kesalahan Penyubahatan	86
3.2 Gerak Kerja Penguatkuasaan Kes Ajaran Sesat di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI).....	88
3.2.1 Menerima Maklumat	90
3.2.2 Tindakan PPA selepas menerima aduan.....	92
3.2.3 Risikan Terhadap Kesalahan Ajaran Sesat	94
3.2.4 Siasatan terhadap kesalahan ajaran sesat.....	94
3.2.5 Penggeledahan	95
3.2.6 Temu bual oleh saksi	97
3.2.7 Tangkapan oleh tertuduh atau mana-mana suspek yang terlibat dalam kes ajaran sesat.....	98
3.3 Tatacara Penguatkuasaan Kes Ajaran Sesat	99
3.3.1 Siasatan dan Tindakan Awal Siasat.....	100
3.3.2 Prosedur Tangkapan	105
3.3.3 Konsep Tangkapan	105
3.3.4 Proses Tangkapan	110

3.3.5 Tahanan Reman	113
3.3.6 Prosedur Penggeledahan Tempat/Premis	114
3.4 Gerak Kerja Pendakwaan di JAWI	116
3.4.1 Pendakwaan Bagi Kes Ajaran Sesat	118
3.4.2 Tugas-Tugas Pendakwaan Bagi Kesalahan-Kesalahan Ajaran Sesat.....	119
3.4.3 Peringkat-Peringkat Pendakwaan	120
3.5 Kesimpulan.....	125

**BAB 4: PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN KES AJARAN SESAT:
KAJIAN DI JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN 126**

4.0 Pendahuluan	126
4.1 Organisasi Pegawai di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	127
4.2 Kepentingan Penstrukturkan Semula Pendakwaan Syarie di JAWI	136
4.3 Pertimbangan untuk Mendakwa	139
4.4 Kolaborasi di Antara Ketua Pegawai Siasatan dan Pendakwa Syarie dalam Penyediaan dan Penyemakan Kertas Siasat Kes Ajaran Sesat.....	141
4.5 Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang Bagi Kesalahan Ajaran Sesat	145
4.5.1 Pentadbiran dan Organisasi pegawai	146
4.5.2 Penguatkuasaan.....	148
4.5.3 Teknikal penguatkuasaan dan pengumpulan bahan bukti	150
4.6 Penambaikan Peruntukan dalam Pengaplikasian Undang-Undang Bagi Kes Ajaran Sesat.....	151
4.6.1 Kesukaran Mendapatkan Bahan Bukti	152

4.6.2 Kemahiran dan Pengalaman PPA.....	153
4.7 Kesimpulan.....	155
BAB 5: KESIMPULAN DAN SARANAN.....	157
5.0 Pendahuluan	157
5.1 Kesimpulan.....	157
5.2 Saranan	161
BIBLIOGRAFI.....	163

SENARAI STATUT

- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965
- Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
- Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007
- Arahan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Sarawak
- Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)
(Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006
- Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pahang 2013
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991
- Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001

SENARAI KES

Ketua Pendakwa Syarie lwn Abdul Kahar bin Ahmad (2009) JLD 29 Bhg 1 85

Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Shah Pandak Othman (1992) JLD 8 Bhg 1 99

Kamariah Bte Ali lwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia & Satu lagi Dan Rayuan yang lain [2002] 3 CLJ 761

Fathul Bari Mat Yahya & Anor lwn. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Ors [2012] 4 MLJ 281

Pendakwa Syarie lwn Mohd Ya & Yl (2000) 15 Kanun (1) 219

SENARAI KEPENDEKAN

AKJSWP	Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
AKPS	Arahan Ketua Pendakwa Syarie.
APUIWP	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.
ATJSWP	Akta Tatacara Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997
ATP	Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007
cet.	Cetakan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dis	Disember
ed.	Editor
EMS	<i>Enhanced Messaging Service</i>
et al.	dan lain-lain
H	Hijrah
Hj.	Haji
Hjh.	Hajah
Hlm.	Halaman
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem</i> (Rujukan pada tempat yang sama)
IDFE	Islamic Department of Federal Territory
j.	Jilid/Juzuk
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAPENSWP	Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan

KBT	Kesalahan Boleh Tangkap
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
KPPA	Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama
KPS	Ketua Pendakwa Syarie
KTBT	Kesalahan Tak Boleh Tangkap
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
NGO	Non-government Organization
no.	Nombor
Nov	November
<i>Op.cit.</i>	opere citato (Rujukan yang sama seperti sebelumnya)
OYDS	Identiti Orang Yang Disyaki
PPA	Pegawai Penguatkuasa Agama
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia
SMS	<i>Short Message Service</i>
t.p.	Tanpa penerbit
t.t	Tanpa tarikh
t.t.p	Tanpa Tempat Penerbit
terj.	Terjemahan
RA	<i>Radiya Allah 'Anh</i>
REO	Religious Enforcement Officer
SAW	<i>Salla Allah wa sallam</i>
SWT	<i>Subhanahu Wata'ala</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian di JAWI	170
Lampiran B: Borang Temu bual	171
Lampiran C: Kad Lapor Diri OKT	175
Lampiran D: Borang 5 (Maklumat kepada Pegawai Penguatkuasa Agama)	176
Lampiran E: Borang 3 (Waran Tangkap).....	177
Lampiran F: Borang 4 (Waran Geledah)	178
Lampiran G: Senarai pegawai di Cawangan Penguatkuasa Agama	179
Lampiran H: Senarai Kes-Kes Ajaran Sesat Mengikut Negeri.....	183
Lampiran I: Senarai Kesalahan Doktrin Palsu mengikut pembahagian negeri-negeri:	185

SENARAI CARTA

Carta 3.1: Aliran Kerja Bahagian Penguatkuasaan	89
Carta 3.2: Proses Pendakwaan	117
Carta 4.1: Carta Pengurusan Tertinggi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	129
Carta 4.2: Pengurusan Tertinggi Bahagian Penyelarasan Undang-undang JAKIM	137

PANDUAN TRANSLITERASI

a. Konsonan

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	أ	' (a,i,u)	القراءة	al-Qira'ah
2.	ب	b	بعث	ba 'tha
3.	ت	t	تاب	taba
4.	ث	th	ثواب	thawaba
5.	ج	j	عقل	ja 'ala
6.	ح	h	حلب	halaba
7.	خ	kh	خطب	khataba
8.	د	d	دفع	dafa 'a
9.	ذ	dh	ذهب	dhahaha
10.	ر	r	رَجَعَ	raja 'a
11.	ز	z	رَزَعَ	zara 'a
12.	س	s	سَمِعَ	sami 'a
13.	ش	sh	شَفَعَ	shafa 'a
14.	ص	ṣ	صَدَّ	sa 'ada
15.	ض	ḍ	ضَلَّ	dalala
16.	ط	ṭ	طَلَعَ	tala 'a
17.	ظ	ẓ	ظَفَرَ	zafara
18.	ع	' (a,i,u)	عَلَيْهِ	'alayh
19.	غ	gh	غَرَّ	ghafara
20.	ف	f	فَلَحَ	falaha
21.	ق	q	قَلَمَ	qalama
22.	ك	k	كَتَبَ	kataba
23.	ل	l	لَعِبَ	la 'iba
24.	م	m	مَنَعَ	mana 'a
25.	ن	n	نَالَ	nala
26.	و	w	وَعَدَ	wa 'ada
27.	ه	h	هَدَمَ	hadama
28.	ي	y	يَعْلَمُ	ya 'lamu

b. Vokal Panjang

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi

1.	أ	a	قَالَ	<i>qāla</i>
2.	أو	u	مُؤْسَى	<i>mūsā</i>
3.	اي	ī	إِيمَانٌ	<i>īmān</i>

c. Vokal Pendek

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	---(فتحة)	a	نَصَرٌ	<i>naṣara</i>
2.	---(كسرة)	i	نَاصِرٌ	<i>nāṣira</i>
3.	---(ضمة)	u	يَنْصُرُ	<i>yansuru</i>

d. Diftong

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	أو	aw	أَوْابَةٌ	<i>awwāba</i>
2.	أي	ay	أَيَّامٌ	<i>ayyāma</i>
3.	اي	iy	إِيَّاكَ	<i>iyyāka</i>

•

BAB

PERTAMA

•

BAB 1: PENDAHULUAN

1.0 PENDAHULUAN

Kes-kes ajaran sesat telah mendapat liputan yang meluas di media massa dan media cetak di Malaysia semenjak beberapa tahun kebelakangan ini. Kes-kes sebegini akan menjadi barah dalam masyarakat jika tidak dibendung secara serius di peringkat awal. Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyenaraikan 40 buah kumpulan dikategorikan sebagai sesat di Malaysia. Sehingga kini, masih lagi terdapat ajaran-ajaran sesat yang muncul dalam kalangan masyarakat umpama cendawan tumbuh selepas hujan.¹

Mengikut sumber yang diperolehi daripada pegawai kanan Mahkamah Syariah Kuala Lumpur iaitu Mohd Ridzuan Yaacob, beliau menyatakan bahawa terdapat lima kes ajaran sesat di Kuala Lumpur berdasarkan statistik kes yang difaiklan oleh Pendakwa Syarie dari tahun 2012 hingga 2016. Kesemua kes tersebut difaiklan dan masih lagi dalam proses perbicaraan. Pada 2 Februari 2016 yang lalu mencataftkan sebuah kejayaan bagi Bahagian Penguatkuasaan JAWI di atas tangkapan ke atas 58 individu yang dituduh dengan pelbagai kesalahan yang berkaitan dengan satu ajaran baru yang muncul dalam kalangan masyarakat, iaitu ajaran Millah Ibrahim @ Abraham. Tangkapan ini merupakan satu tangkapan yang terbesar pada tahun ini berbanding tangkapan tahun-tahun terdahulu.²

Berdasarkan kepada Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (AKJSWP) yang memperuntukkan kesalahan kesalahan berhubung akidah adalah di bawah seksyen 4 AKJSWP, iaitu berkenaan kesalahan doktrin palsu,

¹ Suhaizad Saifurdin & Jasri Jamal, "Keperluan Memperkasakan Undang-Undang Penguatkuasaan bagi Kesalahan Berhubung Ajaran Sesat di Negeri Sembilan: Satu Kajian," *Jurnal Hukum*, vol. 39, no. 2 (2014), 133-164.

² Mohd Ridzuan Yaacob (Pegawai Kanan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 3 Mac 2016.

seksyen 11 berkenaan kesalahan mengajar tanpa tauliah, dan seksyen 47 AKJSWP berkenaan kesalahan penyubahatan dan percubaan.

Di Kuala Lumpur, pihak yang bertanggungjawab mengendalikan penguatkuasaan berkaitan kes jenayah syariah, terutamanya melibatkan kes ajaran sesat ialah Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Pihak kerajaan telah menggariskan beberapa panduan untuk melicinkan prosedur penguatkuasaan. Panduan tersebut dikenali sebagai Panduan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan 2007.

Oleh itu, pegawai dalam bahagian penguatkuasa agama perlulah mempunyai pelbagai kemahiran dan kefahaman yang tinggi dalam menggunakan pakai peruntukan undang-undang yang ada supaya dapat mencapai objektif utama penguatkuasaan dalam kes ajaran sesat iaitu menguatkuasakan undang-undang bagi mana-mana kumpulan atau individu yang melakukan seseorang kesalahan-kesalahan di bawah ajaran sesat.

Oleh itu, dalam kajian ini penulis akan melihat apakah cabaran yang dihadapi oleh PPA JAWI dalam menguatkuasakan undang-undang Syariah berkaitan ajaran sesat. Tambahan lagi, kajian ini sedikit sebanyak dapat memberikan maklumat terkini berkenaan isu cabaran penguatkuasaan bagi kesalahan ajaran sesat di Kuala Lumpur.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Sebahagian daripada masyarakat Islam pada hari ini masih belum memahami dan masih samar-samar berkaitan dengan hakikat kesesatan yang terdapat dalam suatu ajaran sehingga berlaku kepincangan dan kerosakan yang besar terhadap pegangan iktikad dan akidah masing-masing. Ia membawa kepada kekeliruan yang amat besar dalam kalangan masyarakat Islam pada hari ini. Tetapi yang lebih menyedihkan apabila pengikut ajaran

sesat sanggup melabelkan orang-orang yang berpegang dengan iktikad yang benar dan orang yang beriman yang tidak mendukung ajaran mereka sebagai sesat dan menyeleweng.³

Senario ini jika tidak dikawal dan dibendung dari akar umbi, ia boleh membawa kepada rosaknya iktikad dan pegangan umat Islam dan menjadikan sesebuah negara dalam keadaan yang tidak aman dan mungkin akan berlaku kacau bilau dalam negara. Ia adalah kesan dari ketaksuhan yang melampau dan ekstrim oleh mana-mana kumpulan bagi memperakui kebenaran sesuatu ajaran sesat yang dibawa.

Seterusnya, penulis mendapati ada dari kalangan mereka yang menyertai pergerakan ajaran sesat ini adalah dari kalangan mereka yang terdiri daripada golongan profesional, ahli perniagaan dan berpangkat besar dan akhirnya boleh menggugat keselamatan negara. Seterusnya, terdapat sebahagian daripada mereka yang terlibat dengan ajaran sesat adalah merupakan individu yang mempunyai pengetahuan agama sehingga ada kes yang sanggup membuat keputusan keluar dari agama Islam. Hal ini dapat dilihat dalam kes Kamariah Ali⁴ yang mengaku telah keluar Islam berdasarkan surat akuan yang telah ditulis sekitar tahun Ogos 1998 dan pemohon telah membuat permohonan keluar Islam di Mahkamah Rayuan Sivil.

Pendapat penulis dalam isu ini ialah mereka yang mengikuti atau menyertai sesuatu ajaran sesat adalah disebabkan kurangnya kefahaman tentang Islam. Bahkan, tindakan menyertai ajaran-ajaran tersebut sememangnya meningkatkan lagi risiko untuk terjebak dengan ajaran sesat. Terdapat juga dari kalangan pengikut mereka yang merupakan ahli

³ Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, *Ajaran Sesat: Mengenali Jalan Yang Terpesong* (Selangor: PTS Islamika, 2007), 37.

⁴ Kamariah Bte Ali lwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia & Satu lagi Dan Rayuan yang lain [2012] 4 CLJ 761.

keluarga yang terdekat. Berdasarkan kepada kes Kamariah Ali,⁵ perayu yang membuat permohonan keluar daripada Islam merupakan seorang isteri kepada pengasas ajaran sesat, iaitu Ariffin Muhammad di Terengganu. Hal ini jika tidak dikawal dengan sebaik mungkin, boleh merosakkan akidah umat Islam di Malaysia.

Selain itu, pertubuhan-pertubuhan ajaran sesat ini membawa kepada masalah negara dan ia melibatkan keselamatan masyarakat awam. Ini dapat dilihat dengan kejadian yang berlaku pada akhir tahun 2013 yang lepas apabila didapati seorang Pegawai Penguatkuasa Agama (selepas ini disebut PPA) telah ditembak mati oleh salah seorang pengikut fanatik ajaran Tuhan Harun.⁶

Lanjutan dari itu, bagi membendung kes-kes ajaran sesat ini dari berleluasa di negara kita, jabatan yang bertanggungjawab dalam menjaga hal ehwal Islam ialah Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Institusi tersebut mempunyai bidang kuasa penuh untuk mengawal anasir-anasir ajaran sesat yang berleluasa dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, Jabatan Agama Islam negeri telah mewujudkan satu jabatan atau unit yang dikenali sebagai unit penguatkuasaan. Unit ini menjalankan tanggungjawab mengawal dan menyekat semua kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang termaktub dalam akta dan enakman jenayah syariah negeri-negeri termasuk kes-kes yang melibatkan dengan kesalahan ajaran sesat. Tugas-tugas unit penguatkuasaan ini adalah untuk membuat risikan dan siasatan terhadap aduan yang diterima oleh orang awam berkenaan dengan kes ini.

Justeru, dari proses penguatkuasaan dijalankan, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pihak penguatkuasa agama dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan. Antara masalah yang dihadapi ialah kesukaran bagi pihak PPA untuk mendapat maklumat

⁵ Kamariah Bte Ali lwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia & Satu lagi Dan Rayuan yang lain [2012] 4 CLJ 761.

⁶ Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz dicapai pada 20/8/2013 <http://www.hmetro.com.my/articles/Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasa JAIP matiditembak/MA/Article.20/11/2013>.

dan bukti pergerakan kumpulan ajaran sesat kerana kebanyakan daripada ahli kumpulan ini secara umumnya bergerak secara rahsia dan kebiasaannya dilakukan di waktu malam dan awal pagi.⁷ Ini membawa kesukaran pihak penguatkuasa untuk mengesan pergerakan mereka. Setakat ini kebanyakan daripada maklumat yang diterima adalah melalui bekas pengikut atau aduan dari orang awam yang menyedari pergerakan mereka.

Permasalahan lain yang timbul dalam proses penguatkuasaan bagi kes-kes ajaran sesat ialah modus operandi penyebaran ajaran sesat ini bukanlah secara naif dan terbuka sepertimana ajaran agama berlandaskan syarak yang diadakan di masjid, surau dan tempat terbuka. Kadang kala ajaran ini tidak mengambarkan sebagai satu ajaran sesat kerana ia bercampur di antara ajaran yang betul dan salah.⁸ Hal ini akan mengaburi mata masyarakat Islam, terutamanya dalam kalangan mereka yang kurang pengetahuan agama dan pihak penguatkuasa menghadapi kesukaran untuk membuktikan dakwaan tersebut kerana mereka yang terlibat dengan ajaran sesat ini adalah mereka yang licik.

Wujudnya dalam pasaran tempatan terbitan dan percetakan buku-buku mengenai ajaran sesat telah diedarkan secara berleluasa kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira lapisan masyarakat. Contohnya kumpulan ajaran Syiah telah mengedarkan buku-buku dan menghantar memorandum persetujuan mengenai penubuhan ajaran tersebut di firma-firma guaman dan NGO untuk mendapat sokongan untuk menubuhkan ajaran tersebut di negara ini.⁹ Hal ini dapat dilihat melalui peruntukan di bawah seksyen 13 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang menyatakan tentang pengawalan bahan penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum syarak.

⁷ Siti Zubaidah Ismail, "Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran," *Jurnal Syariah*, vol. 18, no. 2 (2010), 264.

⁸ Siti Zubaidah Ismail, "Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran," 252.

⁹ Memorandum Majlis Syiah Malaysia, dicapai pada 6/6/2011, <http://www.al-ahkam.net/home/content/memorandum-majlis-syiah-malaysia-kepada-yang-dipertuan-agong-malaysia>

Berdasarkan peruntukan tersebut, mana-mana mencetak, menyiar, menerbit, merakam, dan mengedarkan apa-apa bahan bacaan atau merakam apa-apa kandungan yang bertentangan dengan hukum syarak. Jika disabitkan kesalahan tersebut, tertuduh disabitkan dengan hukuman denda tidak melebihi RM3,000.00 dan penjara tidak lebih dari dua tahun dan terbitan tersebut akan dilucutkan hak penerbitan dan dilupuskan.

Selanjutnya PPA juga menghadapi masalah kekurangan kakitangan di samping terdapat sebahagian pegawai yang berpindah ke jabatan lain. Selain itu, bidangkuasa untuk menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan menambahkan lagi tanggungjawab di unit penguatkuasa agama, di samping isu ketiadaan senjata api yang boleh melindungi keselamatan PPA.¹⁰ Hal ini dapat dilihat melalui kes melibatkan PPA yang menjadi mangsa tembakan oleh pengikut ajaran sesat.¹¹ Selain itu, prosedur tindakan yang panjang dan lama memberikan ruang dan peluang kepada pengasas atau guru ajaran sesat untuk meluaskan, melarikan diri dari ditahan oleh pihak penguatkuasa agama serta menambahkan bilangan ahli mereka. Ketiadaan bahagian khusus berkaitan permurnian akidah dan ajaran sesat di bawah penguatkuasaan sedikit sebanyak merencatkan kelincinan penguatkuasaan terhadap ajaran sesat kerana bahagian penguatkuasaan yang agak besar dan tanggungjawab menjalankan usaha-usaha penyelidikan, pencegahan dan penguatkuasaan bagi kesalahan-kesalahan lain dan tugas yang sama dilaksanakan oleh pegawai yang sama.

Tugas penguatkuasaan dan pemantauan ajaran sesat pada dasarnya terletak di bawah bidang kuasa unit penguatkuasa agama.¹² Selain itu, kerajaan juga telah membuat cadangan untuk menubuhkan satu badan khas Syariah khusus untuk menggantikan penguatkuasa

¹⁰ Shamrahayu A. Aziz, "Kuasa Pegawai Penguatkuasa Agama," dalam *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan Dan Prosedur*, ed Nasimah Hussin (Hulu Kelang: Dawama Sdn Bhd, 2007), hlm. 249-250.

¹¹ Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz dicapai 20/11/2013 <http://www.hmetro.com.my/articles/KetuaPenolongPengarahPenguatkuasaJAIPmatiditembak/MA/Article.20/11/2013>.

¹² Bernama Media, dicapai 10/11/2013. <http://my.news.yahoo.com/jaip-buru-12-lagi-pengikut-ajaran-sesat-tuhan-074647995.html>

agama, iaitu polis Syariah yang mempunyai peranan penting dan meluas khususnya dalam hal kesalahan yang melibatkan jenayah Syariah, tetapi masih belum lagi diwartakan sehingga kini.¹³

Selain itu, pegawai yang dilantik sebagai PPA adalah bukan dari kalangan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang perundangan. Mereka dilantik dari kalangan pegawai di bawah gred lantikan Pegawai Hal Ehwal Islam. Hal ini adalah berbeza dengan lantikan sebagai pegawai di Mahkamah Syariah yang meletakkan lantikan pegawai di bawah gred LS41 dan mempunyai kelulusan dan bidang undang-undang dengan Syariah.

Justeru, kajian ini adalah penting untuk mengkaji permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh penguatkuasa agama dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan bagi kesalahan ajaran sesat dari mula mendapatkan maklumat sehinggalah membawa kes tersebut ke mahkamah untuk dibicarakan.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian penulis adalah seperti berikut;

- 1.2.1 Menganalisis undang-undang tatacara jenayah dan peruntukan undang-undang jenayah syariah Islam mengenai ajaran sesat di Malaysia.
- 1.2.2 Mengkaji garis panduan operasi yang perlu dipatuhi oleh penguatkuasa agama bagi tujuan mensabitkan sesuatu kumpulan atau individu dengan kesalahan berkaitan dengan ajaran sesat khususnya di JAWI.
- 1.2.3 Mengkaji cabaran yang dihadapi oleh PPA di JAWI dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang berkaitan kesalahan-kesalahan ajaran sesat.

¹³ Cadangan penuhan Jabatan Polis dicapai pada 16/8/2014 <http://ikim.blogspot.com/2013/09/cadangan-penuhan-jabatan-polis.html>.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat beberapa signifikan yang jelas terhadap kajian ini sebagaimana berikut:

Kajian ini mengenal pasti tahap pelaksanaan undang-undang sedia ada dalam penguatkuasaan oleh PPA dalam kes-kes ajaran sesat. Ini adalah kerana setiap pegawai di Bahagian Penguatkuasaan mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza-beza di antara satu sama lain.

Kes-kes yang dilaporkan terdahulu merupakan antara sumber rujukan bagi hakim untuk menentukan sama ada seseorang itu disabitkan dengan kesalahan berkaitan akidah di Malaysia. Antara kes jenayah syariah yang paling sukar dibuktikan adalah kes-kes melibatkan ajaran sesat. Ini adalah kerana kes ini bersifat tersembunyi dan tidak terdapat tanda-tanda yang menunjukkan lahirnya sesebuah gerakan. Ia boleh dikesan hasil daripada aduan oleh orang awam dan risikan oleh PPA. Berbeza dengan kes murtad, kes ini boleh dibuktikan apabila individu yang murtad itu menunjukkan beberapa tindakan seperti menyembah berhala, pengisytiharan menukar perkataan Islam dalam kad pengenalan dan memakai apa-apa pakaian yang menyerupai agama lain (dengan niat ingin masuk ke dalam agama tersebut).

Pelbagai usaha telah dilakukan di Bahagian Penguatkuasaan bagi meningkat mutu perkhidmatan pegawai ketika menjalankan operasi penguatkuasaan di Kuala Lumpur. Hal ini adalah penting untuk melihat apakah masalah yang dihadapi oleh PPA untuk menjalankan penguatkuasaan bagi kes ini.

Kajian ini juga dapat memberikan buah fikiran serta cadangan yang boleh diberikan bagi meminimumkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PPA dalam menjalankan penguatkuasaan khususnya bagi kes-kes yang melibatkan ajaran sesat.

1.4 DEFINISI TAJUK

Tajuk kajian penulis adalah “Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Berkaitan Ajaran Sesat: Kajian Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur”. Penulis akan menerangkan maksud kajian tersebut dengan lebih jelas dan mendalam seperti berikut:

Cabaran¹⁴ bermaksud hasil sesuatu (unsur, faktor dan sebagainya) yang menguji kemampuan dan ketabahan seseorang atau sesuatu organisasi.

Penguatkuasaan¹⁵ bermaksud perihal perbuatan dan tindakan. Dengan maksud lain penguatkuasaan tugas-tugas yang dijalankan oleh PPA.

Undang-undang Jenayah Syariah bermaksud undang-undang yang dimaksudkan adalah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal (dibuat) oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh masyarakat yang berkenaan; dalam sesebuah negara demokrasi, parlimen membuat peraturan yang mesti diikuti oleh setiap orang.

Berkaitan Ajaran Sesat bermaksud kesalahan jenayah Syariah yang melibatkan ajaran sesat. Istilah menurut Kamus Dewan dibahagi kepada dua perkataan iaitu ajaran dan sesat:

Ajaran ditakrifkan sebagai segala sesuatu yang diajarkan, nasihat, petunjuk, teori dan mazhab.¹⁶ Manakala, **Sesat** pula ditakrifkan sebagai tidak mengikut jalan yang betul, tersalah (tersilap) jalan, terkeliru (perbuatan, kepercayaan dan lain-lain) dan menyimpang daripada jalan yang benar.¹⁷

Oleh itu, merujuk kepada takrifan yang ditulis oleh Ab. Rahman Hj Yunus, ajaran sesat adalah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-

¹⁴ Kamus Dewan, ed. Ke -4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2015), 232, entri “cabaran”.

¹⁵ *Ibid*, 871, entri “pelaksanaan”.

¹⁶ *Ibid*, 232, entri “ajaran”.

¹⁷ *Ibid*, 1267, entri “sesat”.

orang yang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan yang dibawa mereka itu berdasarkan kepada ajaran Islam. Sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah, mazhab yang *mu'tabar* dan pegangan *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*.¹⁸

Kajian di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) bermaksud kajian kes ini dijalankan ke atas responden-responden yang berkhidmat di Cawangan Penguatkuasaan JAWI, dan berbidangkuasa dalam mengendalikan kes-kes ajaran sesat. Oleh itu, secara umumnya kajian ini membincangkan tentang cabaran yang dihadapi oleh PPA dalam menjalankan operasi penguatkuasaan bagi kes ajaran sesat di JAWI.

1.5 HIPOTESIS KAJIAN

- 1.5.1 Kes-kes yang melibatkan kesalahan ajaran sesat ini mengambil masa yang lama untuk mengeluarkan perintah penghakiman. Bermula dari aduan sehingga keputusan penghakiman di Mahkamah Syariah.
- 1.5.2 Selain itu, kesukaran untuk mendapatkan bukti yang kukuh bagi mensabitkan seseorang tertuduh dengan pertuduhan ajaran sesat.
- 1.5.3 Pihak PPA menghadapi kesukaran untuk menjalankan siasatan terdapat kes-kes yang diadukan oleh orang awam adalah kerana maklumat yang diterima adalah tidak lengkap.
- 1.5.4 PPA tidak mempunyai kuasa penuh dalam proses penguatkuasaan kes ajaran sesat.

¹⁸ Ab Rahman Hj Yunus, "Mengenali Ajaran Sesat di Malaysia," dalam *Islam: Akidah dan Kerohanian*, ed. Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia 1996), 75.

1.6 SKOP KAJIAN

1.6.1 Batasan subjek kajian

Subjek yang dikaji adalah berkenaan dengan penguatkuasaan undang-undang dalam kes ajaran sesat. Kajian ini juga merangkumi penggunaan tatacara penguatkuasaan, pendakwaan, dan cabaran PPA dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan bagi kes ajaran sesat khususnya kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Antara aspek yang dikaji dan dianalisis dalam penulisan ini adalah untuk melihat cabaran yang dihadapi oleh PPA dalam menjalankan proses penguatkuasaan dan penambahbaikan yang dilakukan oleh bahagian penguatkuasaan JAWI dalam menjalankan operasi penguatkuasaan bagi kes ajaran sesat berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada.

1.6.2 Batasan Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Jabatan Penguatkuasaan JAWI, Jabatan Sumber Manusia JAWI, Bahagian Penguatkuasaan JAWI, dan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Terdapat beberapa keperluan bagi pemilihan lokasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kerana terdapat kes terkini yang dilaporkan di media masa berkenaan kejayaan pegawai penguatkuasa agama menahan ahli kumpulan ajaran sesat tersebut seramai 57 orang. Ini merupakan satu tangkapan yang tinggi setakat ini yang direkodkan di Jabatan Penguatkuasaan JAWI.

Ini menarik minat penulis untuk menjalankan kajian kejayaan yang dicapai oleh pegawai-pegawai PPA dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan tersebut. Kedua, berdasarkan sumber yang diperolehi daripada pegawai kanan Mahkamah Syariah, semua kes ajaran sesat masih lagi dalam proses pendakwaan di pelbagai peringkat di Mahkamah Syariah, iaitu dari mahkamah tinggi, hingga ke mahkamah rayuan, dan sehingga kini terdapat lima kes yang masih berjalan di peringkat perbicaraan. Kes Milah Ibrahim @

Abraham merupakan kes terbaru yang sedang dibicarakan. Ketiga, penulis ingin melihat tanggapan penulis terdahulu yang menyatakan bahawa tidak kesemua anggota PPA yang memiliki pengalaman dan pengetahuan yang mendalam dalam menjalankan proses penguatkuasaan bagi kes-kes jenayah syariah, terutamanya bagi kes ajaran sesat.

1.6.3 Batasan Informan kajian

Informan temu bual adalah dari kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam menjalankan penguatkuasaan bagi kes-kes ajaran sesat seperti PPA, Pendakwa Syarie, pegawai-pegawai dari jabatan penguatkuasa, bahagian sumber manusia di JAWI serta pegawai-pegawai dari Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

1.7 SOROTAN LITERATUR

Penulis membuat sorotan terhadap literatur yang berkaitan ajaran sesat. Penulisan ini merangkumi ajaran sesat, kesalahan-kesalahan ajaran sesat, tatacara penguatkuasaan undang-undang berkenaan dengan kesalahan ajaran sesat, dan pelaksanaan penguatkuasaan kes ajaran sesat. Oleh itu, sorotan kajian ini dibahagikan kepada beberapa tema yang telah dinyatakan dan dikelompokkan. Penulisan ini melibatkan kajian-kajian berpandukan kepada disertasi, jurnal, artikel, seminar, pembentangan kertas kerja, dan buku-buku yang berkaitan dengan ajaran sesat serta amalannya. Berikut adalah kategori yang dikemukakan:

1.7.1 Ajaran sesat

Berdasarkan kepada kajian lepas, kajian berkenaan ajaran sesat ini penulis membahagikan kepada tiga bahagian, iaitu tafsiran ajaran sesat, kategori dan ciri-ciri ajaran sesat. Oleh itu,

berdasarkan kepada tafsiran ajaran sesat yang diberikan oleh Bahagian Akidah JAKIM adalah seperti berikut:¹⁹

“Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan dan berlawanan dengan akidah Islamiah, bertentangan dengan al-Quran dan hadis, bertentangan dengan mazhab yang muktabar dan bertentangan dengan ahli Sunnah wal Jamaah.”

Selain itu, sebahagian penulis menggunakan istilah ajaran salah, penyelewengan akidah²⁰ atau pencemaran akidah²¹ yang membawa maksud, sesuatu kumpulan benar-benar menyalahi dan bertentangan dengan konsep akidah Islam dan Syariat Islam.

1.7.2 Kategori ajaran sesat

Berdasarkan kajian Engku Ahmad Zaki Engku Ali,²² Siti Norbaya Abd Kadir,²³ Ab Rahman Yusuf,²⁴ mereka telah bersepakat menyatakan bahawa kategori ajaran sesat boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu ajaran baru atau ilmu tasawwuf, bentuk tarekat dan kepercayaan dalam amalan tradisi. Manakala, kategori ajaran sesat ini ditambah oleh penulis Siti Norbaya dua kategori lain iaitu ajaran baru atau ilmu tasawwuf, bentuk baru, menolak sumber dan kepercayaan dalam amalan tradisi.

¹⁹ Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, “Kajian Ajaran Sesat dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan,” *Jurnal Usuluddin*, vol. 26 (2007), 5.

²⁰ Ramli Awang, *Akidah dalam Kehidupan Muslim: Analisis Aspek-Aspek Penyelewengan* (Johor Bahru: UTM Press, 2012), 237.

²¹ H.O.K. Rahmat S.H., *Pencemaran Akidah di Nusantara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983), v.

²² Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, *Ajaran Sesat di Negeri Terengganu* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Darul Iman Malaysia, 2009), 21-26.

²³ Siti Norbaya Abdul Kadir, *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya* (Kuala Lumpur: Al Hidayah Publishers, 2002), 8.

²⁴ Ab Rahman Hj Yunus, “Mengenali Ajaran Sesat di Malaysia,” 76.

Manakala penulisan oleh Wan Mohd Azam Mohd Amin²⁵ telah mengemukakan kategori lain ajaran sesat iaitu muzik alternatif dan fahaman barat seperti fahaman sekularisme, kapisatlisme dan sebagainya dan pemujaan kepada dada.

1.7.3 Kaedah Pengawalan Kes Ajaran Sesat

Kajian Siti Zubaidah Ismail²⁶ dan Suhaizad Saifuddin²⁷ membincangkan mengenai sejarah secara umum dan peruntukan undang-undang berkaitan dengan ajaran sesat yang longgar, serta wujudnya limitasi dalam mensabitkan hukuman bagi kesalahan tersebut. Selain itu, kajian tersebut turut membincangkan mengenai penguatkuasaan undang-undang bagi kesalahan yang berkaitan.

Selain itu, terdapat juga penulis yang menggunakan pendekatan lain dalam menyelesaikan kes ajaran sesat ini melalui peruntukan undang-undang sivil dan Kanun Keseksaan. Mohd Al-Adib Samuri, Noor Aziah Haji Mohd Awal²⁸ dan Abdul Latif Ibrahim²⁹ menjelaskan peruntukan undang-undang kesalahan jenayah akidah masih lagi longgar dan tidak spesifik kepada kesalahan ajaran sesat itu sendiri, tetapi hanya berkaitan dengan kesalahan-kesalahan mengajar tanpa tauliah, mencetak dan menerbitkan yang bercanggah dengan ajaran Islam dan lain-lain. Selain itu, dalam artikel ini juga diterangkan mengenai peruntukan-peruntukan yang boleh dikenakan terhadap kesalahan yang melibatkan ajaran sesat.

²⁵ Wan Mohd Azam Mohd Amin, *Ajaran Sesat* (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2009), 6.

²⁶ Siti Zubaidah Ismail, "Menangani Ajaran Sesat di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran," 264.

²⁷ Suhaizad Saifurdin & Jasri Jamal, "Keperluan Memperkasakan Undang-Undang Penguatkuasaan bagi Kesalahan Berhubung Ajaran Sesat di Negeri Sembilan: Satu Kajian," 133-164.

²⁸ Mohd Al-Adib Samuri & Noor Aziah Haji Mohd Awal, "Ajaran Sesat dalam Islam: Penggunaan Undang-Undang Sivil sebagai Satu Mekanisma Perundangan Alternatif terhadap Pesalah," *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, vol. 19, no. 2 (2007), 1-24.

²⁹ Abdul Latif Ibrahim, "Mekanisme Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-Undang Islam di Seluruh Malaysia," *Jurnal Hukum*, vol. 12, no. 1 (1998), xxxvi-xxxx.

Selain itu, pendekatan lain yang digunakan dalam mengawal kes ajaran sesat ialah melalui pemakaian kaedah fiqh, iaitu aplikasi *Sadd Al Dhara'i* dalam pengawalan akidah yang dikaji oleh Wan Zulkifli Wan Hassan.³⁰ Antara kaedah yang dikemukakan oleh beliau ialah perlunya penubuhan satu jawatankuasa untuk memantau dan mengawal kes ajaran sesat ini beberapa badan rasmi, iaitu Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan (JAPAS), Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam (JAPPIS), Jawatankuasa Menangani Isu-isu Semasa Akidah dan Panel Kajian Akidah. Agensi-agensi ini menyarankan umat Islam agar tidak mempelajari dan merujuk segala kemosykilan agama kepada guru-guru yang tiada autoriti dan memastikan umat Islam di Malaysia tidak menghadiri sesuatu ceramah dan kuliah yang dilakukan secara sulit dan terpencil, tetapi dilakukan ceramah atau kuliah tersebut dengan di tempat yang terbuka.

1.7.4 Pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah berkaitan ajaran sesat

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Azam Mohd Shariff³¹ adalah selari dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Daud Muhammad³² yang menyatakan bahawa suatu siasatan itu hanya akan bermula apabila pengadu membuat aduan kepada PPA. Ahmad Azam Mohd Shariff menambah lagi bahawa perkara utama dalam menjalankan penyiasatan adalah dengan mengkategorikan terlebih dahulu kesalahan yang dilakukan, sama ada kesalahan tersebut adalah kesalahan boleh tangkap atau sebaliknya.³³ Bagi kesalahan ajaran ajaran sesat, seksyen yang diperuntukkan adalah kesalahan-kesalahan boleh tangkap. Artikel yang

³⁰ Wan Zulkifli Wan Hassan, “Aplikasi *Sadd al-Dhara'i* dalam Pengawalan Akidah di Malaysia,” dalam *Aplikasi *Sadd al-Dhara'i* dalam Pengawalan Akidah* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014), 69-70.

³¹ Ahmad ‘Azam Mohd Shariff dan Mazupi Abdul Rahman, “Siasatan Kes Jenayah di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997,” *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, vol. 9 (2005), 1-18.

³² Daud Muhammad, “Prosedur Jenayah Mahkamah Syariah,” *Jurnal Hukum*, vol. 13, no. 1 (1999), 10.

³³ Ahmad ‘Azam Mohd Shariff dan Mazupi Abdul Rahman, “Siasatan Kes Jenayah di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997,” 1-18.

ditulis oleh Zulkifli Hasan³⁴ dalam kajiannya menyatakan bahawa antara isu yang dihadapi dalam proses penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia adalah seperti; i) ketidakseragaman dan konflik undang-undang, ii) kesalahan murtad, iii) ajaran sesat, dan iv) kesalahan-kesalahan khalwat. Berdasarkan isu ketiga, antara masalah yang dihadapi dalam penguatkuasaan ajaran sesat di Selangor adalah hukuman yang diperuntukkan adalah terlalu ringan berbanding dengan kemudaratannya kepada masyarakat Islam. Penulis berkenaan mengkaji aplikasi penguatkuasaan ajaran sesat di Selangor. Manakala dalam kajian ini, penulis mengkaji berkenaan penguatkuasaan ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Seterusnya, dalam isu penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah, Zulfakar Ramlee Saad³⁵ dan Siti Zubaidah Ismail³⁶ dalam kajian mereka membincangkan berkenaan operasi yang dilaksanakan oleh PPA serta kepentingan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang jelas sepanjang proses penguatkuasaan dijalankan.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan, penulis tidak menafikan bahawa sememangnya banyak kajian ilmiah berkenaan isu penguatkuasaan ajaran sesat. Namun begitu, penulis mendapati bahawa kebanyakannya penulis terdahulu hanya menjelaskan isu penguatkuasaan ini secara umum seperti prosedur, proses dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PPA. Oleh itu, dalam kajian ini penulis akan memfokuskan kepada cabaran penguatkuasaan bagi kesalahan ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasil kajian ini akan dibincangkan secara mendalam dalam bab 3 dan bab 4 dalam disertasi ini.

³⁴ Zulkifli Hasan “Isu Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia dan Sejauhmanakah Perlakanaanya,” di capai 20/2/2017 http://scholar.google.com/scholar?cluster=9194001444225491642&hl=en&as_sdt=2005&sciodt=0,5

³⁵ Zulfakar Ramlee Saad, “Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu dan Penyelesaian,” *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, vol. 27, no. 1 (2015), 127.

³⁶ Siti Zubaidah Ismail, “Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis,” *Jurnal Syariah*, vol. 16, no. 3 (2008), 539.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Metode ini merupakan metode utama dalam kajian ini, teknik dalam proses mengumpul dan merekod data-data dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dibincangkan. Ia bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang sesuai dengan tajuk kajian supaya proses menganalisis data dapat dilakukan dengan sempurna dan terperinci.

Kajian ini dijalankan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) selama tempoh dua minggu di agensi berkenaan. JAWI merupakan salah satu bahagian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang terletak di bangunan Pusat Islam Kuala Lumpur. Ia mempunyai beberapa 11 bahagian termasuklah bahagian penguatkuasaan.

Tumpuan kajian banyak tertumpu di bahagian penyiasatan jumlah anggota di bahagian ini berjumlah 81 kakitangan di pelbagai peringkat jawatan serta bahagian. Oleh itu, penulis hanya menemu bual dua orang responden, iaitu seorang Pegawai Penguatkuasa dari Cawangan Siasatan dan seorang pegawai lagi dari Jabatan Sumber Manusia untuk mengetahui data-data terkini berkenaan dengan jumlah keseluruhan pegawai di Bahagian Penguatkuasaan. Kepentingan kajian lapangan ini dibuat disebabkan perkara-perkara berikut:

- I. Untuk mendapatkan bahan-bahan maklumat berkenaan peruntukan undang-undang, prosedur penguatkuasaan yang dilaksanakan dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan khususnya bagi kes-kes ajaran sesat.
- II. Meninjau proses kerja yang telah ditetapkan oleh jabatan secara lansung dan pentadbiran Bahagian Penguatkuasaan JAWI dari segi organisasi, skim perkhidmatan, operasi penguatkuasaan, perbelanjaan siasatan, pembahagian tugas, pengurusan fail-fail siasatan dan pengendalian barang-barang yang disita.

III. Meninjau kekuatan dan kelemahan PPA, masalah dan isu-isu yang dihadapi oleh Bahagian Penguatkuasaan JAWI.

Bagi mendapatkan data-data mengenai perkara di atas, beberapa kaedah penyelidikan digunakan sepetimana berikut:

1.8.1 Metode Temu Bual³⁷

Temu bual ialah metode di mana seseorang penulis atau penyelidik merujuk individu yang pakar dan mahir dalam kajian bidang yang ingin dikaji. Tujuannya adalah untuk mendapatkan jawapan yang lebih mudah dan tepat mengenai sesuatu isu yang ingin dikaji. Metode ini adalah untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan individu-individu yang arif dan pakar dalam pelbagai bidang.³⁸ Metode temu bual boleh dilakukan dengan pelbagai cara iaitu, melalui pertemuan di antara penulis dengan penemu ramah yang berautoriti dan juga boleh menggunakan teknologi-teknologi terkini seperti perbualan telefon, emel dan *visual call*.

Penulis telah menggunakan kaedah temu bual semi struktur untuk mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai kes-kes ajaran sesat ini. Temu bual secara semi struktur ialah temu bual yang dijalankan secara formal, terancang dan teliti dan dilaksanakan mengikut senarai soalan yang dijawab oleh responden. Bagi mendapatkan maklumat yang mendalam mengenai gejala ajaran sesat punca-punca penularan dan langkah-langkah pencegahan, penulis telah menemu bual beberapa orang yang pakar dan mahir dalam bidang tertentu.

³⁷ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990), 53.

³⁸ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah, Amalan dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil dan Shakir Sdn. Bhd., 2009), 70.

Di peringkat awal kajian, penulis telah mengadakan sesi temu bual oleh empat orang pegawai yang bertanggungjawab dalam menguruskan kes berkaitan dengan ajaran sesat. Sesi temu bual ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran secara jelas mengenai isu berkaitan dengan kes ajaran sesat, membincangkan beberapa perkara berbangkit mngenai ajaran sesat. Penulis juga menemu bual empat orang responde tersebut seperti berikut:

a) Penolong Pegawai Penguatkuasa Agama JAWI

Penulis telah mengadakan sesi temu bual dengan responden pertama ialah Puan Ruslida Rusli yang merupakan Penolong Pengarah di Bahagian Penguatkuasaan JAWI. Tujuan penulis menemu bual responden adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar tugas, tanggungjawab yang diberikan oleh pihak PPA untuk menjalankan proses awal penyiasatan khususnya bagi kesalahan ajaran sesat. Responden ini adalah sangat penting dalam kajian penulis kerana kajian penulis adalah berkaitan proses penguatkuasaan bagi kes-kes ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

b) Mufti Wilayah Persekutuan

Seterusnya, penulis juga mengadakan sesi temu bual dengan Mufti Wilayah Persekutuan iaitu sahibus samahah, Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri untuk mendapatkan beberapa cara dan kaedah yang berkesan bagi menangani isu ajaran sesat dari segi pemantapan diri umat Islam dan kaedah yang boleh diambil oleh PPA bagi menyekat dan mengawal penyebaran ajaran sesat dalam kalangan masyarakat.

c) Penolong Pegawai Syariah Mahkamah Syariah

Seterusnya, penulis juga telah mengadakan sesi temu bual dengan Penolong Pegawai Syariah LS32, Unit Pendaftaran, di Mahkamah Syariah iaitu Mohd Ridzuan Yaacob, pada 3/3/2016. Temu bual ini adalah bertujuan untuk mendapatkan beberapa maklumat

berkenaan kes-kes ajaran sesat yang masih berjalan di Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan.

d) Pegawai Sumber manusia JAWI

Selanjutnya, penulis juga telah mengadakan sesi temu bual dengan Pegawai Sumber Manusia JAWI, iaitu Puan Aliyatul Muna Zahidi melalui perbualan telefon untuk mendapatkan statistik pegawai-pegawai yang ditempatkan di bahagian Penguatkuasaan JAWI. Pegawai tersebut telah memberikan senarai pegawai yang ditempatkan di setiap unit di dalam penguatkuasaan JAWI. Selain itu, penulis juga mendapatkan maklumat tugas-tugas yang ditetapkan oleh setiap pegawai yang ditempatkan di unit-unit bahagian Penguatkuasaan.

1.8.2 Metode Observasi

Metode ini bertujuan untuk menghasilkan diskripsi terperinci berkenaan bagaimana seseorang PPA menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dalam selama tempoh dua bulan iaitu dari bermula 17 Februari 2016 hingga 17 April 2016 berada di Bahagian Penguatkuasaan JAWI. Oleh itu, hasil pemerhatian penulis ketika berada di bahagian tersebut, tidak terdapat kes-kes baru oleh pihak PPA dalam menjalankan siasatan kes baru.

Observasi turut dijalankan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkaitan kes Millah Ibrahim yang dijalankan pada 8 Mac 2016. Observasi kes Millah Ibrahim ini dijalankan memandangkan kes ajaran sesat ini sahaja yang sedang dibicarakan di mahkamah dalam tempoh kajian penulis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penulis juga mendapati tidak terdapat kes-kes ajaran sesat yang lain dilaporkan sepanjang tempoh dua bulan kajian penulis di Mahkamah Syariah iaitu bermula 1 Mac 2016 hingga 1 Mei 2016.

Melalui kaedah ini, satu pemahaman secara mendalam dapat dirungkaikan. Data-data yang dikumpul dan diperolehi adalah diyakini kebenarannya kerana semua maklumat yang diperolehi adalah hasil daripada pemerhatian yang dijalankan dan perantaraan mana-mana pihak. Langkah-langkah dalam observasi ini ialah; i) mengenal pasti pembolehubah kajian kajian sedia ada atau teori-teori penguatkuasaan, pemerhatian tertumpu kepada pelaksanaan menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan, di samping pegawai yang terlibat dengan penguatkuasaan kes ajaran sesat ini menunjukkan gambar-gambar proses penguatkuasaan, barang-barang yang disita serta senarai gambar tertuduh yang ditangkap yang dibawa ke JAWI.

Seterusnya dalam hal pelaksanaan penguatkuasaan, penulis akan mengkaji kekuatan, potensi penambahbaikan dalam penguatkuasaan dari segi kelancaran operasi, kepimpinan, kepatuhan kepada prosedur yang lazim digunakan seperti tatacara, perisikan, buku laporan, permohonan waran tangkap, kaedah serbuan, tangkapan serta siasatan. Oleh yang demikian, satu laporan disediakan dalam lampiran A bagi menghuraikan prosedur tersebut. Hasil kajian yang diperolehi dari temu bual yang dijalankan akan dibentangkan dalam bab 4 sebagai perbincangan berkenaan tatacara penguatkuasaan dan penambahbaikan yang dibuat oleh PPA dalam operasi penguatkuasaan kes-kes ajaran sesat.

a) Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi bermaksud sesuatu yang ditulis atau dicetak yang digunakan sebagai merekod sesuatu data, percakapan atau maklumat yang diperolehi dari buku undang-undang yang berkaitan jenayah, fail-fail kes, laporan-laporan, jurnal serta statut-statut yang berkaitan.

Antara dokumen-dokumen yang diperolehi sepanjang kajian ini dibuat adalah jurnal-jurnal, laporan-laporan kes dari surat khabar berkenaan dengan kes ajaran sesat, serta

gambar-gambar senario tangkapan dan sebuan yang dilakukan oleh pihak penguatkuasa agama, tetapi gambar tersebut tidak dapat diperolehi kerana dokumen tersebut adalah bahan utama kes. Maklumat dan data yang diperolehi akan diterangkan di dalam bab 3, bahagian teori dan aplikasi penguatkuasaan di Bahagian Penguatkuasaan JAWI.

b) Metode Perpustakaan

Metode ini amat penting dalam proses pengumpulan data dengan merujuk kepada bahan-bahan rujukan yang terdapat didalam perpustakaan. Antara bahan-bahan yang dirujuk ialah tafsir ayat al-Quran, kitab fiqh seperti Fiqhul Manhaji: kitab Fekah Imam Syafie, rujukan jurnal, statut, dan majalah yang berkaitan dengan kesalahan ajaran sesat.

Penulis mengaplikasikan kaedah dan metode ini adalah sebagai satu kaedah penyelidikan pertama yang digunakan dalam kajian ini. Data dan maklumat akan dikumpulkan melalui dapat kajian yang diperolehi dari pembacaan bahan-bahan ilmiah. Terdapat beberapa jenis bahan yang penulis perolehi, iaitu:

- i) Disertasi-disertasi penulis terdahulu
- ii) Buku-buku yang berkaitan dengan kes ajaran sesat.
- iii) Artikel-artikel berkaitan dengan ajaran sesat
- iv) Pengumpulan kertas-kertas kerja seminar.

Antara perpustakaan yang menjadi tempat penulis mencari bahan maklumat ialah:

- i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM)
- ii) Perpustakaan Utama UIAM

- iii) Perpustakaan Pengajian Akademi Islam UM
- iv) Perpustakaan Undang-undang Ahmad Ibrahim UM

1.9 SUSUNAN BAB

Dalam pecahan bab ini, penulis akan membahagikan kepada lima bab, iaitu:

Bab Pertama: merupakan bab pendahuluan yang mengandungi pengenalan, latar belakang, objektif kajian, skop kajian, hipotesis kajian, sorotan literatur, permasalahan kajian susunan kajian, dan metodologi kajian.

Bab Dua: penulis menfokuskan berkenaan pengenalan ajaran sesat menurut syarak. Dalam bab ini juga penulis akan menfokuskan berkenaan dengan ajaran sesat dari segi pengertian, ciri-ciri dan bentuk-bentuknya. Selain itu, penulis juga telah menerangkan secara ringkas berkenaan kegiatan-kegiatan pertubuhan ajaran sesat berlawanan dengan syarak di Malaysia. Dalam bab ini juga, penulis menerangkan berkenaan teori dan prinsip asas penguatkuasaan dalam Islam.

Bab Tiga: penulis mengkaji mengenai undang-undang yang terpakai bagi kesalahan-kesalahan ajaran sesat. Selain itu, penulis juga akan menerangkan berkenaan prosedur dan tatacara jenayah syariah khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengenai pelaksanaan undang-undang mengenai kesalahan ajaran sesat dan kesesuaian hukuman terhadap. Penulis juga akan menerangkan berkenaan prosiding dan penghakiman terhadap kes-kes ajaran sesat yang telah diputuskan di Mahkamah-Mahkamah Syariah di Malaysia.

Bab Empat: Menganalisis keperluan undang-undang bagi menangani isu ajaran sesat, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PPA bagi menguatkuasakan kes ajaran sesat. Ditambah

lagi dengan usaha-usaha kerajaan bagi membendung isu ajaran sesat tersebut dari disebarluaskan secara meluas. Selain itu, penulis juga akan mengkaji mengenai perintah yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah dan melihat kaedah terbaik bagaimana untuk menarik semula pengikut ajaran sesat kembali ke jalan Islam yang sebenarnya.

Bab Lima: Bahagian ini akan mengemukakan kesimpulan serta pandangan penulis terhadap tajuk kajian yang dikaji. Di samping itu, penulis akan memberikan beberapa cadangan dan pandangan dan cara mengawal kegiatan ini dari menular dalam kalangan masyarakat.

•

BAB

KEDUA

•

BAB 2: PENGENALAN AJARAN SESAT DAN KONSEP PENGUATKUASAAN DALAM ISLAM

2.0 PENDAHULUAN

Islam telah meletakkan satu garis panduan yang jelas dan lengkap berkenaan sistem akidah dan syariah Islam. Kedua-dua elemen ini adalah menjadi asas utama kepada umat Islam untuk dipelajari, difahami dan diaplikasikan dalam kehidupan beragama. Punca berlakunya penyebaran ajaran sesat dalam kalangan masyarakat pada hari ini adalah kerana kurangnya ilmu pengetahuan berkenaan prinsip-prinsip asas Islam.

Antara asas utama yang perlu difahami oleh umat Islam ialah berkaitan dengan Akidah Islamiyyah. Umat Islam wajib mengetahui dan juga perlu yakin dengan sebenarnya kepada rukun iman yang enam, iaitu percaya kepada Allah SWT, percaya kepada malaikat, percaya kepada rasul-rasul, percaya kepada kitab-kitab Allah SWT yang telah diturunkan melalui perantaraan Malaikat Jibril kepada nabi-nabi yang terpilih dari kalangan manusia dan mempercayai qada' dan qadar yang berlaku ke atas manusia semuanya adalah dari Allah SWT.

Manakala cara hidup Islam pula adalah berkaitan dengan apa-apa perbuatan yang selari dengan ajaran Islam yang sebenar yang termaktub dalam al-Quran dan disandarkan kepada Sunnah Nabi dan telah diiktiraf oleh kebanyakan ulama terdahulu.

Kebanyakan ajaran sesat ini disebarluaskan dengan menggunakan pelbagai medium penyampaian seperti menggunakan risalah yang diedarkan kepada orang awam dan membuka kelas-kelas pengajian yang berselindung di sebalik nama kelas agama. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang mengadakan beberapa mengadakan sesi seminar sama ada di peringkat tempatan atau global.

Di zaman teknologi dan telekomunikasi tanpa sempadan hari ini, dakyah ajaran sesat ini juga tidak ketinggalan dari mengalami perubahan dalam modus operandi penyebaran ajaran sesat dengan lebih mudah dan berkesan. Maklumat berkenaan fahaman mereka disebarluaskan melalui *facebook*, intagram, blog dan emel. Hal ini dapat dibuktikan melalui kejayaan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam menyekat 15 laman web yang melanggar enakman jenayah syariah dan antara aduan yang diterima oleh SKMM adalah dari kes-kes yang melibatkan penyebaran fahaman dan ajaran sesat.¹

Di Malaysia, sehingga kini terdapat beberapa kumpulan ajaran sesat yang masih bergiat aktif, antaranya ialah Hakikat Insan, Qadiani, Taslim, Kabulani, Abu Bakar Bappu, Darul Arqam, Ayah Pin, Hasan Anak Rimau, Saufi Lembik, Crypto, Bahai, Kumpulan Ikhwan, Anti Hadis, Tarekat Nurul Zaman, Ajaran Mohamad Nasir Ismail, Ajaran Nordin Puteh, Tareqat Naqsybandiyyah Kadirun Yahya, Tareqat Smaniaah Ibrahim Bonjol, Ajaran Empat Sahabat, Tarekat Mufaridiyah, Tarekat Sakaratul Maut, Whadatul Wujud dan wali Sembilan.² Ditambah lagi dengan kewujudan beberapa kumpulan ajaran sesat baru yang telah dilaporkan ialah ajaran Tuhan Harun³, Ajaran Syiah⁴ dan Millah Abraham@ Ibrahim.⁵

Manakala individu yang terikut dengan ajaran sesat ini, mengamalkan amalan yang berlawanan dan bertentangan dengan prinsip-prinsip asas Islam. Berdasarkan kepada kajian, faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu terpengaruh dengan sesuatu dakyah ajaran sesat ini adalah kerana kesan dari anutan dan kepercayaan masyarakat Melayu-Islam

¹ SKMM sekat lebih 2,000 laman web, dicapai pada 20/12/2016, <http://www.skmm.gov.my/Media/Press-Clippings/SKMM-sekat-lebih-2,000-laman-web.aspx?lang=ms-MY>

² Wan Mohd Azam Mohd Amin, *Ajaran Sesat*, 6.

³ ‘Ajaran Harun’ sebar fahaman universiti sebar, <http://www.sinarharian.com.my/semasa/ajaran-harun-sebar-fahaman-mirip-universiti-1.151170> dicapai pada 19/2/2017

⁴ Isu-Isu Seputar Syiah Di Facebook Pro-Syiah Malaysia. dicapai pada 19/2/2017 http://www.academia.edu/5893486/Isu-isu_Seputar_Syiah_di_Facebook_Pro-Syiah_Malaysia.

⁵ Penulis tidak diketahui, Jabatan Mufti Negeri Sarawak, “Ajaran Millah Ibrahim” dicapai pada 19/2/2017 http://www.muftinegeri.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?mod=news&sub=news_view&nid=235

kepada dinamisme dan aminisme mahupun pengaruh hinduisme dan buddhisme terhadap diri mereka telah melahirkan elemen ajaran sesat yang mudah diterima pakai oleh masyarakat. Selain itu, terdapat juga faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya penyebaran ajaran sesat ini adalah dari faktor dalaman dan luaran yang akan dibincangkan secara lanjut di dalam bahagian ini.

Sekiranya isu ini tidak dikawal dengan sewajarnya, maka tidak mustahil boleh menyebabkan kadar kes penyelewengan akidah semakin meningkat. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kes Kamariah Ali,⁶ iaitu pemohon telah membuat permohonan keluar Islam di mahkamah sivil beberapa tahun dahulu. Justeru, pelbagai usaha sedang dijalankan oleh PPA bagi menangani isu ajaran sesat ini disebarluaskan dalam kalangan masyarakat Islam pada hari ini. Oleh itu dalam bab ini, penulis akan membincangkan secara mendalam berkenaan dengan bentuk-bentuk ajaran sesat, ciri-cirinya dan kesannya jika kes-kes ajaran sesat ini tidak dikuatkuasakan dengan sebaiknya.

2.1 ASAS AKIDAH MENURUT ISLAM

Akidah Islam yang sebenarnya adalah merujuk kepada keimanan yang kukuh dari segi iktikad dan kepercayaan yang kuat tanpa ada syak dalam diri umat Islam. Umat Islam perlulah berpegang teguh kepada semua perintahNya dalam kehidupan seharian dan menjauhi segala laranganNya seperti melakukan perkara yang boleh membawa kepada syirik atau meninggalkan amal perbuatan yang diperintahkan.

Manakala bagi syariat Islam pula, umat Islam perlu mengamalkan setiap apa yang diperintahkan kepada umat Islam. Lima rukun Islam yang asas, iaitu mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat fardhu lima kali sehari semalam, berpuasa pada bulan

⁶ *Kamariah Ali lwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia & Satu lagi dan Rayuan yang lain* [2002] 3 CLJ 761.

Ramadan, menunaikan zakat, dan mengerjakan ibadah haji di Mekah bagi yang berkemampuan.

Setiap amalan yang dilakukan oleh umat Islam di Malaysia hendaklah selari dengan pegangan *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah* sepetimana yang dinyatakan di bawah peruntukan Seksyen 39, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (APUTWP). Seksyen ini memperuntukkan bahawa rujukan utama berkenaan nas-nas yang dikehendaki oleh seorang mufti untuk tujuan mengeluarkan sesuatu hukum dan apa-apa cara hidup Islam adalah berpandukan kepada Mazhab Syafie, jika pendapat dari Mazhab Syafie berlawanan dari kemaslahatan awam di Malaysia, mufti di Wilayah Persekutuan boleh menggunakan pandangan mazhab-mazhab lain seperti Mazhab Hanafi, Mazhab Hanbali dan Mazhab Maliki.

Akan tetapi dalam akta APUTWP tidak dinyatakan tentang pendapat dan pandangan Mazhab Syiah. Oleh itu, dapat dilihat di sini bahawa Mazhab Syiah tidak diiktiraf sebagai satu rujukan dan panduan utama dalam menentukan apa-apa fatwa yang akan dikeluarkan atau diwartakan oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dan jabatan mufti di negeri-negeri lain di Malaysia.

2.2.1 Dalil dari al-Quran dan Sunnah

Sumber rujukan utama berkaitan dengan akidah Islam, iaitu al-Quran dan hadis yang merupakan sumber yang terpelihara ayat dan kandungannya dari diselewengkan serta terdapat juga garis panduan prinsip agama Islam yang sebenar.

a) al-Quran

Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَن يَكُونَ لَهُمُ الْخَيْرَةُ مِنْ

أَمْرِهِمْ وَمَن يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Terjemahan: “Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan-apabila Allah dan Rasulnya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara-(tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka... dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan Rasulnya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.”

(Surah al-Ahzāb, 36)

Ditambah lagi firman Allah SWT di dalam al-Quran:

إِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ الْكِتَابِ وَيَشْتَرُونَ بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا

أُولَئِكَ مَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ إِلَّا الْنَّارَ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلَا

يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Terjemahan: “Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan kitab suci yang telah diturunkan oleh Allah, dan membeli dengannya keuntungan dunia yang sedikit faedahnya, mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain dari api neraka, dan Allah tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat, dan ia tidak membersihkan mereka (dari dosa), dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

(Surah al-Baqarah, 2: 174)

Berdasarkan kepada ayat di atas, jelaslah bahawa al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber rujukan utama kepada umat Islam. Oleh itu, mana-mana kumpulan atau individu yang melakukan apa-apa pindaan atau pengubahsuaian terhadap ayat dan keterangannya dari tafsiran yang sebenar mengikut kepentingan dunia, maka mereka telah melakukan dosa yang besar dan wajiblah bagi mereka untuk bertaubat.

b) Hadis Nabi SAW

Daripada Abū Hurayrah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda:

أني قد تركت فيكم شيئاً، لمن تضلوا بعدهما؛ كتاب الله و سنتي. ولن يفرقنا حتى يرد على الحوض.⁷

Terjemahan: “sesungguhnya aku tinggalkan bagi kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selepas kedua-duanya (iaitu) Kitabullah dan Sunnah-ku. Kedua-duanya tidak akan terpisah sehingga menemuiku di haudh (telaga di syurga).”⁷

Oleh itu, dapat dilihat dari dalil-dalil di atas menunjukkan bahawa Allah SWT dan Nabi Muhamad SAW melarang umatnya daripada berpegang dengan ajaran-ajaran yang berlawanan dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenar. Justeru, ajaran sesat yang difahami oleh penulis dari taksiran ini menunjukkan bahawa ajaran sesat adalah sesuatu amalan, ajaran atau fahaman yang tidak menepati konsep sebenar ajaran Islam yang berpandukan al-Quran dan hadis.

Ini dapat dilihat dari beberapa kes ajaran sesat yang menggunakan medium ayat al-Quran sebagai hujah utama untuk membenarkan sesuatu ajaran sesat. Hal ini boleh membawa kepada kekeliruan kepada umat Islam yang baru berjinak-jinak dengan Islam.

Akidah Islamiah adalah merujuk istilah khusus yang membawa makna keimanan yang teguh dan bersifat pasti kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala kewajipan,

⁷ Hadis ini diriwayatkan oleh al-Hakim dalam al-mustadrak (no. 319), ad-Daruqutni dalam as-Sunnan (no.149) dan al-Baihaqi dalam as-Sunnan al-Kubra (no. 20124). Menurut Ibn *<Abu al-Bar, <<hadis ini terpelihara, dimaklumi dan masyhur daripada Nabi SAW, di sisi para ulama ianya masyhur sehingga hampir tidak memerlukan sanad.>>*. Ibn *<Abd al-Barr (1387 H), at-Tamhid lima fi al-Muwatta, min al-Ma'ani wa al-Asanid, al Maghrib; Wizarah 'Umum al-Awqaf wa asy-Syu'un al-Islamiyyah, j.24, hlm 331.*

mentauhidkan-Nya dan taat kepada-Nya beriman kepada para malaikat-Nya, para Rasul-Nya, kitab-kitab-Nya, hari Akhirat, takdir baik dan buruk serta mengimani seluruh apa yang telah sahih tentang prinsip-prinsip agama atau usuluddin, perkara-perkara yang ghaib, beriman kepada apa yang menjadi ijmak salafussoleh, serta seluruh berita qathi (pasti), baik secara ilmu dan perbuatan telah ditetapkan dalam sumber utama, iaitu al-Quran dan hadis yang sahih serta ijmak para ulama.⁸

2.2 PENENTUAN SESUATU AJARAN SEBAGAI AJARAN SESAT

Islam yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad SAW telah lengkap dan tiada sebarang keraguan pada iktikad, kepercayaan dan cara hidup umat Islam pada hari ini. Umat Islam tidak perlu ada rasa ragu-ragu terhadap cara hidup Islam pada masa kini yang menjadikan al-Quran dan hadis sebagai sumber utama Islam. Jelas sekali jika amalan yang dilakukan oleh mana-mana individu atau kumpulan berlawanan dengan ajaran Islam ini jika tidak dibendung secara berterusan ia akan menyebabkan ancaman kepada akidah dan syariah umat Islam serta boleh membawa kepada kekeliruan terhadap umat Islam jika tidak dikawal dengan sewajarnya.

Seterusnya, berdasarkan kepada maksud ajaran sesat dari segi bahasa dan istilah ada seperti berikut:

Dari segi bahasa ajaran sesat merupakan dari dua patah perkataan iaitu pertama ajaran dan yang kedua ialah sesat seperti berikut:

Ajaran: dari segi bahasa ialah segala sesuatu yang diajarkan, nasihat, petunjuk; mempercayai keramat adalah bertentangan dengan agama; tidak melupakan guru.⁹

⁸ Zulkifli Mohamad Bakri & Mohd Aizam Mas'od, "Wasathiyah dalam Akidah" (Kertas Kerja Konvensyen Fiqh Ummah, Dewan Merdeka, PWTC, 2012), 4.

⁹ Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, ed. Baru (Kuala Lumpur: *Harian (Zulfadzli) Sdn Bhd*), 16 entri "ajaran".

Sesat: dari segi bahasa ialah tidak mengikuti jalan yang betul, tersalah (tersilap) atau tersalah, terkeliru (perbuatan, kepercayaan dll), menyimpang daripada jalan yang benar; *lama-kelamaan mereka menjadi, lalu menyembah berhala.*¹⁰

Dari segi Istilah ajaran sesat ialah:

Ajaran sesat adalah merujuk kepada sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang yang bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan yang dibawa mereka itu berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikatnya ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dan berlawanan dengan akidah Islamiah, bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah, bertentangan dengan empat mazhab yang popular iaitu Imam Shafie, Imam Maliki, Imam Hanbali dan Imam Hanafi (telah diiktiraf dari perundangan Islam di Malaysia) dan bertentangan dengan *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*.¹¹

Berdasarkan tafsiran di atas, dapat dilihat bahawa apa-apa ajaran atau pegangan yang berlawanan dengan al-Quran, Sunnah serta *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah* adalah dikira sebagai ajaran sesat.

Selain itu, menurut satu tafsiran lain yang diberikan oleh Unit Penyelidikan Akidah BAHEIS kini dikenali sebagai JAKIM adalah satu ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa, ajaran atau amalan tersebut adalah ajaran Islam ataupun berdasarkan kepada ajaran sesat. Walhal hakikatnya ajaran dan amalan tersebut bertentangan dengan Islam yang berdasarkan al-Quran dan hadis serta bertentangan dengan *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*.¹²

¹⁰ Ibid. 1191 entri “sesat”.

¹¹ Ab Rahman Hj Yunus, “Mengenali Ajaran Sesat di Malaysia,” 74.

¹² Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Analisis Fatwa-Fatwa Usuluddin: Tumpuan kepada Ajaran Salah,” dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 182-183.

Terdapat dalam kalangan penulis yang menggunakan istilah ajaran salah, yang digunakan dalam satu kursus yang ditawarkan oleh Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya iaitu “Kursus Ajaran Salah”, yang membawa maksud ajaran-ajaran yang dibawa oleh sesuatu kumpulan yang benar-benar berlawanan dengan prinsip-prinsip akidah dan syariat Islam.¹³ Selain itu, terdapat juga dari penulis yang menggunakan istilah pencemaran akidah¹⁴ dan penyelewengan akidah.¹⁵

Manakala ajaran sesat juga dikenali dalam Bahasa Inggeris sebagai *heresy*¹⁶ yang membawa maksud pandangan, doktrin teologis atau keagamaan yang dianggap berlawaan atau bertentangan dengan keyakinan atau sistem keagamaan manapun yang dianggap ortodoks atau ajaran yang benar.

2.3 BENTUK-BENTUK AJARAN SESAT YANG DIKENAL PASTI

Terdapat lima orang penulis telah menerangkan secara mendalam berkenaan dengan bentuk-bentuk ajaran sesat atau ajaran salah yang menjadi panduan kepada masyarakat awam untuk mengambil cakna dan perhatian yang serius berkenaan dengan isu kes ajaran sesat ini pada hari ini. Antara penulis yang telah menerangkan secara mendalam berkenaan dengan bentuk ajaran sesat ini ialah, Ab Rahman Haji Yunus¹⁷, Engku Ahmad Zaki¹⁸, Siti Norbaya Abd Kadir¹⁹ dan Wan Zulkifli Wan Hassan.²⁰

¹³ Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, “Kajian Ajaran Sesat dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan,” 5.

¹⁴ H.O.K. Rahmat S.H., *Pencemaran Akidah di Nusantara*, v.

¹⁵ Ramli Awang, *Akidah dalam Kehidupan Muslim: Analisis Aspek-Aspek Penyelewengan*, 237. Lihat Zakaria Stapa, “ Bahagian Kedua: Masalah dan Fenomena Ajaran Sesat Di Malaysia dalam kertas kerja bertajuk *Wihdah-al-Wujud* dan Hubungan Dengan Masalah Ajaran Sesat Di Malaysia (Kertas Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tariqat Tasawuf Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Sembilan Darul Khusus, tahun 17-19 Ogos 2002), hlm 52.

¹⁶ New Oxford Dictionary, edisi kedua, (Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd), 399 entri “heresy”.

¹⁷ Ab Rahman Hj Yunus, “Mengenali Ajaran Sesat di Malaysia,” 76.

¹⁸ Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, *Ajaran Sesat di Negeri Terengganu*, 21-26.

¹⁹ Siti Norbaya Abdul Kadir, *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya*, 4.

²⁰ Wan Zulkifli Wan Hassan, “Aplikasi Sadd al-Dhara’i dalam Pengawalan Akidah di Malaysia,” 28.

Penulis-penulis tersebut telah menerangkan secara terperinci berkenaan bentuk dan kategori ajaran sesat ini boleh di bahagian kepada tiga bahagian²¹ iaitu bentuk ajaran baru, bentuk tarikat, kepercayaan, amalan tradisi atau mistik yang mempunyai kaitan dengan budaya masyarakat di Malaysia.

Di samping itu, ajaran sesat di zaman kini turut tampil dengan pelbagai bentuk dan kaedah baru dari segi muzik yang telah menyimpang dari norma-norma Islam dan masyarakat Melayu, seperti muzik black metal dan ideologi-ideologi barat seperti liberalisme, kapitalisme dan sekularisme yang akan dijelaskan selanjutnya di bahagian ini.

2.3.1 Ajaran Sesat Baru

Bentuk ajaran ini adalah diwujudkan oleh individu yang diiktiraf oleh ahli-ahli dalam sesuatu ajaran sesat mempunyai kelemahan tertentu. Bentuk ajaran baru ini ajaran yang lahir dari pelbagai ajaran yang direka dan dicipta oleh seorang guru atau pemimpin ajaran sesat. Seperti ajaran Syed Al Mansor, Ajaran Taslim dan ajaran Crypto.

Menurut Muhammad Uthman El Muhamaddy telah membahagikan kategori ini kepada dua kategori, iaitu ancaman fahaman dan kepercayaan secara tradisi dan moden. Ancaman fahaman secara tradisi adalah merujuk kepada fahaman yang berbentuk *zindik* iaitu merujuk kepada orang yang menyembunyikan kekufuran dan menzahirkan keislamannya yang mempunyai ajaran tuhan dalam diri atau tubuh manusia iaitu seperti fahaman Jabariah.

Manakala bagi fahaman dan kepercayaan moden pula kebanyakan daripadanya dicipta oleh manusia sendiri, seperti fahaman sekularisme yang memisahkan urusan agama dengan kehidupan manusia, komunisme, sosialisme, kapitalisme dan liberalisme.²² Oleh

²¹ Wan Zulkifli Wan Hassan, “Aplikasi Sadd al-Dhara’i dalam Pengawalan Akidah di Malaysia,” 28. Lihat juga Siti Norbaya Abdul Kadir, *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya*, 4.

²² Siti Norbaya Abdul Kadir, *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya*, 4.

itu, kebanyakan anggota masyarakat kurang menyedari bahawa ajaran baru ini telah membawa manusia menyimpang dari akidah dan syariat Islam yang sebenar.

2.3.2 Bentuk Tarikat

Terdapat juga ajaran tarikat atau tasawuf tidak terlepas dari amalan-amalan menyesatkan. Ini adalah kerana mereka tidak faqih dalam ilmu atau konsep tasawuf yang sebenar atau tarekat yang ada hubungkait dengan ilmu falsafah. Gejala ini semakin buruk sekiranya tasawuf dicampuri ajaran Batiniyyah yang terkeluar dari konsep Islam yang sebenarnya. Sebagai contoh, mereka menganggap erti *wahdah al-wujud* ialah Allah SWT segalanya “tiada *mawjud* (yang ada) yang sebenar melainkan Allah”. Wujud selain Allah SWT ialah *wujud wahmi* dan khayalan semata-mata, pada hakikatnya tiada berwujud.²³

Selain itu, mereka juga berpegang kepada tarikat tertentu yang mentafsirkan Dua Kalimah Syahadah dengan cara yang salah atau pelbagai lagi tanggapan yang menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Ini dapat dilihat dalam penafsiran yang dibuat oleh Hj. Laksamana, yang berpegang bahawa Dua Kalimah Syahadah itu ialah “Kita adalah Allah semata-mata tiada sesuatu pada kita hanya Allah semata-mata. Terdapat tafsiran lain yang dikeluarkan oleh Hj. Laksamana yang mentafsirkan dengan dua kalimah syahadah itu ialah, “Bersaksi aku tiada yang nyata kecuali Allah (diri batin) dan bersaksilah aku bahawa Muhammad (diri zahir) itu adalah penyata rahsia Allah (diri batin)”.²⁴

Selain itu, terdapat juga individu yang mendakwa ajaran tarekatnya diterima terus daripada Rasulullah SAW, secara nyata atau lain-lain istilah yang seumpamanya seperti Al-Arqam, yang mengaku telah menerima Aurad Muhammadiyyah daripada Rasulullah SAW dalam Kaabah secara nyata dan sedar.²⁵

²³ Wan Zulkifli Wan Hassan, “Aplikasi *Sadd al-Dhara’i* dalam Pengawalan Akidah di Malaysia,” 28.

²⁴ Wan Zulkifli Wan Hassan, “Aplikasi *Sadd al-Dhara’i* dalam Pengawalan Akidah di Malaysia,” 28.

²⁵ Wan Zulkifli Wan Hassan, “Aplikasi *Sadd al-Dhara’i* dalam Pengawalan Akidah di Malaysia,” 28.

Seterusnya, terdapat juga bentuk tarikat yang sesat ini menggunakan nama-nama tarikat yang masyhur dalam kalangan umat Islam. Pengikut mereka yang mengamalkan amalan tarikat ini berdasarkan kepada fahaman Ahmadiah, Naqsyabandiah, Sazaliah, Samaniah dan Qadariah. Namun, terdapat juga di antara tarikat tersebut yang menggunakan nama-nama persamaan di antara tarikat asal dan ada juga yang direka-reka. Tarikat yang direka-reka ini mempunyai atau mengandungi unsur-unsur dan bahan-bahan yang membawa kepada penyelewengan dan boleh membawa kepada pengikutnya turut terpengaruh dengan fahaman mereka.

2.3.3 Kepercayaan dan Amalan Mistik

Kepercayaan dan amalan mistik ini merupakan satu senario yang menjadi lumrah dalam masyarakat melayu Islam contohnya, seperti pemujaan tempat-tempat yang dianggap keramat, pemujaan terhadap individu tertentu yang dianggap wali, memiliki kelebihan dan mempercayai kuasa kesaktian melalui amalan-amalan seni mempertahankan diri serta ada yang mempunyai kepercayaan terhadap dukun-dukun ataupun bomoh yang mendakwa memperolehi ilmu kedukunan.

Manakala menurut Siti Norbaya Abd Kadir²⁶ menyatakan bahawa biasanya mereka menggunakan nama tarekat yang termasyhur seperti Tarekat Naqsyabandiah, Tarekat Ahmadiah, Tarekat Qadirun-Yahya, di mana guru-guru yang terlibat ini menggunakan cara yang berbeza daripada tarekat asal ataupun berlaku pengubahsuaian. Ada di antara mereka yang menjadi pengasas Tarekat Zikrullah, Tarekat Hasan Anak Harimau dan sebagainya.

Manakala, menurut Wan Zuklifli Wan Hassan²⁷, kepercayaan dan amalan mistik ini dikategorikan sebagai amalan-amalan khurafat. Amalan khurafat merupakan satu amalan yang tidak bersumberkan kepada nas-nas syarak dalam al-Quran dan hadis. Ia juga

²⁶ Siti Norbaya Abdul Kadir, *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya*, 4.

²⁷ Wan Zuklifli Wan Hassan, “Aplikasi Sadd al-Dhara’i dalam Pengawalan Akidah di Malaysia,” 29.

termasuk cerita-cerita rekaan, dongengan, khayalan dan kepercayaan karut. Selain itu, terdapat juga golongan yang mempercayai bahawa orang yang telah meninggal dunia boleh memberi pertolongan apabila diseru namanya atau mengaku mengetahui perkara ghaib seperti golongan Al-Arqam yang mana pengikutnya mempercayai bahawa gurunya Sheikh Muhammad As-Suhaimi yang didakwa belum meninggal dunia, tetapi telah ghaib yang boleh membantu ahli Al-Aqram untuk memenuhi sesuatu hajat atau mengelak daripada sebarang musibah yang dihadapi oleh pengikut-pengikutnya.

2.3.4 Muzik Black Metal

Sejarah kemunculan muzik jenis ini telah muncul ketika era 80-an dan di awal 90-an yang menggunakan medium muzik sebagai cara untuk merosakkan pegangan umat Islam. Irama muzik yang beraliran *Black Metal*, *Prog Metal*, *Punk Metal* atau *Death Metal* mula tersebar luas dalam kalangan masyarakat. Muzik ini dikenali sebagai muzik *underground* dan alternatif. Aliran muzik ini mencari kelainan dari muzik-muzik terdahulu seperti Mozart, Strauss, Bach Bethoveen, Pop Rock dan lain-lain.

Lirik lagu jenis ini telah menyuntik fahaman anti ketuhanan kepada pendengarnya sama ada secara langsung atau tidak. Biasanya muzik ini menggunakan ayat pendek dan berulang-ulang. Ia melahirkan pengabdian kepada syaitan seperti Abbadon, Dagon, Lucifer dan Behemoth; mencaci tuhan, serta menggunakan perkataan kotor, lucah, keras, dan ganas. Contohnya dalam *Pita Demo Tol Cormpt Norz Norz*, diterbitkan oleh kumpulan Impaled Nazarene. Dalam lagu *My blessing (The beginning of the End)* liriknya menyatakan ‘*Thy souls shall be taken over by the master Sekhmet, it shall be the new age of Satan!*’.²⁸ Hal ini menunjukkan bahawa muzik jenis ini boleh membawa seseorang itu

²⁸ Wan Mohd Azam Mohd Amin, “Ajaran-ajaran Sesat di Malaysia” (Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2013 (SIGMA 3), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), USIM, 28 September 2013), 12.

menyimpang dari ajaran Islam yang sebenarnya dan jika tidak dikawal boleh membawa kepada rosaknya iman seseorang.

Di Malaysia, kumpulan muzik Black Metal tempatan seperti *Zubirun* dan *Astaroth* dan *Silkhannas* turut menerbitkan pita demo yang diedarkan secara pos dan dijual ketika *gig* (konsert). Kebanyakan daripada kumpulan ini menerbitkan pita demo lagu Inggeris dengan rentak sama, tetapi liriknya cenderung kepada menceritakan ketahyul, mistik dan petikan dongeng dan cerita rakyat.²⁹ Walaupun lagu Black Metal yang berada di Malaysia tidak menjuruskan kepada sifat anti ketuhanan dan pemujaan iblis, tetapi di luar negara muzik jenis ini menjuruskan kepada sifat anti ketuhanan dan pemujaan iblis. Akibatnya masyarakat tempatan akan terikut-terikut dengan budaya yang diterapkan dalam muzik ini. Kesan dari ketaksuhan yang melampau kepada muzik black metal di luar negara.

Ditambah lagi dengan berita kemunculan hiburan jenis Black Metal ini telah mula sekitar tahun 2005.³⁰ Terdapat satu pengakuan seorang remaja yang telah terjebak dengan muzik jenis ini pada seawal usia 13 tahun. Punca remaja tersebut terjebak dengan muzik jenis ini adalah akibat dari pengaruh rakan-rakan dan kurangnya kasih sayang ibu bapa. Responden tersebut menyatakan semenjak kecil dia tidak mendapat kasih sayang secukupnya dari ahli keluarga dan rakan-rakan dari mereka yang telah berhenti sekolah dan tidak minat untuk pergi ke sekolah.

²⁹ Wan Mohd Azam Mohd Amin, “Ajaran-ajaran Sesat di Malaysia” 12.

³⁰ Zunaidah Zainon, “Saya Sudah Insaf: Pengakuan Bekas Kumpulan Black Metal” di capai pada 20/12/2016 http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=1220&pub=utusan_malaysia&sec=bicara_agama&pg=ba_01.htm&arc=hive

2.4 CIRI-CIRI AJARAN SESAT

Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh pihak pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama PPA membuat pantuan dan siasatan terhadap 56 kumpulan ajaran sesat yang boleh mendatangkan kemudaratan dan bahaya kepada negara.³¹

Malangnya, masih terdapat juga dari kalangan masyarakat yang masih terpengaruh dan juga menyertai sesuatu ajaran sesat. Ajaran sesat sememangnya telah mengamalkan sesuatu perbuatan yang salah dan berlawanan dengan sistem Islam yang sebenarnya. Oleh itu, kebanyakan penulis yang mengkaji kes-kes ajaran sesat telah mengemukakan dan menyenaraikan ciri-ciri ajaran sesat yang boleh penulis kategorikan kepada tiga, iaitu ajaran sesat dari segi pengakuan dan ideologi, perbuatan dan lisan.

2.4.1 Melalui pengakuan dan ideologi

Berdasarkan kepada ajaran sesat melalui pengakuan, terdapat kebanyakan dari pengakuan-pengakuan yang dikeluarkan adalah berlawanan dengan asas akidah Islam yang sebenar berpandukan kepada *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*. Kebiasannya pengakuan yang dibaut adalah hasil dari dakwaan yang dikeluarkan oleh pengasas sesuatu ajaran sesat.

Selain itu, penulis mengemukakan bahawa terdapat ketua ajaran sesat ini yang mengaku dirinya atau gurunya sebagai nabi-nabi baru selepas kewafatan nabi Muhammad SAW, yang dianggap masih menerima wahyu dari tuhan, mencipta nabi baru seperti Rasul Melayu, dan mengaku sebagai Nabi Isa dan Imam Mahdi oleh orang-orang tertentu yang tidak mempunyai kriteria yang ditetapkan oleh para ulama kontemporari.

Selain itu, terdapat juga fahaman yang melampau dibawa oleh ketua ajaran sesat seperti pendewaan diri seseorang, ketua kumpulan, pemimpin atau guru sesatu ajaran sesat kepada pengikut-pengikut mereka seperti berikut:³²

³¹ Bernama, "PDRM Pantau 56 Kumpulan Ajaran Sesat Berpotensi Ancam Keselamatan" dicapai pada 11/7/2018 <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pdrm-pantau-56-kumpulan-ajaran-sesat-berpotensi-ancam-keselamatan-1.169601>

- i. Pemimpin atau guru yang menjamin mereka masuk syurga.
- ii. Guru atau pemimpin mereka mempunyai kuasa untuk menebus dosa
- iii. Anak murid dan keluarga akan ditimpa bala dan kesusahan jika mereka mengingkari perintah atau guru arahan guru mereka.

Berdasarkan senarai berikut, menunjukkan bahawa seseorang akan mengalami fobia kesukaran jika ingin keluar dari sesuatu ajaran sesat kerana dimomokkan akibat yang mungkin berlaku sekiranya keluar dari sesuatu ajaran sesat atau ditawarkan dengan kelebihan yang lebih baik berbanding dengan ajaran Islam sebenar yang dibawa oleh ketua sesuatu ajaran sesat. Hal ini merupakan punca seseorang itu masih kekal menyertai sesuatu ajaran sesat walaupun telah diwar-warkan melalui media massa dan akhbar-akhbar tempatan.³³

2.4.2 Melalui Perbuatan

Amalan ritual yang bersifat khurafat lazimnya dilakukan di kawasan yang tersembunyi dan sukar dikesan oleh pihak penguatkuasa agama. Terdapat juga dari ajaran tarekat menganjurkan supaya pengikutnya meringan-ringankan sehingga seberat-berat amalan perbuatan yang dilakukan seperti boleh mendirikan solat dengan hanya berniat sahaja, menunaikan haji hanya dengan mengelilingi sesuatu tempat seperti rumah ketua, berzikir dengan cara menari dan mencederakan diri.

Selain itu, terdapat juga amalan-amalan khurafat yang dilakukan dengan menggunakan jampi serapah dengan cara memanggil makhluk halus dan memuja syaitan.

³² Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri, "Ajaran Sesat dan Khurafat," dalam *Dasar Akidah Muslim* (Johor Bharu: Penerbit UTM Press, 2011), 236.

³³ Mohd Iqbal Hakimi Mohd Sah, "Ajaran Sesat Di Malaysia" dicapai pada 11/7/2018 <http://076115islamik.blogspot.com/2009/04/ajaran-sesat-di-malaysia.html>

Di tambah lagi dengan amalan khurafat dalam ilmu-ilmu persilatan, perbomohan, dan kebatinan serta adat istiadat yang menyeleweng dari ajaran Islam.³⁴

Lain-lain amalan ajaran sesat yang dilakukan adalah dengan melakukan pemujaan di tempat-tempat keramat, pemujaan terhadap orang-orang yang dianggap wali dan mempunyai kelebihan.³⁵ Selain itu, ada juga di antara mereka yang menggunakan kasyaf, iaitu mempercayai bahawa orang-orang tertentu mengetahui perkara-perkara ghaib, umpamanya dapat melihat wajah manusia yang telah meninggal dunia di dalam kubur dan sebagainya.

2.4.3 Melalui Hujah

Berdasarkan kepada ciri ketiga ini boleh dilihat segi dari hujah, keterangan serta penyampaian oleh guru ajaran sesat yang disifatkan sebagai benar. Oleh itu, ketua bagi sesuatu ajaran sesat pada kelazimannya terdiri daripada mereka yang pandai berbicara dan bijak menggunakan kaitan ayat al-Quran dalam hujah mereka dengan mentafsirkan sesuatu ayat dengan fikiran sendiri tanpa berpandukan kepada ulama-ulama terdahulu. Hal ini apabila dilihat dalam ajaran Syiah yang telah gurunya iaitu Baha'uddin al-Amuli dan Al-Amuli dari mazhab Syiah telah menghujahkan berkenaan hakikat Muhammadiyyah dan menguatkan hujah mereka dengan merujuk kepada para imam mereka untuk mentakwilkan dan menggunakan dalil ayat al-Quran.³⁶

Tambahan lagi, guru-guru ajaran sesat turut mempromosikan ajaran sesat melalui kelebihan yang ada pada mereka, seperti menggunakan ilmu hitam bagi menyakinkan lagi sesuatu ritual ajaran sesat. Selain itu, terdapat dari kalangan kumpulan ajaran sesat yang menyampaikan kepada masyarakat awam tentang kehebatan mereka dan kelebihan yang

³⁴ Engku Ahmad Zaki, *Islam di Malaysia* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Darul Iman Malaysia, 2009), 15.

³⁵ Ab Rahman Hj Yunus, "Mengenali Ajaran Sesat di Malaysia," 76.

³⁶ *Op.cit.* Wan Mohd Azam Mohd Amin, "Ajaran-ajaran Sesat di Malaysia," 7.

dimiliki oleh ketua sesuatu ajaran sesuatu berdasarkan kepada pemerhatian yang dilihat terhadap ketua-ketua mereka.

Seterusnya, terdapat pengasas ajaran sesat mengamalkan membaca zikir-zikir dan gerakan yang pelik-pelik untuk membersihkan diri dari dosa dan ingin mendapatkan pahala yang banyak, mudah dan ringkas. Mereka lebih mementingkan amalan zikir berbanding membaca al-Quran, contohnya seperti (الله، إله، إله) kepada (هـ، إـ، إـ) sahaja.

Selanjutnya, terdapat juga guru ajaran sesat ini menggunakan hadis-hadis palsu, mawdu' atau ungkapan-ungkapan yang tidak dapat dikesan dari kitab-kitab hadis yang sahih, menyebarkan ajaran sesat secara sulit dan bergerak dengan penuh rahsia, mereka bersumpah di hadapan gurunya tidak akan sesekali membocorkan rahsia aktiviti mereka kepada pihak berkuasa agama dan membincangkan tentang makrifat Allah SWT dengan panjang lebar tanpa memikirkan berkenaan berkenaan konsep Islam sebenar dalam aktiviti pengajian mereka.

2.5 CONTOH PERGERAKAN AJARAN SESAT DI MALAYSIA

2.5.1 Ajaran Qadiani

Pengasas asal ajaran ini ialah Mirza Ghulam Ahmad yang berasal dari negara India. Ajaran ini mula bertapak di Malaysia pada tahun sekitar 1930 di daerah Jeram, Selangor oleh Syed Abdul Rahman Syed Alwi.³⁷ Ajaran ini bertentangan dengan Islam adalah kerana beberapa dakwaan dan perbuatan yang dilakukan oleh seperti berikut:³⁸

- i. **Mengaku sebagai Imam Mahdi** iaitu pada tahun 1891, Mirza Ghulam Ahmad telah mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu, setelah itu beliau mengaku dirinya sebagai ‘Al-Masih’.

³⁷ Ismail bin Muhammad Juffri, “Kisah Di sebalik Kesesatan Ajaran Qadiyaniah Atau Ahmadiyah”, diicapai pada 27/8/2018, <http://muis.org.my/2017/07/kisah-disebalik-kesesatan-ajaran-qadiyaniah-atau-ahmadiyah/>

³⁸ Siti Norbaya Abdul Kadir, *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-cirinya*, 17-18.

- ii. **Menerima wahyu dan mukjizat** iaitu beliau mendakwa beliau menerima wahyu atau ilham dari Allah SWT untuk berdakwah dan bukan dari dirinya sendiri.
- iii. **Menafikan jihad** iaitu Ghulam Ahmad adalah seorang yang anti jihad dan amat menyanjungi tinggi penajah Inggeris. Beliau yakin Inggeris tidak akan mengganggu aktiviti dan sebagai balasan beliau menyeru pengikutnya supaya tidak berjihad.
- iv. **Mengubah ayat al-Quran** iaitu ajaran ini telah mengubah ayat-ayat al-Quran dan mentakrif ayat al-Quran mengikut pandangan Qadiani.
- v. **Ibadah Haji di Qadian** iaitu para pengikut ajaran ini mendakwa dan mengiktiraf Qadian selain Mekah dan Madinah sebagai kawasan suci untuk menunaikan haji. Bagi pengikut ajaran ini melakukan ibadah di Mekah tanpa melakukan haji di Qadian adalah haji kosong (tidak dikira ibadat yang sempurna).

2.5.2 Ajaran Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau

Ajaran tersebut diasaskan oleh Hasaan Yaakob dan telah wujud sekitar tahun 1980-an. Ajaran ini mula bertapak dan disebarluaskan di daerah Bukit Mas di Jajahan Tanah Merah, Kelantan.³⁹ Ajaran ini dikira sebagai sesat adal kerann ajaran ini dipengaruhi oleh fahaman Isma'iliyyah bataniyyah, Hindu-Buddha, dan juga falsafah Yunani kuno. Antara ciri-ciri ajaran ini ialah:⁴⁰

- i. Gurunya berada di mana-mana sahaja mahkluk berada.
- ii. Gurunya adalah pemegang anak kunci syurga.

³⁹ Nawi @Mohd Nawi Bin Hj. Hassan, “Ajaran sesat Hassan Anak Rimau: Satu Sorotan” dicapai pada 27/8/2018 www.myjurnal.my/public/article-download.php?id=83341 · hlm. 62-63.

⁴⁰ Wan Mohd Azam Mohd Amin, *Ajaran Sesat*, 11.

- iii. Manusia adalah tuhan dan tuhan adalah manusia.
- iv. Tidak perlu percaya Nabi Muhammad SAW.
- v. Pernah mendakwa dirinya Tuhan.
- vi. Berkuasa melantik dari kalangan pengikut-pengikutnya sebagai wali Allah dan menentukan darjatnya.
- vii. Di waktu sembahyang dikehendaki mengingati guru terlebih dahulu sebelum mengingati Allah SWT.
- viii. Mendakwa dirinya diresapi roh Nabi Muhammd SAW dan di suatu masa nanti dia akan bertukar menjadi Imam Mahdi.
- ix. Ratib/zikir selepas maghrib, isyak dan subuh iaitu:

Pada kebiasannya, di waktu malam, amalan zikir diadakan selepas isyak sehingga pagi. Semasa sedang khusyuk berzikir mereka tidak sedarkan diri sehingga berlakunya hubungan seksual secara beramai-ramai. Ini merupakan satu amalan perkahwinan batin yang biasa diamalkan oleh pergerakan ajaran sesat.

2.5.3 Ajaran Abu Bakar Bappu

Pengasas ajaran ini iaitu Abu Bakar Bappu dan ajaran ini telah wujud sekitar tahun 1977. Pada tahun 1978 pengasas ajaran ini mengaku telah bermimpi bertemu dengan Kubur Sultan Alauddin Shah (sultan Melaka silam) dan Sultanah Sharifah Sa'diah di sebuah ladang kelapa sawit, Ulu Remis dan mengaku bahawa roh Abu Bakar As-Siddiq (sahabat

nabi Muhammad SAW) telah menjelma dalam dirinya. Oleh itu, telah membuat pengakuan bahawa dirinya adalah Abu Bakar As-Siddiq dan telah membina makam di atas kubur.⁴¹

Ciri-ciri ajaran sesat Abu Bakar Bappu dari sudut akidah dan syariah ialah:⁴²

a) Dari sudut akidah

- i. Mengaku bahawa beliau menjelma dari roh Saidina Abu Bakar As-Siddiq (sahabat Nabi Muhammad SAW), mengikutnya pengakuan itu dibuat kerana dipaksa oleh kuasa ghaib yang sentiasa menyerunya supaya membuat pengakuan demikian.
- ii. Mengaku mengetahui perkara ghaib khususnya apa-apa yang akan berlaku di atas dirinya sehingga tanah kuburnya telah diketahui kerana diberitahu oleh orang ghaib.
- iii. Mengaku mempunyai kuasa yang luar biasa seperti berkuasa menjatuhkan sesebuah kerajaan dan menghancurkannya apabila tiba masanya.
- iv. Mengetahui syaitan sedang menggodanya dengan tanda terasa panas dan berpeluh.
- v. Telah mengaku melihat cahaya (nur) dari langit memancar di tempat sujud ketika sedang solat.

b) Dari sudut syariah

- i. Perkahwinan boleh dilakukan dengan cara nikah batin tanpa memerlukan wali dan saksi. Mengikutnya perkahwinan zahir adalah hanya menunjukkan kepada masyarakat bahawa lelaki yang menikahkan seseorang wanita itu menjadi miliknya dengan tanda lafaz akad nikah.
- ii. Wanita yang mempunyai dua beradik diharamkan menghimpunkan perkahwinannya dalam satu masa ialah kalau kedua-dua perempuan itu menyusu kepada ibu yang sama. Tetapi sekiranya salah seorang daripadanya menyusu kepada orang lain, tidak

⁴¹ Ab. Aziz Awang Kechik, "Ajaran Abu Bakar Bappu," *Jurnal Usuluddin*, vol. 4 (1996), 149-150.

⁴² Ab. Aziz Awang Kechik, "Ajaran Abu Bakar Bappu," 151-152.

diharamkan menghimpunkan perkahwinan dengan kedua-duanya kerana mereka tidak sedarah.

- iii. Ibadat haji boleh ditunaikan dengan berniat di rumah sahaja tanpa perlu bersusah payah pergi menunaikan haji ke Mekah.
- iv. Sembahyang Jumaat tidak wajib, tetapi memadai menunaikan solat zohor di rumah sahaja.

2.5.4 Ajaran Abdul Kahar Ahmad

Rujukan ini diambil dari buku yang tulis oleh Wan Mohd Azam Mohd Amin dalam bukunya bertajuk “Ajaran Sesat” dan artikel yang ditulis oleh Cawangan Akidah, Bahagian Penyelidikan berkenaan Ajaran Hj Kahar. Ajaran ini dinamakan sempena ajaran yang dibawa oleh Abdul Kahar Ahmad kerana pembawa ajaran ini tidak menamakan secara khusus ajaran yang dibawa olehnya dan dia telah mengaku sebagai Rasul Melayu.

Ciri-ciri ajaran ini boleh dibahagikan kepada dua sudut, iaitu sudut akidah dan sudut syariah ialah:⁴³

a) Dari sudut Akidah

- i. Allah SWT berkuasa menurunkan al-Quran kepada hamba-hamba-Nya, mengumpulkan ke dalam dada dan menjelaskan ayat-ayatnya kepada sesiapa yang dikehendaki di antara hamba-hamba-Nya.
- ii. Haji Kahar mengaku dirinya sebagai rasul utusan Allah SWT. Dia mendakwa Rasul Rasul sentiasa ada di bumi untuk menyampaikan ilmu Allah.

⁴³ Cawangan Akidah, Bahagian Penyelidikan, “Penyelewengan Ajaran Hj. Kahar Hj. Ahmad,” *Jurnal Penyelidikan Islam*, vol. 18 (2005), 3-6.

- iii. Haji Kahar mengaku menerima wahyu dari Allah di Bukit Kemensah dan diturunkan dalam keadaan seperti yang dialami oleh Rasulullah (Nabi Muhammad) SAW.
- iv. Nabi Muhamad SAW ialah nabi kepada kaum pada zamannya sahaja.
- v. Menurut beliau Rasul ialah seorang lelaki di antara manusia dan jin. Rasul diutus oleh Allah SWT ke setiap negeri, bangsa, kaum golongan dan zaman.
- vi. Rasul diutus oleh tuhan menyampaikan ayat-ayat-Nya dengan bahasa kaumnya sendiri.
- vii. Rasul diutus oleh tuhan menyempurnakan al-Kitab, Taurat, Injil dan al-Quran.
- viii. Tidak percaya kepada kepada al-Quran yang ada sekarang sebagai al-Quran yang sebenar, tetapi hanyalah catatan sahaja. Al-Quran yang sebenar berada di atas langit iaitu di Luh Mahfuz.
- ix. Beliau tidak percaya hadis. Baginya hadis hanyalah rekaan manusia yang dibuat selepas kewafatan Rasulullah SAW iaitu kisah seseorang yang diceritakan oleh orang lain kepada seseorang, kemudian keterangan tersebut dicatatkan oleh orang lain, misalnya kisah tentang kehidupan Nabi Muhammad SAW iaitu cerita atas cerita.
- x. Beliau mendakwa mempunyai mukjizat. Mukjizat itu berlaku semasa beliau berada di Bukit Kemensah. Beliau mendakwa pada hari lain iaitu hari panas, beliau tidak merasa panas.

b) Dari sudut Syariah

- i. Tidak mempercayai adanya rukun Islam.
- ii. Wuduk adalah membersihkan diri daripada syirik iaitu menyekutukan Allah dengan sesuatu atau mengikuti selain daripada Allah, ayat-ayatNya dan rasul-rasulnya membelakangkan Allah, tidak berkiblat kepadaNya dan tidak mengikuti petunjuk yang datang daripadaNya.
- iii. Berzikir lebih afdal daripada sembahyang lima waktu.
- iv. Solat lima waktu tidak wajib.
- v. Istilah air di sisi Allah SWT ialah petunjuk-Nya atau ayat-ayat.
- vi. Ruku' ialah mentaati perintah Allah.
- vii. Puasa ialah suatu kejadian yang dilakukan oleh Tuhan iaitu ia menurunkan kitab al-Quran dan bacaan yang sangat mulia kepada hamba-hamba-Nya iaitu rasul dan orang-orang yang beriman di dalam beberapa hari yang terbilang supaya mereka memahami isi kandungan berkaitan al-Quran secara keseluruhannya dan mereka dapat masuk Islam secara keseluruhannya.
- viii. Zakat iaitu melakukan apa sahaja perkara yang baik pada diri sendiri dan terhadap orang lain kerana mencari keredaan Allah.
- ix. Haji ialah penyempurnaan agama Allah terhadap jin dan manusia dan apa sahaja di langit dan di bumi. Orang Islam tidak perlu mengerjakan ibadat haji ke Mekah. Tetapi boleh melakukan ibadat haji di mana-mana sahaja tempat di bumi Allah. Baginya pergi Mekah dan Arab Saudi hanya untuk melihat kesan-kesan sejarah Rasulullah SAW.
- x. Orang Islam yang meninggal dunia tidak perlu disembahyangkan

Berdasarkan kepada beberapa kumpulan ajaran sesat tersebut, dapat dilihat bahawa ajaran yang dibawa oleh guru-guru ajaran sesat membawa banyak kekeliruan kepada umat Islam. Selain itu, terdapat ajaran sesat yang menyandarkan kemunculan Imam Mahdi dalam kalangan guru-guru mereka. Kesannya, terdapat dalam kalangan pengikut yang tidak mempunyai pegangan agama yang kukuh sehingga menyebabkan mereka mudah terikut-terikut dengan ajaran yang dibawa dan taksub dengan ketua mereka.

Oleh itu, sesuatu ajaran sesat ini meliputi pelbagai bentuk penyelewengan seperti zikir dengan melompat, zikir dengan cara pemujaan, beramal dengan mimpi, mengaku nabi, mengaku Imam Mahdi, mengaku mempunyai mukjizat, mengaku sebagai nabi Isa, mengaku ghaib, mentafsir ayat al-Quran dengan kefahaman sendiri, menghalalkan hubungan di antara bukan mahram, menolak dua kalimah syahadah, menghukum pihak yang tidak menyokongnya sebagai kafir, menolak konsep ketuhanan, ajaran Syiah pukulan dari jarak jauh, mempunyai ilmu kebal, pergerakan seperti jelmaan binatang, berhubung dengan pahlawan/pendekar zaman silam, Black Metal dan pelbagai jenis penyelewengan.

2.5.5 Ajaran Syiah

Ajaran ini diasaskan oleh Syeikh Abdullah Arif berdasarkan kitabnya *Bahr al-Lahut* dan ajaran syiah ini mula bertapak sekitar abad ke 21.⁴⁴ Merujuk dalam warta fatwa Wilayah Persekutuan terhadap fahaman Syiah bertarikh 6 Ogos 2013 menyatakan bahawa fahaman Syiah merupakan satu ajaran yang menyeleweng dari pegangan *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah* serta berlawanan dengan syarak. Antara penyelewengan yang dikenal pasti dalam ajaran Syiah boleh dibahagikan kepada dua, iaitu dari segi akidah dan syariat:⁴⁵

⁴⁴ Bernama, “Semua Ajaran Syiah Di Malaysia Adalah Sesat” dicapai pada 27/8/2018, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/semu-a-ajaran-syiah-di-malaysia-adalah-menyeleweng-jakim-26941>

⁴⁵ Wan Zahidi Wan Teh & Syeikh Mahmood Sa’ad Nasih, *Mengenali Hakikat Syiah* (Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2014), 195-196.

a) **Dari segi akidah, seperti berikut:**

- i. meyakini bahawa semua imam adalah maksum.
- ii. mengkafirkan para sahabat Rasulullah SAW.
- iii. Al-Quran yang ada pada hari ini ialah Al-Quran yang sudah diselewengkan dan ditokok tambah.
- iv. *Al Bada'* iaitu menyatakan ilmu Allah berubah-ubah berdasarkan sesuatu peristiwa berlaku. Ini bermaksud Allah jahil dan tidak mempunyai ilmu keseluruhannya.
- v. Raja'ah iaitu kepercayaan bahawa imam-imam akan dihidupkan semula untuk mengadili dan menghukum orang-orang yang telah merampas hak mereka termasuklah Saidina Abu Bakar, Umar, Usman, Aisyah, Muawiyah dan lain-lain sahabat.
- vi. Konsep imamah atau wilayah iaitu kepercayaan imam-imam yang dilantik oleh Allah SWT.
- vii. Ghaibah iaitu kepercayaan mengenai adanya imam yang lenyap dan akan kembali ke dunia untuk membawa keadilan dalam pemerintahan.
- viii. Mempercayai Imam Keduabelas (Muhammad Hassan Al-Askari) telah ghaib dan akan bangkit sebagai Imam Mahdi Al-Muntazar.
- ix. Al-Baraah iaitu kepercayaan untuk membebaskan diri dan hubungan kasih sayang dengan semua khalifah sebelum Ali iaitu Abu Bakar, Umar dan Uthman.

- x. Menokok tambah nama Saidina Ali dalam kalimah syahadah seperti “Tiada tuhan melainkan Allah, Muhammad Pesuruh Allah, Ali Khalifah yang dilantik oleh Allah.
- xi. Taqiyyah iaitu kepercayaan menyembunyikan fahaman sebenar dan melahirkan yang lain daripada apa yang ada adalah hati.
- xii. Menghalalkan Nikah Mutaah.
- xiii. Menolak hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat termasuk isteri Rasulullah SAW sekalipun hadis mutawatir kerana menyatakan sahabat telah murtad selepas kewafatan Rasulullah SAW. Hanya menerima hadis-hadis yang diriwayatkan daripada Imam-Imam Ahli Bait sahaja.

b) Dari segi syariat, seperti berikut:

- i. Menolak ijmak.
- ii. Menolak qias sebagai sumber hukum syarak.
- iii. Menuduh Abu Bakar, Umar, Uthman dan Mua'wiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut-pengikutnya adalah musuh Allah.
- iv. Mendakwa hanya Saidina Ali yang menghimpun Al-Quran dengan sempurna.
- v. Mendakwa sesiapa menziarahi kubur saidina Hussain akan memperolehi ganjaran syurga.

- vi. Melakukan penyeksaan tubuh badan sehingga berlakunya kecederaan sempena 10 muharram bagi mengingati dan menangisi kematian Saidina Hussain dalam peristiwa Karbala.
- vii. Menghina atau melaknat Abu Bakar dan Umar serta isteri-isteri nabi.
- viii. Mengharuskan sembahyang jamak tanpa sebab-sebab yang diharuskan dalam hukum syarak.
- ix. Menyatakan sembahyang dhuha adalah bidaah.
- x. Menetapkan prinsip khumus sebagai kadar zakat.
- xi. Tidak wajib basuh kaki ketika berwuduk sebaliknya hanya disapu sahaja.
- xii. Sujud di atas batu yang didakwa batu karbala ketika solat.

Berdasarkan kepada ajaran-ajaran sesat di atas, terdapat ajaran sesat yang menggunakan pendekatan makruf dan menjadi pegangan dalam kalangan masyarakat Islam. Antara isu yang diketengahkan oleh kebanyakan kes ajaran sesat ialah, ketua-ketua mereka mengakui sebagai Imam Mahdi, mengaku sebagai rasul, ada yang mengiktiraf ketua mereka telah berjumpa dengan sahabat nabi dan memberi amanat bahawa telah menerima wahyu dari tuhan. Adalah juga dari ajaran-ajaran sesat ini yang dipermudahkan mana-mana amalan wajib seperti solat boleh menggunakan niat sahaja. Melakukan ibadah haji boleh dilakukan di tempat-tempat lain selain dari menunaikan ibadah Haji di Mekah.

Selain itu, mereka juga memanipulasikan ayat-ayat al-Quran bagi membuktikan hujah dan membenarkan apa-apa iktikad dan perbuatan adalah selaras dengan ayat al-Quran. Hal ini boleh berlaku kepada mana-mana individu yang kurang ilmu agamanya berasa yakin dan membenarkan setiap hujah yang telah diberikan.

2.6 KESAN DAN IMPLIKASI AJARAN SESAT KEPADA UMAT ISLAM

Berkenaan dengan isu ini dapat disimpulkan dari penulis yang telah dibentangkan dalam beberapa seminar yang diadakan iaitu oleh Dato Hj Abdul Majid Omar⁴⁶ dan Mohd Hanif Hasan⁴⁷ telah menyenaraikan beberapa kesan dan akibat yang boleh berlaku sekiranya kesesatan ajaran sesat ini tidak dikawal secara serius seperti berikut:

2.6.1 Mensyirikkan Allah SWT

Ibadat yang dilakukan oleh pengamal ajaran sesat kebanyakan daripadanya menggunakan akal fikiran tanpa berpandukan syariat dan yang termasuk kepada mensyirikkan Allah SWT. Antara perbuatan khurafat yang dilakukan oleh pengamal ajaran sesat adalah seperti mengagungkan guru dan memuja kubur-kubur yang dikatakan keramat, dan sebagainya. Sehingga akhirnya boleh membawa kepada penyelewengan ajaran Islam itu sendiri. Oleh yang demikian, umat Islam perlulah berpegang dengan yakin dengan agama Islam tanpa ada keraguan sedikit pun terhadap ajaran-ajaran yang dibawa. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

وَأَعْتَصُمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْكُرُوا بِنَعْمَتِ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ
أَعْدَاءً فَالْفَارَقَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْرَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِّنْ
النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿٤٦﴾

Terjemahan: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai berai, dan kenangkanlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliah dahulu) lalu Allah menyatukan di antara hati kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah) lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah

⁴⁶ Hj Abdul Majid Omar, “Ancaman Ajaran Sesat Terhadap Keharmonian Rakyat Malaysia” (Makalah, Simposium Dakwah Daerah Klang, Selangor, 29 Januari 2008), 5-6.

⁴⁷ Mohd Hanif Hasan, “Penyelewengan Kebatinan di Singapura,” (Seminar Kebatinan Serantau: Penyelewengan Kebatinan di Singapura, Peringkat Kebangsaan, Universiti Sains Islam Malaysia, 15-16 September 2010), 1-19.

menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.”

(Surah Āli ‘Imrān, 3: 103)

Hal ini adalah berlawanan bagi kes Pendakwa Syarie lwn Mohd Ya & Yi⁴⁸, berdasarkan kes ini, responden iaitu Mohd Ya dan Yi tersebut telah terlibat dalam kes-kesajaran sesat dan mereka telah diperintah oleh hakim Mahkmal Rayuan Syariah dalam penghakimannya pada 10 Oktober 1996 yang memerintah seperti berikut:

- i. *Bagi Responden Mohamad Bin Ya dan Kamariah Binti Ali hendaklah melaporkan diri kepada kadi Jajahan tempat mereka tinggal setiap sebulan sekali dan melafazkan taubat di hadapan kadi selama lima tahun*
- ii. *Bagi responden Mat Yaakob Bin Ismail dan Daud Bin Mamat hendaklah melaporkan diri kepada kadi Jajahan tempat mereka tinggal setiap sebulan sekali dan melafazkan taubat di hadapan kadi selama tiga tahun.*

2.6.2 Amalan Ibadah Tidak Diterima

Berdasarkan kepada penerimaan sesuatu amalan dan ibadah boleh diterima adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip asas syariah yang telah ditetapkan oleh para ulama-ulama terdahulu, di atas asas ini dua nilai utama yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Pertama adalah wahyu Allah SWT yang bersifat tetap dan mutlaq seperti yang terdapat dalam al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW. Kedua-dua sumber ini memerlukan kefahaman yang mendalam terutamanya bagi masyarakat Islam. Manakala, pentingnya kefahaman yang mendalam dari para fuqaha terhadap nas-nas tersebut. Walau bagaimanapun, pemahaman ini sendiri perlu kepada kehendak wahyu secara umum dan tidak boleh bertindak bebas daripada garis-garis umum yang telah ditetapkan di dalam sumber-sumber utama tersebut.⁴⁹

Ini menunjukkan pentingnya kefahaman yang benar dan tepat terhadap ibadat dan amalan yang dilakukan oleh umat Islam. Semuanya adalah bersandarkan kepada Al-Quran,

⁴⁸ Pendakwa Syarie lwn Mohd Ya & Yi, (2000) 15 Kanun (1)

⁴⁹ Mahmood Zuhdi Hj Ab. Majid, “Pengajian Syariah: Satu Pentafsiran,” dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 1997), 5.

Hadis, Ijmak, dan Qias para sahabat. Sekiranya tidak menepati prinsip-prinsip utama ini, berlakulan amalan-amalan yang berlawanan dengan hukum syarak utama. Ini menyebabkan amalan-amalan yang dilakukan tidak diterima sebagai ibadat oleh Allah SWT kerana kesalahfahaman dalam konsep ibadat yang sebenarnya.

2.6.3 Perpecahan Umat Islam

Perpecahan dalam kalangan umat Islam akan berlaku khususnya apabila sesuatu ajaran berkenaan mendakwa bahawa orang yang selain dari kumpulannya adalah salah atau kurang keislamannya jika dibandingkan dengan mereka. Terdapat juga dakwaan yang mengatakan bahawa orang yang tidak mengikuti kumpulan mereka adalah kafir.

Apabila hal ini terjadi, masalah ajaran sesat ini boleh merencatkan usaha kerajaan untuk membangunkan ummah dan menyebarkan fahaman Islam di Malaysia. Faktor ini boleh menyumbang kepada beberapa perubahan negatif terhadap kepercayaan, sikap dan amalan dalam masyarakat Islam dalam negara.⁵⁰

Oleh itu, Dato' Othman Mustafa iaitu Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ada menyatakan bahawa kumpulan ajaran sesat ini perlu dihapuskan oleh pihak berkuasa agama negeri kerana ia membabitkan soal akidah umat Islam serta boleh menjelaskan keamanan bagi di dalam negara, hal ini bagi mengelakkan sesetengah pihak daripada menyebarkan pelbagai ideologi baru seperti pluralisme dan fahaman yang bersifat ekstrmisme yang menjadikan sasaran utama adalah diserapkan kepada golongan pelajar dan tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi di dalam negara. Fahaman ini

⁵⁰ Othman Mustapha, “*Memerangi Kumpulan Ajaran Sesat Di Malaysia*” dicapai pada 17 Julai 2012, http://www.utusan.com.my/utusan/rencana/20120717/re_01/memerangi-kumpulan-ajaran-sesat#ixzz2iQwktNKG

bukan sahaja boleh merosakkan akidah umat Islam, malah mengundang pelbagai masalah lain seperti rusuhan agama dan perang saudara di antara umat Islam.⁵¹

Kehadaan ini jika tidak dikawal dari akal umbi menyebabkan berlakunya perpecahan dan permusuhan di antara umat Islam. Akhirnya kuasa barat akan menggugat keselamatan negara-negara Islam atas alasan untuk membantu memberi keamanan terhadap sesebuah negara yang menghadapi masalah gologan ajaran sesat ini. Sekali gus negara-negara Islam akan dijajah dalam bentuk yang tersembunyi atas alasan menjaga keselamatan negara. Akhirnya masyarakat Islam juga yang menanggung akibat daripada berlakunya kekacauan tersebut.

2.6.4 Hidup Bertunjangkan Nafsu

Berdasarkan kepada kes-kes ajaran sesat terdahulu, terdapat kumpulan ajaran sesat yang menggunakan istilah penebusan dosa untuk tujuan melakukan hubungan terlarang dengan guru-guru ajaran sesat. Ada di antara mereka yang menggunakan istilah nikah batin untuk menghalalkan hubungan yang bukan mahram. Akibat daripada perbuatan tersebut, maruah seseorang wanita akan tercemar dan keturunan akan rosak oleh kerana terpedaya dengan ajaran dan pegangan ajaran sesat yang dibawa guru-guru ajaran sesat.

Ini akan menyebabkan bertambahnya lagi statistik kelahiran bayi luar nikah dalam kalangan masyarakat yang telah saban tahun meningkat tahun demi tahun. Ini dapat terbukti dengan statisitik yang dikeluarkan oleh direkodkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara daripada tahun 2010 hingga 2016 yang menunjukkan kes kelahiran bayi tak sah taraf lahir dalam kalangan remaja adalah berjumlah 323,047⁵² bayi. Isu ini adalah sangat

⁵¹ “10 Ajaran Sesat Yang Masih Aktif Di Malaysia” dicapai pada 20/2/2016 http://www.academia.edu/6637099/10_Ajaran_Sesat_Yang_Masih_Aktif_di_Malaysia.

⁵² Nik Mazian Nik Mohammad “Laporan Parlimen bertarikh 17/11/2016, 323,047 anak tak sah taraf: Statistik direkodkan JPA dari 2010 hingga 2016”, dicapai pada 11/12/2016, <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/323-047-anak-tak-sah-taraf-1.408544>.

membimbangkan, jika tidak dikawal dengan sewajarnya boleh membawa kepada rosaknya institusi keluarga dalam masyarakat Islam di Malaysia.

Hal ini dapat dilihat dalam salah satu kes ajaran sesat iaitu ajaran Abu Bakar Bappu yang mengiktiraf perkahwinan boleh dilakukan dengan cara nikah batin tanpa memerlukan wali dan saksi. Mengikutnya perkahwinan zahir adalah hanya menunjukkan kepada masyarakat bahawa lelaki yang menikahkan seseorang wanita itu menjadi miliknya dengan tanda lafaz akad nikah. Situasi ini adalah jauh menyempang dari konsep kekeluargaan dalam Islam yang menjadi sah sesuatu perkahwinan memerlukan wali dan saksi bagi mengesahkan sesuatu perkahwinan. Jika ini berlaku perkahwinan yang dilakukan oleh ajaran sesat ini dikategorikan sebagai perkahwinan yang tidak sah dan apabila memiliki zuriat, bayi tersebut dikira sebagai anak yang tak sah taraf. Ini menyumbang kepada rosaknya nasab keturunan sesebuah keluarga.

2.6.5 Ancaman Keselamatan kepada Negara

Kesan ini dapat dilihat dalam penghujahan hakim dalam kes Abdul Kahar yang melakukan kesalahan ajaran sesat. Dalam pendapat hakim menyatakan bahawa:

“Sesungguhnya apabila agama Islam melarang sesuatu perbuatan, maka Islam juga turut melarang apa juga usaha yang boleh membawa kepada berlakunya sesuatu kesalahan tersebut. Oleh itu, kesalahan-kesalahan yang dipertuduhkan terhadap Pesalah bukan sahaja membabitkan diri pesalah sahaja malah melibatkan masyarakat Awam yang lain supaya sama-sama terjerumus ke dalam fahaman yang bertentangan dengan akidah Islamiyyah yang hakiki, secara tidak langsung, kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pesalah adalah memberikan ancaman keselamatan terhadap masyarakat, agama dan negara. Tafsiran keselamatan di sini secara umumnya terbahagi kepada lima perkara, iaitu agama, nyawa, maruah, harta dan keturunan. Maka mahkamah perlu meneliti setiap ancaman keselamatan seperti tafsiran “keselamatan” di dalam kes ini bagi menjaga kemaslahatan semua pihak.⁵³

Berdasarkan kepada pendapat hakim tersebut, menunjukkan ancaman ajaran sesat ini bukan sahaja memberi kesan kepada masyarakat malah yang lebih besar boleh memberi

⁵³ Ketua Pendakwa Syarie lwn Abdul Kahar (2009) Jilid 29 Bhg 1. hlm 118.

ancaman kepada negara jika ajaran sesat ini tidak dipandang serius oleh pihak berkuasa agama. Hal ini ditambah lagi dengan isu terkini di Syria yang berdepan ancaman perang saudara di antara puak Syiah iaitu pemerintah negara dengan pihak Sunni yang beraliran fahaman *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah*. Sehingga terpaksa masyarakat lari mendapatkan perlindungan di negara-negara jiran.

Ini dapat dilihat dalam satu kes ajaran sesat iaitu kes Tuhan Harun yang telah disabitkan kesalahan membunuh seorang PPA di Pahang. Selain dari fahaman ajaran Syiah yang mempercayai *Raja’ah* iaitu kepercayaan bahawa imam-imam akan dihidupkan semula untuk mengadili dan menghukum orang-orang yang telah merampas hak mereka termasuklah Saidina Abu Bakar, Umar, Usman, Aisyah, Muawiyah dan lain-lain sahabat.

Selain itu, terdapat satu kes yang berlaku yang dilakukan oleh sekumpulan lelaki berjubah putih yang dikenali sebagai pengikut tarikat Nurul Zaman telah melakukan serangan pertama pada 19/8/1987 di sebuah kuil hindu di Kerling, Selangor dan kejadian kedua pada tahun 16/10/1980 yang dilakukan oleh 20 orang ahli kumpulan telah menyerang balai polis Batu Pahat kerana melancarkan jihad untuk menakluk Rusia.⁵⁴ Hal ini adalah berlawanan dengan sistem perundangan di Malaysia yang akhirnya boleh membawa kepada jatuhnya sesebuah negara tanpa ada undang-undang yang ketat.

2.6.6 Menghalang Kemajuan Masyarakat dan Negara

Kerajaan telah mengeluarkan dana yang besar dalam mengawal aktiviti menyebarluaskan ajaran sesat dalam kalangan masyarakat. Pelbagai usaha sedang giat dijalankan seperti mengadakan sesi bual bicara, seminar dan penguatkuasaan yang dijalankan. Tetapi ajaran sesat ini masih lagi berkembang dalam kalangan masyarakat. Ini boleh membawa kepada masalah yang besar kepada pemimpin negara untuk ditanganinya. Terdapat kumpulan

⁵⁴ Mohd Al-Adib Samuri & Noor Aziah Haji Mohd Awal, “Ajaran Sesat dalam Islam: Penggunaan Undang-Undang Sivil sebagai Satu Mekanisma Perundangan Alternatif terhadap Pesalah,” 1.

ajaran sesat yang bersikap jumud dan terbelakang dalam mencari rezeki, seperti memuja kubur untuk mendapatkan duit menggunakan khidmat khurafat dalam menjana wang.

Tambahan lagi dalam era dan dunia tanpa sempadan ini, masalah ajaran sesat boleh disebarluaskan secara meluas di dalam laman-laman sesawang dalam internet, dan boleh dicapai oleh pelbagai lapisan masyarakat tidak terkecuali kanak-kanak, kerana kanak-kanak telah didedahkan dari awal lagi dengan gajet-gajet terkini tanpa pengawalan ibu bapa. Hal ini jika tidak dikawal oleh ibu bapa boleh menyebabkan anak-anak terdedah kepada fahaman-fahaman ajaran sesat yang di bawah dalam media terkini hari ini.

Dakyah ajaran sesat ini juga boleh menghalang pembangunan sesebuah masyarakat dan hidup dalam keadaan yang tidak aman. Kekacauan dan keruntuhannya dalam sesebuah negara boleh berlaku sekiranya wujud pemerintah yang berpegang kepada fahaman ajaran sesat.

2.6.7 Menghambat Kemajuan Dakwah

Penyampaian dakwah merupakan satu amalan yang sangat penting kepada umat Islam tidak mengira lapisan masyarakat, sama ada muda, tua, berpangkat tinggi atau rendah. Semua lapisan masyarakat Islam tidak terkecuali untuk menggalas tanggungjawab tersebut. Antara konsep berdakwah yang disarankan oleh Islam ialah⁵⁵ ikhlas dalam setiap penyampaian dan amalan, bertepatan dengan apa yang disampaikan, kelembutan dalam mengendalikan mad'u, berhati-hati dalam setiap ucapan dan tindakan, bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu, kefahaman yang jelas tentang waqi' (realiti) zaman dan tempat, kesabaran dalam menyampaikan dakwah yang dipenuhi dengan onak dan duri, sentiasa bersedia memaafkan dan bertolak ansur, menjadi pendengar yang baik dalam perkongsian masalah

⁵⁵ Mohd Zambri Mohd Zainuldin, "Wasathiyyah Dalam Dakwah" dalam Manhaj Fiqh Wasathiy (Seminar Konvensyen Fiqh Ummah, PWTC, 2012), 61-62.

dan persoalan yang dikemukakan, serta pergantungan yang erat kepada Allah SWT dalam apa jua urusan.

Seterusnya, ditambah lagi seorang yang ingin berdakwah, mestilah mengelakkan diri daripada sebarang ucapan atau tindakan yang mungkin menatijahkan sangsi dan ragu kepada sasaran dakwah, demikian juga penggunaan bahasa-bahasa yang tidak berakhlik dan beretika.

Prinsip asas dakwah tersebut menunjukkan bahawa penyebaran dakwah akan menjadi rosak sekiranya dakwah yang disampaikan adalah dari kalangan mereka yang mengamalkan ajaran sesat dalam cara hidup mereka. Perkara sebegini memberikan gambaran dan imej yang negatif kepada Islam, khususnya terhadap saudara baru dan mereka yang masih belum beragama Islam.

Berdasarkan penghakiman dalam kes Abdul Kahar, perbuatan ajaran sesat bukan sahaja memperlihatkan penghinaan terhadap agama Islam, malah ia melibatkan penghinaan terhadap ajaran-ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan keseluruhan umat Islam. Dengan kata lain, ia memberi imej yang negatif kepada Islam, ajarannya dan pegangannya.

Gejala ajaran sesat ini boleh diklasifikasikan sebagai ‘perang pemikiran’ yang kesannya lebih banyak berbanding ‘perang berdarah’ iaitu perang yang menggunakan senjata. Hal ini adalah bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

وَاقْتُلُوهُمْ حَيْثُ ثَقِفْتُمُوهُمْ وَأَخْرِجُوهُمْ مِّنْ حَيْثُ أَخْرَجُوكُمْ وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ
مِنَ الْقَتْلِ وَلَا تُقْتِلُوهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتَّىٰ يُقْتِلُوكُمْ فِيهِ فَإِنْ قُتِلُوكُمْ
فَاقْتُلُوهُمْ كَذَلِكَ جَزَاءُ الْكُفَّارِ



Terjemahan: “*Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapatinya mereka, dan usirlah mereka dari tempat yang mereka telah mengusir kamu; dan (ingatlah bahawa angkara) fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar Masjid Al-Haraam sehingga mereka memerangi kamu disitu. Oleh itu, kalau mereka memerangi kamu (di situ), maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan bagi orang-orang yang kafir...”*

(Surah al-Baqarah, 2: 191)

Berdasarkan ayat di atas menunjukkan bahawa betapa beratnya hukuman yang dikenakan terhadap mereka yang melakukan ajaran sesat ini yang boleh disifatkan sebagai satu fitnah yang besar terhadap Islam. Seterusnya hakim menyatakan dalam hujahan bahawa sekiranya ajaran sesat ini tidak dibendung dengan sewajarnya, boleh mengakibatkan kesan yang buruk dan mengancam keselamatan masyarakat, agama dan negara.

Kesannya adalah umat Islam dipandang hina oleh masyarakat lain kerana kejahilan mereka terhadap Islam.⁵⁶ Golongan ini akhirnya mudah terpengaruh dengan bisikan syaitan dan nafsu untuk melakukan perkara-perkara yang dilarang dalam Islam. Mereka yang jahil ini tidak dapat membezakan di antara yang haram dengan yang halal dan mereka juga mudah terpedaya dengan ajaran sesat seperti nabi palsu, Imam Mahdi, golongan antihadis dan sebagainya. Akibatnya, umat Islam boleh menerima sahaja apa yang dibawa oleh barat walaupun perkara tersebut berlawanan dengan cara hidup Islam yang mulia. Ini dapat dilihat dalam cara hidup golongan remaja yang sangat fanatik dengan muzik *black metal*.

2.7 PENDAKWAAN DALAM ISLAM

Pendakwaan merupakan salah satu prosedur pertama dalam menjalankan siasatan terhadap satu-satu kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah. Tujuannya adalah untuk menyelesaikan pertikaian dan pertengkarannya mengikut hukum syarak dengan perintah yang akan

⁵⁶ Zainal Jan & Siti Meriam Yusoff, *Umat Islam Terhina! Kenapa?* (Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2009), 192.

dikeluarkan oleh hakim syarie berdasarkan hujah, bukti dan hubung kaitan dengan undang-undang yang diterima pakai oleh pihak Mahkamah Syariah.

Hal ini adalah bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ يُعِظُّكُمْ يَهٌ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَيِّئًا بَصِيرًا

Terjemahan: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyerahkan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia, hendaklah kamu berhukum dengan adil.”

(Surah al-Nisā’, 4: 58)

Manakala, ini ditambah lagi dengan penting pendakwa syarie itu menghukum dengan adil. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

سَمَّاعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَلُونَ لِلسُّخْتِ فَإِنْ جَاءُوكَ فَآخْرُكُمْ بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرِضْ عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضْرُوكَ شَيْئًا وَإِنْ حَكَمْتَ فَآخْرُكُمْ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Terjemahan: “Dan jika kamu menghukum (perkara mereka), maka hukumlah (perkara itu) di antara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyuaki orang yang adil”.

(Surah al-Mā’idah, 5: 42)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa sesuatu pendakwaan yang dijalankan perlul dijalankan dengan secara adil di antara pendakwa syarie dan peguambela tertuduh. Mahkamah Syariah akan mendengar hujah serta keterangan daripada pihak pendakwa yang mengemukakan keterangan untuk mensabitkan tertuduh. Dalam masa yang sama, pihak

peguambela tertuduh pula akan mengemukakan hujah dan keterangan untuk meragukan serta menafikan pertuduhan.⁵⁷

2.7.1 Pengertian Pendakwaan

Pendakwaan atau *al-da'wa* (dalam bahasa arab) bermaksud seseorang untuk mengenakan hak ke atas orang lain ataupun membuat tuntutan dan harapan.⁵⁸ Selain itu, menurut Imam Syafie, *al-da'wa* bermaksud tuntutan,⁵⁹ sepetimana firman Allah SWT di dalam al-Quran:

هُمْ فِيهَا فَلِكَهَةٌ وَهُمْ مَا يَدْعُونَ
۱۶۷

Terjemahan: “*Dan mereka beroleh apa yang mereka kehendaki.*”

(Surah Yāsīn, 36: 57)

Manakala dari segi istilah, *al-da'wa* bermaksud pemberitahuan tentang sesuatu hak kepunyaan seseorang yang ada pada seseorang yang lain dengan pemberitahuan itu dilakukan di hadapan hakim. Oleh itu, takrifan ini terlalu umum, merangkumi setiap perkataan yang diterima oleh hakim seperti pengakuan (*iqrar*), persaksian (*shahadah*) dan seumpama keduanya. Pendakwaan secara jelas bertujuan untuk menuntut haknya yang tertentu terhadap orang lain ketika berlakuaya perbalahan ataupun mempertahankan hak dirinya.⁶⁰

⁵⁷ Ahmad 'Azam Mohd Shariff, "Prosedur Pendakwaan Jenayah Syariah: Analisis Ke Atas Peruntukan Undang-undang Di Bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997," *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, vol. 15 (2011), 1.

⁵⁸ Abdul Monir Yaacob, "Pendakwaan dalam Islam," dalam *Pendakwaan Dan Penyiasatan: Konsep Dan Amalan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003), 20.

⁵⁹ Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā & 'Alī al-Sharbajī, *Fiqh al-Manhājī: Kitāb Fiqh al-Imām Shāfi'ī*, terj. Salehan Ayub (Dimashq: Dār al-Qalam, 2000), vol. 3, 555.

⁶⁰ Abdul Monir Yaacob, "Pendakwaan Dalam Islam," 21.

2.7.2 Dalil Pensyariatan

Amalan pendakwaan dan pembuktian adalah disyariatkan berdasarkan dalil al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW. Berdasarkan surah Al Nur: 48 bermaksud:

"Dan apabila mereka diajak kepada Kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya supaya menjadi hakim yang memutuskan sesuatu di antara mereka, maka dengan serta merta sepuak daripada mereka berpaling engkar (menolak ajakan itu jika keputusan tidak menguntungkan mereka)"

Selain itu, dalam surah Ali Imran: 23 berfirman yang maksudnya:

"Tidaklah engkau (wahai Muhammad) merasa pelik memikirkan tentang sikap orang (Yahudi) yang telah diberikan sebahagian daripada Kitab Taurat, mereka diseru kepada Kitab Allah supaya Kitab itu dijadikan hakim (dalam perkara yang timbul) di antara mereka. Kemudian sepuak daripada mereka berpaling ingkar sambil menolak (seruan dan hukum Kitab Allah itu)."

Manakala berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, Rasulullah SAW bersabda:

لَوْ يُعْطِنَ النَّاسُ بِدْعَاهُمْ لَا دُعَى نَاسٌ دَمَاءً رِجَالٍ وَأَمْوَالَهُمْ ، وَلَكِنَ اليمينَ عَلَى المُدْعَى عَلَيْهِ

Terjemahan: "Sekiranya manusia diberikan sesuatu berdasarkan dakwaannya sahaja, nescaya ramai yang akan mendakwa darah dan harta lelaki lain (sebagai haknya). Tetapi, orang yang didakwa perlu bersumpah".⁶¹

Hadis lain berkenaan pendakwaan ini ialah: daripada 'Abd Allāh bin 'Amr Bin a-Ash RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:⁶²

البِيْنَةُ عَلَى الْمُدْعَى ، وَالْيَمِينُ عَلَى الْمُدْعَى عَلَيْهِ

Terjemahan: "Bukti diminta daripada pendakwa dan sumpah diminta daripada tertuduh"

⁶¹ Diriwayatkan oleh al-Bukhari (4277) dalam tajuk: tafsir, bab: firman Allah SWT yang bermaksud: sesungguhnya orang yang menjual perjanjian Allah SWT dan sumpah mereka dengan harga yang murah; dan Muslim (1711) dalam tajuk: kehakiman, bab: tertuduh hendaklah bersumpah, daripada 'Abdullah Bin "Abbas RA.

⁶² Diriwayatkan oleh Muslim (138) dalam tajuk: iman, bab: amaran api neraka kepada orang yang merampas hak seorang Muslim lain dengan sumpah.

Berdasarkan kepada dalil di atas, dapat dilihat bahawa sesuatu pendakwaan itu perlu mengemukakan bukti, manakala tertuduh perlu mengemukakan sumpah kerana asas pendakwaan pihak pendakwa tidak kuat. Ini kerana dakwaannya bercanggah dengan zahir atau hukum asal. Oleh itu, pihak pendakwa perlu mengemukakan hujah yang kuat iaitu bukti. Manakala bagi pihak tertuduh mempunyai asas kuat kerana dia berpegang kepada hukum asal iaitu *al-barā'ah* (tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah). Namun, sekiranya hujah yang dikemukakan tidak mencapai tahap yang sepatutnya, maka sumpah bagi pihak tertuduh sudah memadai untuk menafikan dakwaan tersebut.⁶³

2.7.3 Takrif Pendakwa dan Tertuduh

Pendakwa ialah orang yang keterangannya bercanggah dengan zahir keadaan. Manakala tertuduh pula ialah orang yang keterangannya bertepatan dengan zahir keadaan.

Perbandingan di antara pendakwa dan tertuduh ialah pendakwa mendakwa haknya berada di tangan tertuduh dan keterangannya bercanggah dengan zahir iaitu tertuduh tidak bersalah. Tetapi bagi tertuduh, menafikan hak tersebut dan prinsip asas bersamanya iaitu dia tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah.

2.7.4 Rukun-Rukun Pendakwaan dalam Islam

Para ulama menegaskan bahawa rukun-rukun pendakwaan perlulah dipatuhi sebelum sesuatu pendakwaan jenayah syariah dilaksanakan. Abdul Karim Zaidan menjelaskan bahawa rukun pendakwaan ini boleh dibahagikan kepada empat, iaitu:⁶⁴

- I. Orang yang menuntut (*al-mudda'i*)
- II. Orang yang didakwa (*al-mudda'a 'alayh*)
- III. Sesuatu hak yang dituntut oleh pendakwa daripada yang kena dakwa.

⁶³ Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā & ‘Alī al-Sharbajī, *Fiqh al-Manhājī: Kitāb Fiqh al-Imām Shāfi‘ī*, terj. Salehan Ayub, vol. 8, 2185.

⁶⁴ Abdul Karim Zaidan, *Sistem Kehakiman Islam*, vol. 2 (Kuala Lumpur: Pustaka Hj. Abdul Majid, 1997), 2. 65

- IV. Perkataan yang lahir dari pendakwa di hadapan hakim untuk menyatakan bahawa OKT ada hak tuntutan ke atas tanggungan orang yang didakwa. Perkara tersebut sebagai *da'wa*.

Oleh itu, orang yang menuntut ialah orang yang tidak dipaksa memasuki perbicaraan jika tidak mahu melakukannya. Manakala orang yang didakwa ialah orang yang dipaksa memasuki perbicaraan kerana dia adalah orang yang dituntut. Ianya pada kebiasannya dipikul oleh pegawai pendakwa syarie atau lebih dikenali sebagai *al-mudda 'i fi al-da'wa al-jinā'iyyah* yang dilantik khas serta diamanahkan untuk melaksanakan sebarang tugas pendakwaan.

Abdul Karim Zaidan telah menggariskan beberapa faktor yang membezakan Pendakwa Syarie dan tertuduh seperti berikut:⁶⁵

- I. Pendakwa ialah mereka yang membuktikan sesuatu, manakala yang didakwa ialah mereka yang menafikan.
- II. Pendakwa ialah seorang yang mendakwa sesuatu yang tersembunyi sementara orang yang didakwa ialah meraka yang mendakwa sesuatu yang zahir dan jelas.
- III. Pendakwa ialah orang yang perkataannya menyalahi yang asal atau uruf, manakala yang didakwa ialah orang yang perkataannya seiring dengan uruf atau asal.
- IV. Pendakwa ialah mereka yang apabila meninggalkan dakwaannya itu begitu sahaja dan tidak boleh dipaksa membuat dakwaan, manakala yang didakwa itu ialah mereka yang dipaksa menjawab dakwaan itu.
- V. Pendakwaan ialah seseorang yang menuntut dengan perkataannya bagi mendapatkan sesuatu yang berada di tangan orang lain, manakala yang didakwa adalah mereka yang mengingkari dakwaan tersebut.

⁶⁵ Abdul Karim Zaidan, *Sistem Kehakiman Islam*, 4.

Dalam hal ini, seorang pendakwa itu bukan sahaja boleh mengemukakan dakwaan bertujuan untuk menuntut hak tertentu untuk dirinya, malah seorang pendakwa juga perlu mengemukakan dakwaan agar dilaksanakan hak-hak Allah SWT sebagaimana dalam kes hudud. Keadaan ini dikenali sebagai *da'wa al-hisbah*.

Bahagian pendakwaan boleh dibahagikan kepada dua bahagian seperti mana berikut:⁶⁶

i) Dakwaan tohmah

Dakwaan tohmah ialah satu dakwaan ke atas perbuatan yang haram atau ditegah (oleh syarak) yang wajib dikenakan hukuman seperti bunuh, rompakan, curi dan seumpamanya.

ii) Dakwaan bukan tohmah

Dakwaan bukan tohmah ialah seperti dakwaan berkenaan dengan akad jual beli, gadaian dan seumpamanya. Ia juga menyentuh hak anak Adam sepenuhnya seperti hak kehartaan dengan keadaan pihak yang mendakwa dapat membuktikan dengan hujah-hujahnya. Jika sebaliknya, maka keterangan pihak kena tuduh diterima dengan sumpahnya.

2.7.5 Syarat-Syarat Pendakwaan dalam Islam

Setiap pendakwaan yang membabitkan nyawa atau bukannya nyawa seperti rampasan, curi, memusnahkan sesuatu yang dikemukakan kepada hakim mestilah memenuhi enam syarat berikut, iaitu:⁶⁷

I. Pendakwaan mestilah lengkap

Pendakwaan menjelaskan secara terperinci dakwaan yang dikemukakannya. Contohnya pendakwa berkata “orang ini membunuh saudara saya secara sengaja (dengan niat).” Ataupun mendakwa pendakwa berkata “dia membunuh tanpa niat

⁶⁶ Abdul Monir Yaacob, “Pendakwaan Dalam Islam,” 23.

⁶⁷ *Op. cit.* Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugha dan Ali Asy-Syarbaji terj. Salehan Bin Ayub, “Dakwaan Dan Bukti”, hlm. 8: 2186-2187.

atau dia membunuh tanpa niat bersama seseorang. Walau bagaimanapun, seseorang hakim digalakkan untuk meminta pendapat pendakwa menjelaskan dakwaannya. Pihak pendakwa diwajibkan untuk menjelaskan secara terperinci dakwaannya kerana hukum sesuatu perkara berbeza mengikut kes. Seperti hukum membunuh dengan niat berbeza dengan hukum membunuh tanpa niat.

II. Pendakwaan mestilah melibatkan perkara yang berkuatkuasa

Dengan ini, dakwaan yang menyebut pemberian sahaja tanpa menyebut penerimaannya akan ditolak. Contohnya pendakwa berkata; “orang ini telah menghadiahkan saya sesuatu”. Ini kerana hadiah tidak menjadi hak melainkan telah diterima. Namun, sekiranya pendakwa berkata: “dia telah menghadiahkan kepada saya dan saya telah menerimanya dengan izin pemberi hadiah”, maka dakwaannya akan didengar dan diterima oleh hakim.

III. Pendakwa mestilah menentukan tertuduh dalam dakwaannya, sama ada seorang atau ramai

Sekiranya pendakwa berkata: “Saudara saya dibunuh oleh salah seorang daripada tiga orang ini,” dakwaannya ditolak sehinggalah dia menentukan tertuduh dalam dakwaannya. Ini kerana dakwaan tersebut menimbulkan kekeliruan. Sekiranya pendakwa meminta hakim mengarahkan mereka bersumpah, maka hakim tidak perlu menunaikannya kerana dakwaannya tersebut tidak sah.

IV. Pendakwa mestilah seorang *mukallaf*

Dakwaan oleh kanak-kanak dan orang gila tidak akan diterima.

V. Pendakwa atau tertuduh bukan kafir harbi yang tidak diberikan perlindungan

Ini disebabkan oleh tidak layak menuntut *qisāṣ* dan lain-lain hak kerana haknya telah dilucutkan.

VI. Dakwaan yang dikemukakan tidak bercanggah dengan dakwaan lain yang telah dibuatnya

Sekiranya pendakwa membuat dakwaan bahawa tertuduh membunuh secara bersendirian, namun dalam masa yang sama beliau mendakwa tertuduh kedua adalah rakan jenayah tertuduh pertama. Ataupun pendakwa mendakwa tertuduh kedua pula melakukan pembunuhan bersendirian.

Dakwaan kedua akan ditolak kerana bercanggah dengan dakwaan pertama. Kecuali sekiranya tertuduh kedua membuat pengakuan, maka pengakuannya diterima dan dakwaan ke atasnya didengari.

Apabila pendakwaan memenuhi kesemua syarat ini, maka ia sah dan akan didengar oleh hakim. Hakim seterusnya akan meminta pendakwa mengemukakan bukti yang menyokong dakwaannya. Sekiranya bukti tersebut diterima, keputusan akan memihak kepadanya.

2.7.6 Kepentingan *Hisbah* dalam Pendakwaan

Sebelum ini, penulis telah menerangkan secara terperinci berkenaan prinsip-prinsip asas berkenaan pendakwaan dalam Islam. Tugas pendakwaan ini dikendalikan oleh pegawai yang dikenali sebagai *hisbah*. *Hisbah* adalah satu tugas atau tanggungjawab berkaitan dengan usaha membanteras kemungkaran apabila ia jelas dilakukan dan menyuruh melakukan amar makruf, apabila jelas meninggalkan amal yang diperintahkan.

Merujuk kepada istilah fiqh istilah *al-da'wa* (pendakwaan atau tuntutan) lebih ditujukan kepada kes-kes yang mana seseorang individu membuat tuntutan atau dakwaan terhadap seseorang individu lain berkaitan dengan sesuatu hak. Dalam isu ini, mestilah

wujudnya seorang yang membuat aduan itu yang menuntut bagi mendapatkan kembali haknya yang diambil oleh pihak yang dituntut.⁶⁸

Memandangkan tugas penguatkuasaan dan pendakwaan syarie ini merupakan sebahagian daripada tugas *hisbah*, maka syarat yang perlu ada bagi seseorang *muhtasib* ialah seseorang *muhtasib* itu mestilah seorang yang beragama Islam yang *mukallaf* serta mempunyai ilmu berkenaan maksiat, kemungkaran atau jenayah yang berkaitan dengan tugasnya kerana ini akan memastikan kerja *amar makruf nahi mungkar* ini sebahagian besarnya melibatkan pelanggaran hak-hak Allah SWT yang jelas kedudukannya di dalam syariat yang dapat diketahui oleh orang awam.⁶⁹

Selain itu, terdapat juga satu syarat utama terhadap diri seorang *hisbah* ialah adanya keupayaan untuk mengambil tindakan sama ada dari segi fizikal dan mental. Ulama telah membincangkan kedudukan seseorang *muhtasib* yang yakin atau berat sangkaannya bahawa jika diambil tindakan (melakukan nahi mungkar) sesuatu yang tidak diingini akan ditimpakan ke atasnya oleh pihak-pihak yang terlibat, maka tidak wajib baginya mengambil tindakan kerana ketika hukum melakukan *hisbah* adalah sunat dan harus sahaja.⁷⁰ Tugas seorang *muhtasib* adalah melakukan penggeledahan, intipan, siasatan, penangkapan dan menyediakan pendakwaan.

2.8 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada takrifan, ciri-ciri, serta bentuk-bentuk ajaran sesat ini, dapat dilihat bahawa segala bentuk ajaran sesat sememangnya bercanggah dengan prinsip-prinsip asas yang telah ditetapkan oleh *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*. Penyebaran ajaran sesat secara

⁶⁸ Zainal Azam Abd. Rahman, “Acara Jenayah Dan Keperluan Pembuktian: Satu Tinjauan Ringkas Mengenai Beberapa Isu Berkaitan Dari Persepektif Syariah Dan Fikah,” dalam *Pendakwaan Dan Penyiasatan: Konsep Dan Amalan* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003), 133.

⁶⁹ Zainal Azam Abd. Rahman, “Acara Jenayah Dan Keperluan Pembuktian: Satu Tinjauan Ringkas Mengenai Beberapa Isu Berkaitan Dari Persepektif Syariah Dan Fikah,” 137.

⁷⁰ Zainal Azam Abd. Rahman, “Acara Jenayah Dan Keperluan Pembuktian: Satu Tinjauan Ringkas Mengenai Beberapa Isu Berkaitan Dari Persepektif Syariah dan Fikah,” 137.

berleluasa dalam kalangan masyarakat akan membawa kesan negatif kepada pemahaman umat Islam, terutamanya terhadap prinsip-prinsip Islam yang sebenar dan membawa kesan yang besar kepada iktikad seseorang Muslim.

Di samping itu, merujuk kepada ciri-ciri yang telah dinyatakan, mereka yang mengamalkan ajaran sesat sebenarnya terkeliru dengan konsep asas prinsip Islam. mereka tidak diberi pendedahan secara mendalam yang sewajarnya oleh mana-mana pihak. Setiap individu masyarakat mempunyai tahap pemikiran, ekonomi, yang sosial berbeza serta pengaruh ideologi-ideologi barat yang menyumbang kepada perkembangan kes-kes ajaran sesat di Malaysia khususnya di Kuala Lumpur. Setiap individu masyarakat mempunyai peranan masing-masing untuk mengawal dan menyekat penyebaran kes ajaran sesat dari berleluasa.

Justeru, bagi mengawal dan menyekat penyebaran ajaran sesat ini dengan disebarluaskan dengan lebih luas, maka penguatkuasaan perlu dimantapkan supaya kes-kes ajaran sesat ini dapat diadili dengan sewajarnya. Islam telah mengariskan konsep dan prosedur pendakwaan yang lengkap yang boleh dijadikan sumber dan diaplikasikan dalam SOP yang dijalankan oleh PPA di JAWI supaya lebih sistematik dan berkesan. Bermula daripada PPA inilah, punca utama kejayaan kes ajaran sesat ini disabitkan dengan bersalah atau terlepas dari pertuduhan.

Oleh itu, pihak kerajaan telah merancang pelbagai strategi untuk mengawal penyebaran ajaran sesat dari berleluasa dalam kalangan masyarakat. Di antara perancangan yang dibuat ialah agensi kerajaan telah mengadakan beberapa siri ceramah perdana berkenaan kes ajaran sesat. Objektif utama yang dijalankan adalah untuk memberi maklumat terkini berkenaan pergerakan dan maklumat kes ajaran sesat yang wujud dalam negara. Di samping itu, kerajaan juga telah dan akan mengeluarkan buku-buku dan risalah-risalah terkini berkenaan ajaran sesat di dalam negara.

Berdasarkan kepada isu dan kesan daripada penyebaran ajaran sesat ini, dapat dilihat bahawa sesuatu ajaran sesat itu boleh membawa kepada timbulnya banyak permasalahan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, bagi mengawal kes ini daripada berleluasa, ia memerlukan undang-undang jenayah syariah yang mantap bagi mengawal kegiatan ajaran sesat.

•

•

BAB

KETIGA

BAB 3: UNDANG-UNDANG, PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN KES AJARAN SESAT DI MALAYSIA

3.0 PENDAHULUAN

Merujuk kepada bab terdahulu, penulis telah menerangkan secara terperinci berkenaan dengan ajaran sesat dari segi pengertian, bentuk-bentuk dan ciri-cirinya dan prinsip pendakwaan dalam Islam. Hasil dari penelitian mengenai ajaran sesat ini menunjukkan bahawa gejala ini merupakan satu masalah yang besar yang boleh membawa kepada kekeliruan kepada masyarakat Islam khususnya dan umumnya kepada masyarakat bukan Islam. Isu ajaran sesat ini lebih parah lagi jika kefahaman ajaran sesat masuk dan mempengaruhi minda pegawai atasan dalam perkhidmatan dalam kerajaan yang akhirnya boleh menggugat keselamatan negara jika tidak dikawal dengan serius.

Dalam bab 3 ini juga penulis akan menerangkan secara lanjut berkenaan dengan peruntukan undang-undang sedia ada bagi menjalankan penguatkuasaan kes kesalahan ajaran sesat ini. Penulis akan membahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu pertama dari segi peruntukan undang-undang berkaitan dengan ajaran sesat, kedua menerangkan berkenaan dengan tatacara penguatkuasaan dan ketiga menerangkan berkenaan dengan penguatkuasaan dan pendakwaan bagi kes ajaran sesat seperti huraiyan berikut.

Bagi bahagian pertama iaitu penulis akan menerangkan berkenaan peruntukan undang-undang jenayah syariah terhadap kes ajaran sesat. Di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (selepas ini disebut AKJSWP) bagi kesalahan ajaran sesat boleh disabitkan di bawah kesalahan-kesalahan berkaitan doktrin palsu, dakwaan palsu, pemujaan salah, mengajar tanpa tauliah, pendapat yang bertentangan dengan fatwa, mengingkari pegawai penguatkuasa agama, dan kesalahan penyubhatan.

Manakala bagi bahagian kedua penulisan akan menerangkan berkenaan prosedur berpandukan kepada Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Selepas ini disebut ATJSWP). Gambaran awal perjalanan penguatkuasaan adalah bermula dengan aduan oleh orang awam. Sebelum seseorang itu disabitkan dengan apa-apa kesalahan jenayah syariah, ia adalah tertakluk kepada beberapa prosedur yang menjadi sumber utama dalam menjalankan penguatkuasaan. Proses ini dimulai dengan penyempurnaan kertas siasatan yang dibawa oleh Ketua Operasi di Bahagian Penguatkuasaan JAWI dan akan diteliti oleh Pendakwa Syarie sebelum dibawa ke peringkat seterusnya iaitu pada perbicaraan di hadapan Hakim Mahkamah Syariah kemudian.

Pada asasnya, bidang kuasa pegawai PPA bermula dari penerimaan aduan atau maklumat yang diterima dari orang awam iaitu melalui panggilan telefon atau pengadu datang sendiri ke pejabat penguatkuasa agama atau melalui siasatan yang dijalankan terlebih dahulu oleh PPA. Seterusnya, PPA akan memanggil, menyoal siasat, mengambil dan merakamkan keterangan saksi, membuat siasatan terhadap premis atau kawasan aduan iaitu melalui penggeledahan tempat, serta menyita barang-barang kes dan kuasa untuk menangkap dan menahan suspek. Ini adalah sangat penting bagi menentukan sesuatu kes itu disabitkan di bawah jenayah syariah ataupun sebaliknya.

Di dalam bahagian tiga bab ini, penulis akan melihat berkenaan peruntukan dan penguatkuasaan undang-undang dan prosedur pendakwaan sedia ada dapat menyelesaikan kes-kes berkaitan dengan ajaran sesat dari berleluasa dalam kalangan masyarakat di Malaysia dengan sewajarnya. Oleh itu, hasil dari penelitian peruntukan undang-undang tersebut, sedikit sebanyak dapat memberi kefahaman berkenaan keberkesanaan undang-

undang bertulis diaplikasi dalam bidang tugas penguatkuasaan dan pendakwaan kes-kesajaran sesat.

3.1 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH TERHADAP KESALAHAN AJARAN SESAT DI MALAYSIA

Pada dasarnya undang-undang jenayah Islam di Malaysia mempunyai bidang kuasa yang kecil yang hanya melibatkan kesalahan bagi diri orang Islam sahaja, manakala hukuman yang diperuntukkan adalah hukuman bagi kesalahan bagi hukuman takzir sahaja.¹ Secara umumnya, hukuman bagi kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan di bawah akta dan enakmen Jenayah Syariah adalah kecil, iaitu denda tidak melebihi RM5,000.00, penjara tidak melebihi lima tahun dan sebatan tidak lebih dari enam kali.²

Manakala Kanun Keseksaan yang diperuntukkan bagi kesalahan jenayah sivil, mempunyai bidang kuasa yang bersifat universal dan menyeluruh serta hukuman yang dikenakan dan disabitkan adalah lebih besar dan berat. Selain itu, bagi kesalahan-kesalahan yang terdapat di dalam Kanun Keseksaan terikat kepada semua golongan masyarakat.

Bagi mengawal dan memantau pergerakan ajaran sesat, penulis melihat terdapat satu peruntukan dalam Perlembagan Persekutuan memberikan bidang kuasa untuk mengawal dan menyekat perkembangan dan kefahaman yang menyeleweng dari prinsip-prinsip Islam yang telah digariskan oleh syarak dan prinsip-prinsip Islam di Wilayah Persekutuan umumnya. Ini dapat dilihat dalam Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan:

“Undang-undang negeri dan mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya undang-undang persekutuan boleh mengawal

¹ Zulkifli Hasan “Isu Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia Dan Sejauhmanakah Perlaksanaanya.” dicapai 20/2/2017 http://scholar.google.com/scholar?cluster=9194001444225491642&hl=en&as_sdt=2005&sciodt=0,5

² Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

dan menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam.”

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa PPA di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya berbidangkuasa kuasa untuk mengawal dan menyekat perkembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan yang berlawanan dengan prinsip hukum syarak, aktiviti-aktiviti perkembangan ajaran sesat dan berpegang mazhab yang menyeleweng.³

Pembuktian merupakan faktor utama dalam memperkuuhkan fakta yang dikemukakan dan dibawa oleh pendakwa syarie, maka pemakaian terhadap pembuktian yang tepat dan benar merupakan salah satu asas penting bagi sistem pentadbiran jenayah, kegagalan untuk menggunakan prinsip undang-undang dan tahap pembuktian yang betul mengakibatkan berlakunya ketidakadilan kepada pihak yang terlibat dalam kes-kes ajaran sesat ini.

Bagi memulakan sesuatu proses penguatkuasaan, perkara pertama yang perlu dilihat adalah bermula kategori kesalahan jenayah syariah yang dilakukan oleh seseorang individu. Bagi kesalahan ajaran sesat, terdapat pelbagai kesalahan yang boleh disabitkan terhadap mereka yang terlibat dengan mana-mana kesalahan di bawah peruntukan AKJSWP, sama ada berkaitan dengan akidah, institusi agama dan penyubahatan. Bagi kesalahan berkaitan dengan akidah: kesalahan yang boleh disabitkan ialah kesalahan di bawah doktrin palsu, pemujaan salah, mengembangkan doktrin agama dan dakwaan palsu.

Manakala, kesalahan yang melibatkan institusi agama boleh disabitkan dengan kesalahan menghina dan menyebabkan Islam dipandang hina, mengajar agama tanpa tauliah, dan mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa.

³ Sulaiman Daud, “Kesalahan Syariah Di Bawah Bidang Kuasa Semasa,” *Jurnal Hukum*, vol. 14, no. 1 (2001), 17.

Manakala bagi kesalahan yang melibatkan pengikut bagi kes ajaran sesat, mereka boleh didakwa dengan pertuduhan penyubahatan. Selain itu, kes-kes ajaran sesat yang dilihat dan dijadikan rujukan adalah adalah kes Abdul Kahar iaitu Rasul Melayu kerana hukuman yang dikenakan ke atas tertuduh adalah antara yang berat.

Di samping itu, hasil dari temu bual yang dijalankan bersama responden, iaitu Mohd Ridzuan Yacob menyatakan bahawa kes-kes ajaran sesat masih lagi di dalam perbicaraan di mahkamah dan segala dokumen-dokumen yang sedang dalam proses perbicaraan di mahkamah tidak dapat dikeluarkan kerana tiada perintah Mahkamah Syariah yang dikeluarkan.⁴

Oleh itu, bagi kes-kes ajaran sesat ini, disabitkan dengan kesalahan ajaran sesat di bahagikan kepada lapan jenis kesalahan sepermulaan berikut:⁵

- i) Doktrin palsu
- ii) Pemujaan salah
- iii) Dakwaan palsu
- iv) Mengembangkan doktrin agama
- v) Mengajar agama tanpa tauliah
- vi) Pendapat yang bertentangan dengan fatwa
- vii) Kesalahan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama
- viii) Kesalahan penyubahatan.

3.1.1 Doktrin Palsu

Peruntukan ini disebut di bawah Bahagian II (Kesalahan-kesalahan jenayah syariah berkaitan dengan akidah). Kesalahan ini merujuk kepada jenayah yang dilakukan oleh seseorang individu atau kumpulan berkaitan dengan apa-apa yang bercanggah dengan

⁴ Mohd Ridzuan Yaacob (Pegawai Kanan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 3 Mac 2016.

⁵ Suhaizad Saifurdin & Jasri Jamal, "Keperluan Memperkasakan Undang-Undang Penguatkuasaan Bagi Kesalahan Berhubung Ajaran Sesat di Negeri Sembilan: Satu Kajian," 133-164.

akidah Islam yang benar berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Selain itu, dilihat dari segi iktikad perbuatan atau percakapan yang berlawanan dan bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam yang sebenar.

Kesalahan berhubung ajaran sesat diperuntukkan di bawah Seksyen 4 AKJSWP, iaitu kesalahan doktrin palsu sepertimana berikut:

- 1) *Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.*
- 2) *Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana dokumen atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucutkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.*

Peruntukan di atas menunjukkan mana-mana bahawa individu yang mengajar atau membawa apa-apa fahaman yang berlawanan dengan hukum syarak dan fatwa yang telah diwartakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dikira melakukan satu kesalahan. Sekiranya mereka disabitkan bersalah, maka akan dihukum dengan hukuman denda tidak melebihi RM5,000.00, penjara tiga tahun dan enam kali sebatan.

Oleh itu, bagi kesalahan melakukan “doktrin palsu”, istilah ini digunakan dalam statut di Wilayah Persekutuan, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Terengganu, Pahang dan Sarawak. Manakala di Perak⁶ istilah yang digunakan ialah “ajaran atau amalan salah”. Selanjutnya bagi Negeri Sembilan⁷ istilah yang digunakan bagi ajaran sesat ialah

⁶ Sek 9, Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992

⁷ Sek 52, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992

“perbuatan atau ajaran salah”. Manakala negeri Melaka⁸ dan negeri Sabah⁹ menggunakan istilah “ajaran salah”.

Merujuk dalam kes Ketua Pendakwa Syarie lawan Abdul Kahar Ahmad¹⁰ iaitu kes tertuduh dikenali sebagai Abdul Kahar Ahmad, yang tinggal di No. 44, Jalan Bunga Ros, Kg. Kemensah, Hulu Kelang, telah dituduh atas lima kesalahan di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, dan salah satu kesalahan yang disabitkan adalah di bawah seksyen 7(1) iaitu kesalahan doktrin palsu.

Seperti dalam kes Abdul Kahar Ahmad; tertuduh telah disabitkan dengan kesalahan ini pada 19/5/2005 dan 2/6/2005, di antara jam lebih kurang 10.30 pagi hingga 11.45 pagi di alamat No.44, Jalan Bunga Ros, Kampung Kemensah, Ulu Klang, Ampang, Daerah Gombak, dalam negeri Selangor didapati mengisyiharkan diri sebagai Rasul Orang Melayu sedangkan pengisyiharan tersebut adalah palsu serta bertentangan dengan ajaran Islam.

3.1.2 Pemujaan Salah

Kesalahan berhubung dengan akidah iaitu apa-apa jenayah yang dilakukan oleh seseorang individu atau kumpulan berkaitan dengan apa-apa yang bercanggah dengan akidah Islam yang benar berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Bagi kesalahan pemujaan salah, AKJSWP memperuntukkan di bawah Seksyen 3 sepetimana berikut:

1) Mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

⁸ Sek 60, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991

⁹ Sek 52, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995

¹⁰ Ketua Pendakwa Syarie lwn Abdul Kahar bin Ahmad (2009) JLD 29 Bhg 1, hlm 87.

Seksyen tersebut menunjukkan sekiranya wujud sebarang pemujaan atau penyembahan pelbagai benda yang wujud di muka bumi seperti benda-benda hidup, tumbuhan dan lain-lain benda yang berlawanan dengan hukum syarak, maka akan dikenakan tindakan undang-undang. Jika disabitkan bersalah ke atas mana-mana individu atau kumpulan, maka akan dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3,000.00 atau penjara tidak lebih tempoh dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Hukuman ini adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah jenayah syariah bagi kesalahan berkaitan dengan pemujaan salah di Selangor¹¹ dan Johor.¹² Manakala Pahang menggunakan istilah penyembahan salah dalam enakmen kesalahan jenayah mereka.

3.1.3 Dakwaan Palsu

Berdasarkan kepada kesalahan ini, AKJSWP ini diperuntukkan di bawah Bahagian II (kesalahan yang berhubungan dengan akidah) seksyen 4, bahagian kesalahan-kesalahan akidah yang memperuntukkan seperti berikut:

Mana-mana orang yang-

- (a) mengisyiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai rasul atau nabi, Imam Mahadi atau wali; atau
- (b) menyatakan atau mendakwa bahawa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia,

Sedangkan perisytiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu dan berlawanan dengan ajaran Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Berdasarkan kepada seksyen ini, seseorang yang mengaku dirinya sebagai Imam Mahdi atau sebagai seorang wali atau seseorang itu mendakwa telah menghadapi satu peristiwa yang luar biasa atau di luar dari kefahaman atau pengetahuan manusia seperti

¹¹ Seksyen 4, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995

¹² Seksyen 3, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997

telah menerima wahyu baru, sedangkan umat Islam telah mengetahui bahawa wahyu terputus selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. sekiranya seseorang itu disabitkan dengan kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM5,000.00, dan penjara selama tempoh tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Ini dapat dilihat dalam kes ini diperuntukkan di bawah pelbagai statut kesalahan jenayah negeri. Dalam kes Abdul Kahar ini, tertuduh disabitkan dengan kesalahan dakwaan palsu¹³ dalam, iaitu tertuduh disabitkan bersalah kerana telah mengisyiharkan dirinya sebagai Rasul bagi masyarakat Melayu, sedangkan pengisyiharan tersebut adalah jelas bertentangan dengan ajaran Islam dan merupakan satu kesalahan jenayah Islam di bawah peruntukan Seksyen 9 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Selangor.

Bagi kesalahan dakwaan palsu yang diperuntukkan di bawah akta ini, terdapat peruntukan di bawah enakmen kesalahan lain seperti di Selangor,¹⁴ Johor,¹⁵ dan Pulau Pinang.¹⁶ Walau bagaimanapun, terdapat beberapa negeri lain yang tidak memperuntukkan kesalahan tersebut seperti di Negeri Sembilan,¹⁷ Melaka¹⁸ dan Sabah.¹⁹

3.1.4 Mengembangkan Doktrin Agama

Kesalahan ini ada diperuntukkan di bahagian II (kesalahan yang berhubungan dengan 'akidah) di bawah AKJSWP tersebut yang dinyatakan di bawah Seksyen 5 seperti beikut:

Mana-mana orang yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

¹³ *Op.cit.* Ketua Pendakwa Syarie lwn Abdul Kahar bin Ahmad (2009) JLD 29 Bhg 1, hlm 93.

¹⁴ Seksyen 8, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

¹⁵ Seksyen 6, Enakmen Jenayah Syariah Johor 1997.

¹⁶ Seksyen 6, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.

¹⁷ Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 .

¹⁸ Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.

¹⁹ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995.

Seksyen di atas menunjukkan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana individu dengan cara mengembangkan apa-apa ideologi dan iktikad yang berlawanan dengan Syarak kepada individu Islam yang lain adalah merupakan satu kesalahan. Jika disabitkan kesalahan tersebut, maka boleh dihukum denda RM3,000.00, penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Ini dapat dilihat dalam kes Millah Abraham²⁰ yang telah disabitkan dengan kesalahan mengembangkan doktrin agama yang berlawanan dengan syarak di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur atas kesalahan mengembangkan ilmu-ilmu agama yang bertentangan dengan Syarak. Dalam kes ini, tertuduh telah didakwa melakukan doktrin berhubung agama Islam dengan mencampuradukkan kefahaman kandungan ayat al-Quran (Surah al-Maidah ayat 3) dengan Bible yang dirujuk sebagai al Kitab.

Bagi kesalahan mengembangkan doktrin agama yang diperuntukkan di bawah akta ini, terdapat juga peruntukan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri lain seperti di negeri Negeri Sembilan,²¹ Perak,²² dan Terengganu.²³ Walau bagaimanapun, terdapat juga negeri yang tidak memperuntukkan seksyen kesalahan ini, seperti di negeri Perlis.

3.1.5 Mengajar Agama Tanpa Tauliah

Kesalahan seterusnya adalah kesalahan yang berhubung kait dengan institusi Islam di Malaysia seperti Jabatan Mufti, Jabatan Agama Islam negeri-negeri di Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Mahkamah Syariah di negeri-negeri dan sebagainya, iaitu kesalahan mengajar agama tanpa tauliah. Berikut adalah kesalahan melibatkan institusi

²⁰ Siti Azielah Wahi, “58 Didakwa Terlibat Ajaran Millah Abraham” dicapai pada 21/2/2016 <http://www.sinarharian.com.my/semasa/58-didakwa-terlibat-ajaran-millah-abraham-1.480918>

²¹ Seksyen 52, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004,

²² Seksyen 10, Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992.

²³ Seksyen 4, Enakmen Jenayah Syariah (takzir) Terengganu 2001.

iaitu kesalahan di bawah bahagian III (kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya) di bawah seksyen 11 dalam AKJSWP menyatakan bahawa:-

- (1) *Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 96 Akta Pentadbiran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.*
- (2) *Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi-*
 - (a) *mana-mana orang atau golongan orang yang dikecualikan oleh Majlis di bawah seksyen 98 Akta Pentadbiran; atau*
 - (b) *mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam kediamannya sendiri kepada anggota keluarganya sahaja.*

Berdasarkan peruntukan di atas menunjukkan bahawa mana-mana individu yang menjalankan aktiviti pengajaran di tempat awam tanpa mendapatkan mendapat kelulusan daripada pihak majlis dianggap sebagai melakukan satu kesalahan di bawah seksyen ini iaitu jika disabitkan bersalah akan dihukum denda tidak melebihi RM5,000.00, penjara tidak melebihi tempoh tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Maksud mengajar di sini termasuklah menyampaikan ceramah, tazkirah, atau perkara-perkara yang berhubungan dengan pengetahuan ilmu agama Islam dari segala aspek disiplin ilmu agama.²⁴

Merujuk kepada kes bagi kesalahan ini, *Fathul Bari Mat Jahya & Anor V. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Ors.*²⁵ Dalam kes ini, tertuduh disabitkan dengan kesalahan kerana mengadakan satu ceramah tanpa tauliah. YA Ariffin Hakim Mahkamah Persekutuan Putrajaya menyatakan dalam hujahnya yang menolak permohonan pemohon seperti berikut:

²⁴ Kaedah 2, Kaedah-kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (tauliah Mengajar Agama Islam) 2006.

²⁵ Fathul Bari Mat Jahya & Anor lwn. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Ors [2012] CLJ JT(2)

“....Perintah atau arahan sedemikian bukan hanya dibuat bagi membendung ajaran sesat, tetapi juga untuk menjaga keamanan awam dan menghalang perpecahan dalam masyarakat.”

Bagi kesalahan mengajar agama tanpa tauliah yang diperuntukkan di bawah akta ini, terdapat peruntukan yang sama di bawah negeri-negeri lain seperti di Selangor,²⁶ Negeri Sembilan,²⁷ dan Pulau Pinang,²⁸ kecuali di Pahang dan Perak.

3.1.6 Pendapat yang bertentangan dengan fatwa

Peruntukan kesalahan ini diperuntukkan di bawah bahagian III (kesalahan yang berhubung kesucian agama Islam dan institusinya) ini adalah berkaitan dengan kesucian Islam dan institusinya. Kesalahan ini diperuntukkan di bawah seksyen 12 AKJSWP seperti berikut:

“Mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang ajaran Islam, Hukum Syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”

Berdasarkan kepada peruntukan di atas, jelaslah bahawa mana-mana kumpulan atau individu yang melakukan sesuatu perbuatan atau amalan yang berlawanan dengan peruntukan di bawah seksyen 39 APUIWP adalah menjadi suatu kesalahan, iaitu berkenaan dengan apa-apa yang berkaitan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh seorang Mufti Wilayah Persekutuan dan telah diwartakan. Jika didapati bersalah, maka hukuman yang akan dikenakan ialah denda tidak melebihi RM3,000.00, atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-dua sekali.

Dalam kes Abdul Kahar Ahmad,²⁹ tertuduh disabitkan kesalahan mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa kerana mengaku dirinya sebagai Rasul Melayu

²⁶ Seksyen 14, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995.

²⁷ Seksyen 53, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004.

²⁸ Seksyen 11, Enakmen Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996.

(utusan Allah) yang diutuskan Allah SWT kepadanya sebagai rasul bagi masyarakat Melayu. Beliau juga menyatakan bahawa sembahyang lima waktu adalah tidak wajib, memadai hanya dengan melakukan perkara baik dan menjauhi perkara mungkar. Beliau juga mendakwa bahawa ibadah haji tidak perlu ditunaikan di Mekah dan boleh ditunaikan di mana-mana sahaja di muka bumi ini.

Tertuduh turut disabitkan dengan kesalahan memberi fatwa yang bertentangan dengan fatwa yang telah dikeluarkan dan diwartakan pada 23 Mei 1991 oleh majlis fatwa. Hakim memerintahkan hukuman didenda sebanyak RM3,000.00, dan penjara selama tempoh dua tahun selepas disabitkan bersalah. Sekiranya tertuduh gagal menyelesaikan denda tersebut, hendaklah dipenjara selama tempoh enam bulan.

Bagi kesalahan mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa, kesalahan ini turut diperuntukkan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah lain seperti di negeri Selangor³⁰, Negeri Sembilan³¹ dan Pulau Pinang.³² Tetapi terdapat juga negeri yang tidak memperuntukkan seksyen kesalahan ini seperti di negeri Pahang dan Kelantan.

3.1.7 Kesalahan Menghina Atau Mengingkari Pihak Berkuasa Agama

AKJSWP memperuntukkan kesalahan ini di bawah seksyen 9 seperti berikut:

Seksyen 9. Menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama.

Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

²⁹ Op.cit. Ketua Pendakwa Syarie Iwn Abdul Kahar bin Ahmad (2009) JLD 29 Bhg 1. hlm 88.

³⁰ Seksyen 14, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995.

³¹ Seksyen 53, Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004.

³² Seksyen 11, Enakmen Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996.

Peruntukan di atas menunjukkan mana-mana individu yang melakukan apa-apa perbuatan yang boleh membawa kepada mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau yang telah dikeluarkan oleh Yang Di Pertuan Agong, atau pihak majlis, atau pihak mufti, jika disabitkan bersalah akan dihukum dengan hukuman denda tidak melebihi RM3,000.00, atau dipenjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-dua sekali.

Hal ini dapat dilihat menerusi kes Abdul Kahar³³ yang dituduh dan disabitkan dengan kesalahan pendapat yang bertentangan dengan fatwa no kes: 10200-109- 0044/2005, iaitu tertuduh didapati mengingkari dan melanggar mufti yang mana telah difatwa sebagai menyeleweng dari ajaran Islam bertarikh 23 Mei 1991 dan telah diwartakan oleh jabatan ini di bawah no: PU. Sel 2/1991 bertarikh 29 Ogos 1991. Oleh itu, jika mana-mana individu didapati bersalah bagi kesalahan ini, maka hakim akan mensabitkan hukuman denda RM3,000, dan penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan pendapat yang bertentangan dengan fatwa yang diperuntukkan di bawah akta ini, diperuntukkan juga di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah lain seperti di Johor³⁴, Melaka³⁵ dan Pulau Pinang.³⁶ Walau bagaimanapun, terdapat juga negeri yang tidak memperuntukkan seksyen kesalahan ini, seperti di negeri Pahang dan Kelantan.

3.1.8 Kesalahan Penyubahan

Kesalahan penyubahan ini dikenakan kepada mana-mana individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terhadap mana-mana kesalahan jenayah syariah yang dilakukan. Oleh itu, bagi kesalahan ajaran sesat, kesalahan ini disabitkan kepada individu yang telah menganjurkan apa-apa aktiviti yang melibatkan penyebaran ajaran sesat seperti penyampaian kuliah, seminar atau mengadakan kelas-kelas persendirian. Mereka yang

³³ *Op.cit.* Ketua Pendakwa Syarie Iwn Abdul Kahar bin Ahmad (2009) JLD 29 Bhg 1. hlm 88.

³⁴ Seksyen 9, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997.

³⁵ Seksyen 64, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.

³⁶ Seksyen 9, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.

boleh disabitkan dengan kesalahan ini adalah dari kalangan mereka yang menjadi pengajur, petugas atau peserta. Jika disabitkan bersalah, tertuduh akan disabitkan kesalahan di bawah seksyen 43 AKJSWP bagi kes penyubahatan seperti berikut:

Seksyen 43. Penyubahatan.

Seseorang menyubahati pelakuan sesuatu perkara jika dia-

- (a) *Menghasut mana-mana orang supaya melakukan perkara itu;*
- (b) *Mengambil bahagian bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lain dalam apa-apa pakatan jahat untuk melakukan perkara itu, jika sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang berlaku ekoran daripada pakatan jahat itu, dan dengan tujuan hendak melakukan perkara itu; atau*
- (c) *Dengan sengaja membantu, dengan apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang, pelakuan perkara itu.*

Huraian 1- Seseorang yang, dengan penyataan salah sengaja, atau penyembunyian sengaja suatu fakta material yang dia terikat mendedahkannya, dengan sengaja menyebabkan atau mendapatkan, atau cuba untuk menyebabkan atau mendapatkan, supaya sesuatu perkara dilakukan adalah dikatakan menghasut supaya perkara itu dilakukan.

Huraian 2- Mana-mana orang, sama ada sebelum atau pada masa pelakuan sesuatu perbuatan, melakukan apa-apa juga dengan tujuan memudahkan pelakuan perbuatan itu, dan dengan itu memudahkan pelakuan itu, adalah dikatakan membantu dalam melakukan perbuatan itu.

Seterusnya dalam senarai peruntukan berkaitan dengan akidah, kesalahan jenayah yang melibatkan akidah di atas menunjukkan kesalahan-kesalahan yang boleh ditangkap. Ia turut melibatkan sebahagian peruntukan dalam kategori kesalahan-kesalahan berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya seperti kesalahan i, ii, iii, v, vi, vii, dan viii. Walau bagaimanapun, bagi membendung kegiatan ajaran sesat ini, terdapat juga peruntukan yang berkaitan melibatkan sebahagian peruntukan yang berhubung dengan akidah, contohnya kesalahan penyubahatan.

Dalam kes Millah Ibrahim, terdapat sebahagian tertuduh daripada kumpulan tersebut disabitkan bersubahat kerana menyertai program tersebut yang dianjurkan oleh Millah Abraham pada 2 Februari 2016 yang lalu. Jika disabitkan dengan kesalahan ini, tertuduh

boleh disabitkan dengan hukuman penjara selama tempoh 18 bulan atau denda RM5,000.00 atau enam kali sebatan.³⁷

Oleh itu, seksyen kesalahan yang disabitkan ialah di bawah kesalahan doktin palsu yang paling hampir dengan kesalahan ajaran sesat.³⁸ Penulis tidak menerangkan secara mendalam berkenaan peruntukan undang-undang bagi kesalahan jenayah syariah bagi ajaran sesat dalam statut negeri-negeri kerana fokus utama kajian penulis adalah cabaran utama dalam pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di JAWI.

Setelah memahami peruntukan sedia ada bagi kesalahan ajaran sesat ini, penulis akan menerangkan berkenaan operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh PPA berpandukan kepada Akta Tatacara Penguatkuasaan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (disebut sebagai ATJSWP) dan Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 (garis panduan penguatkuasaan undang-undang Jenayah Syariah) (disebut sebagai ATP) untuk memberikan kefahaman dan panduan tambahan kepada PPA sepertimana yang dinyatakan dalam ATP di bawah Perkara 2, ATP, yang menyebut arahan ini hendaklah terpakai kepada semua PPA dalam melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang Islam yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri.

3.2 GERAK KERJA PENGUATKUASAAN KES AJARAN SESAT DI JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (JAWI)

PPA merupakan pegawai yang dilantik dari kalangan anggota perkhidmatan awam am persekutuan. Pelantikan ini dibuat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan berdasarkan kepada peruntukan di bawah Seksyen 58 (4) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (selepas ini disebut APUIWP)

³⁷ Haiza Hassan, “Pengikut Millah Ibrahim ditahan” dicapai 6/3/2016, <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/millah-ibrahim-ddakwa 1.186390#sthash.scmWdj3D.dpuf>

³⁸ Suhaizad Saifurdin & Jasri Jamal, “Keperluan Memperkasakan Undang-Undang Penguatkuasaan bagi Kesalahan Berhubung Ajaran Sesat Di Negeri Sembilan: Satu Kajian,” 133-164.

Pegawai Penguatkuasa Agama ditempatkan di Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan dalam carta organisasi (JAWI)³⁹ yang memiliki beberapa unit yang akan diterangkan pada bab seterusnya.


Tanggungjawab yang diberikan kepada PPA berdasarkan kepada APUIW ini adalah untuk menjalankan tugas penyiasatan yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan syariah yang dinyatakan di dalam akta tersebut dan juga kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain mengenai kesalahan terhadap perintah agama Islam, termasuklah kesalahan berkaitan dengan AKJSWP dan Akta Keluarga Islam 1984.⁴⁰

Justeru, setiap pegawai PPA perlu mempunyai, pengetahuan yang luas berkenaan prosedur penguatkuasaan yang terdapat dalam ATJSWPWP yang diharmonikan dan ATP yang bertujuan untuk memudahkan kefahaman PPA dan melancarkan perjalanan penguatkuasaan bagi kes-kes ajaran sesat. Oleh itu, Bagi kesalahan ini, kebanyakan seksyen kesalahan yang disabitkan adalah berkait dengan kesalahan boleh tangkap. Maka carta aliran kerja bahagian penguatkuasaan ini akan menfokuskan kepada kesalahan-kesalahan boleh tangkap.

Carta 3.1: Aliran Kerja Bahagian Penguatkuasaan

³⁹ Shamrahayu A. Aziz, “Kuasa Penguatkuasa Agama,” dalam *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*, ed. Nasimah Hussin (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 245-256.

⁴⁰ Shamrahayu A. Aziz, “Kuasa Penguatkuasa Agama,” 245-256.



Sumber: Dari laman web Jabatan Penguatkuasaan JAWI.

Carta aliran kerja di atas adalah berkenaan penguatkuasaan bagi kes-kes jenayah syariah. Kesalahan ajaran sesat adalah tersenarai di bawah kesalahan-kesalahan boleh tangkap. Maka, carta aliran kedua bagi kesalahan-kesalahan boleh tangkap dengan syarat telah mendapat arahan daripada Ketua Penguatkuasa Agama. Seterusnya, proses penguatkuasaan kes-kes jenayah syariah di Kuala Lumpur bermula dari menerima maklumat, kemudian tindakan penguatkuasa agama mengadakan risikan, menangkap dan membuat siasatan terhadap diri. Berikut adalah operasi yang dijalankan oleh PPA dalam menjalankan operasi penguatkuasaan kes ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

3.2.1 Menerima Maklumat

Merujuk kepada peruntukan di bawah Seksyen 9 ATJSWPWP:

“Tiap-tiap orang yang mengetahui perlakuan atau niat mana-mana orang lain untuk melakukan apa-apa kesalahan hendaklah dengan serta merta memberikan maklumat kepada PPA atau pegawai polis yang terdekat tentang perlakuan atau niat itu”.

Dari tafsiran seksyen tersebut menyatakan bahawa mana-mana orang yang mengetahui perlakuan atau perbuatan atau niat sama ada kesalahan jenayah syariah telah dilakukan atau dalam perancangan untuk melakukan apa-apa jenayah boleh memberikan maklumat kepada pihak penguatkuasa agama pada bila-bila masa dengan kadar segera.

Seterusnya, aduan atau maklumat orang awam kepada pihak penguatkuasa agama boleh membuat aduan secara bertulis atau lisan dengan dua cara, iaitu:

- i. Pengadu boleh hadir sendiri ke Bahagian Penguatkuasaan JAWI dan pegawai yang bertugas di bahagian tersebut meminta pengadu mengisi borang 5 yang disediakan di kaunter.
- ii. Pengadu juga boleh membuat aduan menerusi panggilan telefon (03-22749333), hotline penguatkuasaan (1-800-88-1771), sistem pesanan ringkas (SMS) (15888), surat, emel, faksimili, laporan polis atau seumpamanya di mana aduan tersebut akan diubah dalam bentuk tulisan dalam borang 5 dengan mencatatkan nama pengadu, tarikh dan masa aduan tersebut di terima aduan dari pengadu akan dikepilkhan bersama borang 5 yang telah ditandatangani oleh pihak penguatkuasa agama (PPA) sebagai pemberi maklumat dan seorang PPA lain sebagai penerima maklumat.

Di samping itu, pengadu yang memberikan maklumat kepada PPA akan dirahsiakan identitinya dan tidak boleh didedahkan kepada umum sama ada secara langsung atau tidak langsung. Maklumat yang diperolehi daripada pengadu tersebut akan diambil sekiranya diminta oleh pegawai-pegawai yang berautoriti dan diberikan kuasa seperti penguatkuasa

agama, pendakwa syarie atau hakim yang hendak mendapatkan maklumat lanjut atau bukti tambahan jika perlu terhadap sesuatu kes yang sedang dibicarakan.

Selanjutnya, Perkara 4 ATP memperuntukkan bahawa sekiranya PPA menerima maklumat dari individu tertentu, maka pengadu boleh menggunakan pelbagai kaedah terkini seperti hadir sendiri ke kaunter, panggilan telefon atau emel. Sekiranya PPA sendiri telah membuat aduan apa-apa kesalahan jenayah syariah, maka PPA tersebut boleh membuat aduan secara bertulis di kaunter bahagian penguatkuasaan.

3.2.2 Tindakan PPA selepas menerima aduan

Tindakan penguatkuasaan pihak penguatkuasa agama akan bermula apabila menerima aduan dari orang awam terhadap kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang melibatkan kesalahan-kesalahan boleh tangkap dan kes ajaran sesat merupakan salah satu kesalahan jenayah syariah yang boleh ditangkap. Tindakan yang dilakukan boleh dibahagikan kepada tiga kategori:

- i. Pengadu hadir sendiri ke bahagian penguatkuasaan JAWI dan memberi maklumat atau aduan kepada PPA perlulah mengubah aduan tersebut bertulis dan dibaca kepada pihak pengadu. Kemudian pengadu akan diberi peluang untuk menambah, memperbetulkan atau meminda apa-apa aduan yang diberikan pada peringkat awal melalui lisan. Sekiranya aduan tersebut perlu dipinda, maka pihak pengadu dan penguatkuasa agama hendaklah menandatangani aduan atau maklumat pada borang aduan tersebut.
- ii. Pihak pengadu menggunakan medium atau alat telekomunikasi seperti telefon atau hotline penguatkuasaan, PPA akan mengubah aduan atau maklumat yang diterima dalam bentuk penulisan rasmi dan mencatatkan tarikh dan masa maklumat itu

diterima dalam borang 5 (borang aduan) (dalam lampiran D) dan menandatangani borang tersebut sebagai pemberi maklumat dan borang tersebut akan ditandatangani oleh penguatkuasa agama dan;

- iii. Jika aduan atau maklumat diterima secara lisan atau bertulis melalui sms, surat, emel, faksimili, laporan polis atau seumpamanya, maka PPA hendaklah mendapatkan maklumat diri pengadu atau pemberi maklumat dan termasuk nombor telefon atau nombor yang boleh dihubungi oleh pengawai penguatkuasa agama dan mendapatkan butir-butir berikut daripada pengadu seperti berikut:
 - i. Alamat atau lokasi kejadian atau tempat disyaki atau apa-apa petunjuk yang membolehkan lokasi itu dikenal pasti;
 - ii. Perihal aduan atau maklumat;
 - iii. Identiti orang yang disyaki (OYDS); dan
 - iv. Apa-apa maklumat lain yang boleh menyokong aduan atau maklumat bertulis.

Semua maklumat yang diterima sama ada secara lisan atau bertulis akan didaftarkan di dalam buku daftar maklumat dan akan diberikan nombor pendaftaran atau rujukan fail.

Berdasarkan kepada temu bual bersama Cik Ruslida Rusli,⁴¹ kebanyakan kes termasuk yang diterima adalah daripada pengadu hadir sendiri ke kaunter penguatkuasaan JAWI. Sekiranya aduan diterima melalui panggilan telefon, pegawai penguatkuasa agama akan memohon pihak pengadu supaya hadir ke kaunter untuk membuat pengesahan. Ini menunjukkan bahawa bahagian penguatkuasaan JAWI memberi kaedah aduan yang luas untuk membuat aduan kes-kes jenayah syariah, terutamanya bagi kes ajaran sesat.

⁴¹ Ruslida Rusli (Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis melalui panggilan telefon pada 13 Februari 2017.

3.2.3 Risikan Terhadap Kesalahan Ajaran Sesat

Risikan merupakan tindakan awal yang dilakukan oleh PPA sebelum menjalankan siasatan lanjut terhadap sesuatu tempat atau individu. Prosedur risikan ini menggunakan pelbagai kaedah, sama ada melalui penyamaran sebagai ahli kumpulan bagi sesuatu ajaran sesat, dan ada juga pegawai sendiri yang membuat intipan di kawasan yang disyaki dengan arahan ketua operasi.

Tempoh untuk menjalankan penguatkuasaan bagi kes ajaran sesat ini ditetapkan oleh Ketua Operasi. Mereka akan membawa bersama, jurulukis plan kawasan, jurukamera, dan buku laporan harian. Tujuan utama risikan dijalankan adalah untuk mengkaji situasi sebenar keadaan kawasan yang disyaki, sama ada dari segi kedudukan, tempat, individu yang terlibat, serta mencari strategi untuk menjalankan siasatan lanjut dan kaedah membuat tangkapan terbaik terhadap individu yang turut sama terlibat di dalam kes ajaran sesat ini.

Oleh itu, antara tujuan penting proses risikan adalah untuk melihat sama ada individu yang terlibat dengan ajaran sesat ini memiliki apa-apa senjata yang merbahaya, seperti senjata api, pisau atau pelbagai alat yang boleh membawa kepada kemudaratkan kepada pegawai yang terlibat dalam siasatan yang akan dijalankan.

3.2.4 Siasatan terhadap kesalahan ajaran sesat

Siasatan bagi kes ajaran sesat adalah bertujuan untuk menjalankan proses penyelidikan, memeriksa atau mencari keterangan yang berkait dengan sesuatu maklumat atau aduan yang telah dibuat oleh seseorang individu.

Oleh itu, merujuk kepada Carta 3.1, selepas menerima maklumat daripada pengadu, prosedur selanjutnya ialah mengadakan siasatan terhadap tempat atau individu yang terlibat dengan kesalahan ajaran sesat. PPA akan membuka kertas siasatan untuk membuat siasatan

kes yang telah diadukan. Oleh itu, bagi kesalahan ajaran sesat, boleh dikategorikan sebagai kes-kes yang lazim tangkap.

Menurut Cik Ruslida Rusli⁴², siasatan bagi sesuatu kes akan bermula dengan menghantar pegawai risikan JAWI ke tempat yang disyaki. Pegawai ini akan dibantu oleh jurugambar dan pencatat untuk memastikan kejelasan struktur premis, iaitu sama ada, sesuai untuk diberkas ataupun sebaliknya. Tugasnya adalah dengan memberikan gambaran awal tentang keadaan dan jumlah individu yang disyaki. Tatacara ini adalah berdasarkan kepada Perkara 5 ATP yang menjelaskan bagi tujuan awal siasatan, langkah-langkah yang menyatakan bahawa memberi tanggungjawab khusus kepada pegawai tertentu untuk mengendalikan peralatan tersebut semasa tindakan sedang dijalankan di premis atau tempat yang disyaki bagi kes ajaran sesat.

3.2.5 Penggeledahan

Selain itu, dalam tempoh siasatan kes lazim tangkap atau tidak lazim tangkap, PPA akan berusaha untuk mengumpulkan pelbagai jenis bukti untuk dijadikan keterangan dengan menggunakan pelbagai kaedah serta prosedur yang telah dibenarkan oleh undang-undang. Pengeledahan adalah merupakan salah satu cara untuk mengumpul serta mendapatkan keterangan sama ada dalam bentuk barang kes mahupun dokumen.⁴³

Justeru, terdapat dua jenis penggeledahan yang lazim dilakukan iaitu; penggeledahan ke atas premis/tempat kejadian serta penggeledahan atau pemeriksaan ke atas tubuh badan. Dalam kes-kes lazim tangkap contohnya, dalam kes-kes ajaran sesat, Seksyen 63 ATJSWP memberi bidangkuasa kepada pegawai penguatkuasa untuk melakukan penggeledahan ke

⁴² Ruslida Rusli (Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Februari 2016.

⁴³ Ahmad ‘Azam Mohd Shariff dan Mazupi Abdul Rahman, “Siasatan Kes Jenayah di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997,” 1-18.

atas premis atau tempat kejadian untuk mendapatkan barang kes ataupun bukti dalam bentuk dokumen tanpa perlu mendapatkan waran geledah.⁴⁴

Sebaik sahaja waran geledah diperolehi, Seksyen 46, ATJSWP seterusnya memberi bidangkuasa kepada PPA untuk memasuki sesuatu premis atau tempat itu dengan apa-apa cara, menggeledah, menyita apa-apa barang kes atau dokumen yang boleh dijadikan keterangan serta membawanya kembali ke hadapan hakim agar tindakan selanjutnya dapat diambil. Penghuni premis tempat yang digeledah itu atau wakilnya perlu hadir ketika penggeledahan dibuat.⁴⁵

Seterusnya, merujuk Seksyen 49⁴⁶, ATJSWP menyatakan bahawa mana-mana individu yang tinggal di premis tersebut hendaklah membenarkan premisnya dimasuki untuk tujuan penggeledahan, tetapi sekiranya kebenaran tidak diberikan, PPA berhak untuk memecah masuk melalui apa-apa ruang atau cara untuk melaksanakan penggeledahan tersebut.

Seterusnya pada Seksyen 52 ATJSWP menyatakan bahawa PPA dikehendaki untuk menyediakan suatu senarai barang-barang yang disita olehnya semasa penggeledahan tersebut serta ditandatangani olehnya iaitu penguatkuasa agama yang menjalankan penggeledahan tersebut, kemudiannya menyerahkan satu salinan senarai tersebut kepada penghuni premis atas permintaannya.

Di samping itu, penggeledahan juga boleh dilakukan ke atas tubuh badan seseorang suspek atau saksi. Keadaan ini ada dinyatakan dalam Seksyen 12, 14(2), 15 dan 16 ATJSWP. Penggeledahan terhadap premis yang dijalankan adalah bertujuan untuk

⁴⁴ Ahmad 'Azam Mohd Shariff dan Mazupi Abdul Rahman, "Siasatan Kes Jenayah di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997," 1-18.

⁴⁵ Ahmad 'Azam Mohd Shariff dan Mazupi Abdul Rahman, "Siasatan Kes Jenayah di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997," 10.

⁴⁶ Seksyen 49, Orang yang menjaga tempat tertutup hendaklah membenarkan penggeledahan.

menangkap suspek ataupun mencari orang yang telah ikut serta dalam satu-satu ajaran sesat yang diikut, ini dapat dilihat dalam Seksyen 59(1) (2) dan (3) ATJSWP seperti berikut:

- (1) *Seorang PPA yang membuat sesuatu penyiasatan di bawah bab ini (pemeriksaan saksi) boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang disangka mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.*
- (2) *Orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab segala yang berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai itu,*
- (3) *Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen (pemeriksaan saksi) ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat pada keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan.*

Peruntukan di atas menunjukkan apabila PPA menjalankan siasatan bagi sesuatu kes jenayah syariah, maka PPA boleh melakukan pemeriksaan secara lisan terhadap mana-mana saksi yang mengetahui fakta mengenai kes ajaran sesat. Selanjutnya, PPA hendaklah menulis fakta yang diperolehi tersebut dalam bentuk bertulis di buku rekod.

3.2.6 Temu bual oleh saksi

Kaedah lain yang dilakukan oleh pihak penguatkuasa agama dalam menjalankan siasatan kes ajaran sesat adalah dengan mendapatkan maklumat menerusi temu bual terhadap saksi-saksi yang mempunyai maklumat mengenai kes ajaran sesat ini.

Merujuk kepada Seksyen 58(1) ATJSWP menyatakan bahawa kuasa PPA umtuk menghendaki kehadiran mana-mana saksi yang mengetahui apa-apa fakta mengenai kes yang sedang disiasat. Berdasarkan seksyen ini, dapat dilihat bahawa seorang PPA tidak dapat tidak perlu memastikan kehadiran saksi-saksi bagi kes yang sedang disiasat termasuklah kesalahan yang melibatkan kes ajaran sesat. Seterusnya, seksyen 59 ATJSWP

menyatakan bahawa seorang PPA diberi kuasa mutlak untuk memeriksa keterangan seseorang saksi itu secara bertulis serta mengubahkannya dalam bentuk tulisan.

3.2.7 Tangkapan oleh tertuduh atau mana-mana suspek yang terlibat dalam kes ajaran sesat

Selain itu, semasa proses siasatan PPA juga berkemungkinan terpaksa melakukan tangkapan ke atas mana-mana suspek. Dalam kes ajaran sesat, iaitu salah satu kesalahan boleh tangkap, Seksyen 18 ATJSWP menyatakan bahawa pihak PPA diberi kuasa untuk membuat tangkapan tanpa waran.

Manakala Seksyen 10 ATJSWP memperuntukkan bahawa dalam melakukan sesuatu tangkapan ke atas tertuduh. PPA hendaklah menyentuh atau mengurung tubuh badan orang itu kecuali sekiranya tertuduh itu menyerah diri. Dalam masa yang sama, PPA adalah dilarang untuk mengenakan sekatan yang lebih daripada yang perlu. Sungguh pun begitu, PPA masih lagi boleh menggunakan kekerasan untuk melepaskan diri dari tindakan agresif individu-invidu yang terlibat dengan ajaran sesat.⁴⁷

Seterusnya, Seksyen 11 ATJSWP memperuntukkan bahawa pihak PPA mempunyai kuasa untuk memecah masuk serta menggeledah mana-mana premis untuk menangkap tertuduh. Seksyen 15 ATJSWP memberikan kuasa kepada PPA untuk memeriksa tertuduh yang ditangkap serta menyita apa-apa barang yang ada pada tubuh badannya, manakala Seksyen 16 ATJSWP pula memberi mereka kuasa untuk menyita apa-apa senjata yang berbahaya yang dijumpai pada tubuh badan tertuduh.

Seterusnya, seksyen 62 ATJSWP kemudiannya memberikan kuasa kepada PPA untuk merekodkan keterangan tertuduh. Seksyen 64 ATJSWP seterusnya memberikan kuasa kepada PPA untuk menghendaki bon kehadiran pengadu atau saksi. Seksyen 65 ATJSWP

⁴⁷ *Ibid.* hlm. 11.

pula menghendaki PPA menyediakan buku harian penyiasatan, manakala Seksyen 66 ATJSWP akhirnya memperuntukkan penyediaan satu laporan siasat lengkap untuk dikemukakan kepada ketua pegawai penguatkuasa agama.

Hasil daripada pencerahan isu penguatkuasaan ini menunjukkan bahawa kesemua kuasa siasatan yang diberikan oleh ATJSWP kepada PPA adalah untuk mendapatkan keterangan bagi menegakkan keadilan semua pihak. Malah, kesemua prosedur siasatan di bawah akta ini adalah selari dengan prinsip-prinsip umum siasatan menurut undang-undang Islam.

3.3 TATACARA PENGUATKUASAAN KES AJARAN SESAT

Ruang lingkup bidang kuasa Pegawai Penguat Kuasa Agama ialah penyiasatan di tempat kejadian, memanggil, menyoal siasat dan mengambil keterangan saksi. Tugas beliau yang lain ialah menahan suspek yang disyaki atau individu yang mempunyai maklumat berkenaan kes, menggeledah tempat, menyita barang atau peralatan yang dipercayai digunakan dalam perlakuan jenayah. Semua skop tugasan ini ada dinyatakan di bawah peruntukan ATJSWP.

Berdasarkan kepada kes-kes yang telah diputuskan bagi kes ajaran sesat, dapat dilihat bahawa sabitan yang dikenakan ke atas mana-mana individu atau kumpulan adalah dikategorikan di bawah kesalahan-kesalahan boleh tangkap. ATP menyatakan bahawa kesalahan boleh tangkap merupakan sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan mana-mana kesalahan yang terdapat dalam akta atau enakmen jenayah syariah yang disabitkan hukuman penjara selama tempoh satu tahun atau lebih yang kebiasaannya PPA atau polis boleh menangkap tanpa waran. Justeru, semua prosedur yang dikuatkuasakan tertakluk atau merangkumi semua bentuk kesalahan-kesalahan boleh tangkap.

3.3.1 Siasatan dan Tindakan Awal Siasat

Sesuatu siasatan akan bermula apabila pengadu membuat aduan kepada PPA. Seksyen 54(1)⁴⁸ ATJSWP menggariskan bahawa maklumat awal mengenai sesuatu kesalahan jenayah syariah itu perlu diturunkan dalam bentuk tulisan, sama ada oleh pengadu sendiri atau oleh PPA yang kepada pengadu tersebut dibuat dan dibacakan semula kepada pengadu tersebut dan seterusnya ditandatangani oleh pihak pengadu atau PPA. Kemudian, PPA akan menjeniskan kesalahan yang diadukan itu sama ada sebagai kes lazim tangkap atau kes tidak lazim tangkap. Oleh itu bagi kesalahan ajaran sesat, kesalahan ini dikategorikan sebagai kesalahan lazim tangkap. Hal ini ada dinyatakan dalam Perkara 57(1) ATJSWP yang memperuntukkan bahawa:

“57(1) Jika daripada maklumat yang diterima atau selainnya seseorang PPA mempunyai sebab untuk mengesyaki pelakuan sesuatu kesalahan boleh tangkap maka dia hendaklah, melainkan jika kesalahan tu adalah daripada jenis yang telah diarahkan oleh Ketua Pendakwa Syarie tidak perlu dilaporkan kepadanya, dengan serta merta menghantar suatu laporan mengenai maklumat itu kepada Ketua Pendakwa Syarie, dan hendaklah pergi sendiri atau hendaklah mempertanggungjawabkan seorang dari pegawai bawahannya pergi ke tempat kesalahan itu,”

Hal ini juga selari dengan Perkara 6(c), ATP memperuntukkan bahawa bagi menjalankan tindakan awal siasatan, Ketua Operasi yang dilantik perlulah memberikan tugas khusus kepada peralatan tersebut semasa tindakan penguatkuasaan yang akan dijalankan.

Seterusnya, Ketua Operasi dikehendaki untuk memberikan taklimat operasi penguatkuasaan yang akan dijalankan terhadap kumpulan operasi supaya perjalanan kes

⁴⁸ Perkara 54(1) ATJS memperuntukkan bahawa tiap-tiap maklumat berhubungan dengan pelakuan sesuatu kesalahan, jika diberikan secara lisan kepada PPA, hendaklah diubah dalam bentuk bertulis olehnya atau di bawah arahannya dan hendaklah dibacakan kepada pemberi maklumat itu.

berjalan dengan lancar. Tatacara taklumat yang diperuntukkan dalam arahan tersebut ialah:⁴⁹

- i. Memberi taklimat berkenaan dengan masa dan tempat yang sesuai
- ii. Ketua Operasi hendaklah menerangkan tujuan operasi serta pelan lokasi kepada PPA yang terlibat.
- iii. Ketua Operasi perlu menentukan tugas pegawai operasi yang bersesuaian
- iv. Tindakan pegawai operasi hendaklah didengar dengan jelas dan faham dengan taklimat yang diberikan oleh Ketua Operasi.
- v. Sekiranya sesuatu operasi itu yang dijalankan dengan bantuan agensi pegawai keselamatan lain. Maka pegawai-pegawai tersebut perlulah diberikan taklimat dan kefahaman yang jelas berkenaan dengan operasi yang akan dijalankan.
- vi. Jika perlu, Ketua Operasi boleh mengarahkan suatu kumpulan Pegawai Operasi untuk berada di dalam premis dalam masa yang munasabah bagi tujuan pemerhatian dan pengecaman identiti OYDS (Orang Yang Disyakki) sebelum tindakan selanjutnya diambil.

Apabila sesuatu maklumat dan aduan diterima mengenai sesuatu perbuatan jenayah, maka lawatan ke tempat kejadian akan dilakukan oleh pegawai. Dalam hal ini, pegawai penyiasat akan mengambil perkara-perkara berikut:

- a) Secara spontan mendapatkan penerangan dan maklumat terperinci sebanyak yang mungkin tentang kejadian jenayah tersebut.

⁴⁹ Perkara 6 ATP.

b) Membuat penilaian tentang laporan tersebut berdasarkan kepada latar belakang maklumat tempat kejadian untuk mengenal pasti dan memutuskan:⁵⁰

- I. Apakah kesalahan tersebut.
- II. Apakah tindakan segera yang perlu dilaksanakan, sama ada meminta bantuan unit penguatkuasa yang lain, memaklumkan kepada penduduk di sekitar tempat kejadian, menjalankan pemeriksaan (road block), menghantar kereta penguatkuasa untuk menutup jalan keluar dan sebagainya.
- III. Apakah sumber-sumber “*man power*” yang perlu menyiasat di tempat kejadian?
- IV. Apakah peralatan menyiasat yang perlu dibawa bersama-sama ke tempat kejadian?

Dalam keadaan tertentu, mereka perlu menentukan seksyen manakah yang relevan dengan aduan bagi membolehkan siasatan dan risikan dijalankan. Ini penting kerana dalam menjalankan siasatan. Fokus pengumpulan maklumat dan bukti mestilah terarah kepada memenuhi elemen-elemen kesalahan yang diadukan itu.

Seterusnya, cabaran utama dalam mengumpulkan bukti ialah bagaimana mendapatkan *first-hand information*. Boleh dikatakan bahawa hampir kesemua kumpulan ajaran sesat ini secara amnya bergerak secara rahsia, terutamanya bagi menjalankan kegiatannya di malam hari atau awal pagi dan di lokasi tertentu yang mana aksesnya adalah terhad dan kurang disedari oleh masyarakat sekeliling. Ini sedikit sebanyak menyukarkan pihak berkuasa agama untuk mengumpul maklumat dan bukti.

⁵⁰ Siti Zubaidah Ismail, “Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran,” 264.

Dalam hal ini, PPA banyak bergantung kepada maklumat orang awam, khususnya pengikut atau bekas pengikut yang telah kembali ke pengakuan jalan yang secara sukarela menjadi mata-mata kepada PPA untuk melancarkan lagi proses siasatan yang dijalankan. Oleh itu, maklumat yang diterima daripada bekas pengikut ini sememangnya membantu dalam memudahkan proses siasatan yang dijalankan. Maklumat yang diperolehi perlu dirakam dan bekas pengikut itu mestilah menjadi saksi utama dalam perbicaraan.⁵¹ Ini kerana maklumat yang dirakam semata-mata menjadi keterangan dengar cakap (*hearsay*) yang tidak dapat diterima oleh mahkamah di bawah seksyen 60 ATJSWP menyatakan seperti berikut:

“Pernyataan kepada PPA tidak boleh diterima sebagai keterangan:

- 1) *Tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang PPA dalam perjalanan sesuatu penyiasatan di bawah bab ini boleh, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, digunakan sebagai keterangan*
- 2) *Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pihak pendakwa atau pihak pembela, selain daripada tertuduh, mahkamah hendaklah atas permintaan tertuduh atau Pendakwa Syarie merujuk kepada apa-apa pernyataan yang telah dibuat oleh saksi itu kepada seorang PPA dalam perjalanan sesuatu penyiasatan di bawah bab ini, dan boleh kemudiannya, jika difikirkan oleh mahkamah suaimanfaat demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberi suatu salinannya, dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu*
- 3) *Apabila mana-mana orang dipertuduh atas apa-apa kesalahan berhubungan dengan pernyataan palsu yang dibuat olehnya kepada seorang PPA dalam menjalankan sesuatu penyiasatan di bawah bab ini, maka pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam pendakwaan itu”.*

Seksyen ini menunjukkan bahawa mahkamah hanya menerima kesaksian secara langsung yang mencapai tahap yakin. Namun begitu, dalam hal yang mendesak, mahkamah menerima juga kesaksian secara langsung dalam membuktikan kes-kes tertentu. Tidak

⁵¹ Siti Zubaidah Ismail, “Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran,” 264.

dapat dinafikan bahawa dalam usaha mendapatkan keterangan, adakalanya saksi asal tidak berkeupayaan atau gagal memberikan kesaksian kerana mati, hilang sakit atau dalam tawanan musuh. Dalam keadaan yang sedemikian, tentulah perjalanan sesuatu perbicaraan akan terganggu, manakala hak orang yang dipertikai akan tersekat dan keadilan tidak dapat dijalankan dengan sebaiknya. Oleh itu, *fuqaha'* mengharuskan, dalam keadaan yang mendesak, atas prinsip istihsan, diterima keterangan zan atau yang terdapat padanya sedikit keraguan bagi tujuan pensabitan.⁵²

Selanjutnya ketika siasatan dijalankan, terdapat keperluan untuk memaklumkan kepada Ketua Pegawai Polis Daerah berkenaan kehadirannya. Sekiranya tidak dapat dihubungi, maka pegawai operasi akan memohon daripada PPA Ibu pejabat untuk memaklumkan berkenaan kehadiran mereka.⁵³ Seterusnya sebelum menjalankan sesuatu operasi, Ketua Operasi perlu memastikan semua Pegawai Operasi mengambil peranan mereka yang telah diberikan semasa sesi taklimat.⁵⁴

Merujuk kepada perkara 12(b) ATP, memperuntukkan proses penyediaan kertas siasatan seperti berikut:

Bagi kesalahan boleh tangkap, kertas siasatan hendaklah dibuka oleh PPA (pegawai penyiasat) setelah mendapat arahan daripada KPPA (Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama) dan setelah maklumat mengenai kesalahan-kesalahan tersebut dilaporkan kepada KPS (Ketua Pendakwa Syarie) kecuali bagi kesalahan tertentu KPS arahkan tidak perlu dilaporkan.

Berdasarkan perkara di atas, bagi proses menyediakan kertas sisatan bagi kesalahan boleh tangkap, pegawai penyiasat diwajibkan mendapatkan arahan dari KPPA dan telah dilaporkan kepada KPS. Sebagai contoh, bagi kes ajaran sesat yang disabitkan dengan

⁵² Afridah Abas, "Kebolehterimaan Keterangan Dengar Cakap," dalam *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan Dan Prosedur*, ed. Nasimah Hussin (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 218.

⁵³ Perkara 7(a) ATP.

⁵⁴ Perkara 7(c) ATP .

kesalahan doktrin palsu, PPA yang bertugas perlu mendapatkan arahan dari KPPA dan KPPA telah maklumat tersebut sampai ke pengetahuan KPS.

3.3.2 Prosedur Tangkapan

Kuasa menangkap hampir sama dengan perundangan Islam iaitu pihak polis, penghulu majistret atau jaksa pendamai dan juga orang awam. Waran tangkap yang dikeluarkan itu adalah memberikan kuasa kepada pihak yang membawa waran untuk memasuki tempat yang terlibat atau disyaki, sama ada dengan kebenaran ataupun sebaliknya. PPA tidak boleh sewenang-wenangnya memasuki sesuatu premis sehingga dipastikan dengan yakin bahawa OKT berada di tempat berkenaan.⁵⁵

Bagi kes ajaran sesat yang diperuntukan dalam APUTWP tersebut menunjukkan kebanyakkan kes diletakkan sebagai kesalahan-kesalahan boleh tangkap seperti yang dinyatakan pada tajuk sebelum ini, iaitu peruntukan undang-undang berkaitan ajaran sesat. Oleh itu, maksud kesalahan boleh tangkap (KBT) ialah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih yang pada kebiasaannya PPA atau anggota polis boleh menangkap tanpa waran.⁵⁶ Oleh itu, PPA atau pegawai polis boleh menangkap mana-mana ketua atau ahli-ahli yang terlibat dengan ajaran sesat tanpa waran.

3.3.3 Konsep Tangkapan

Tangkapan didefinisikan sebagai “menahan kebebasan seseorang secara perbuatan atau percakapan sama ada secara lembut ataupun kasar”. Peruntukan yang diberikan adalah bertujuan untuk menggunakan sebarang langkah yang perlu, sama ada dalam melaksanakan

⁵⁵ Syed Agil Barakbah, “Pendekatan Perbandingan dalam Undang-Undang Prosedur Jenayah,” *Undang-Undang Keterangan Dan Prosedur di Mahkamah* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1995), 131.

⁵⁶ Perkara 5, ATP.

tangkapan atau orang yang hendak ditangkap menggunakan kekerasan bagi menghalang tangkapan oleh pegawai penguatkuasa. Di bawah seksyen 10 ATJSWP ada menyatakan bahawa:

- 1) *Dalam membuat sesuatu penangkapan Pegawai Penguatkuasa Agama, Pegawai polis atau orang lain yang membuat penangkapan itu hendaklah sebenarnya menyentuh atau mengurung tubuh orang yang hendak ditangkap itu, melainkan jika orang itu menyerah diri sama ada dengan perkataan atau melalui perbuatan.*

Sekyen ini menjelaskan maksud tangkapan adalah menyentuh atau mengurung tubuh orang yang ditangkap dengan pelbagai cara yang difikirkan terbaik oleh pegawai penguatkuasa agama.

Sekiranya individu yang hendak ditangkap itu menggunakan kekerasan atau mengelakkan dirinya dari ditangkap, maka pengawai penguatkuasa agama boleh melakukan apa sahaja perkara yang difikirkan relevan, melainkan sekiranya tindakan tersebut boleh mengakibatkan kecederaan atau kematian individu tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam seksyen 10(2) (3) yang menyatakan bahawa:

2. *Jika orang itu dengan menggunakan kekerasan menentang usaha untuk menangkap atau cuba mengelakkan penangkapan itu, pegawai atau orang itu bolehlah menggunakan segala langkah yang perlu untuk melaksanakan penangkapan itu.*
3. *tiada apa-apa juga dalam seksyen ini memberikan hak untuk menyebabkan kematian mana-mana orang.*

Tangkapan yang dilakukan adalah dalam tempoh 24⁵⁷ jam tidak termasuk tempoh masa perjalanan pergi dan balik kumpulan operasi ke tempat yang disyaki. PPA perlu membawa tertuduh dengan kadar segera ke mahkamah bagi mendengar pertuduhan kes

⁵⁷ Seksyen 22(3) ATJSWP memperuntukkan bahawa tempoh dua puluh empat jam, tidak termasuk masa yang perlu bagi perjalanan dari tempat penangkapan ke Mahkamah itu.

tersebut⁵⁸ atau ditangguhkan bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan peguam syarie untuk membela tertuduh dan dilepaskan dengan jaminan.⁵⁹

Seterusnya anggota yang terlibat dalam kes penguatkuasaan ajaran sesat ini ialah dari kalangan pengawai penguatkuasa agama diberikan kuasa untuk menangkap, tetapi terhad sahaja bagi sesebuah negeri sahaja. PPA tidak dibekalkan senjata api bagi penguatkuasaan kes ajaran sesat hanya menyediakan gari dan belantan sahaja. Berbeza dengan pegawai polis yang memiliki peralatan yang lengkap untuk memastikan keselamatan diri mereka. Oleh itu, pegawai polis akan bertindak bagi menjalankan penguatkuasaan kes-kes yang melibatkan ajaran sesat kerana kes ajaran sesat ini melibatkan keselamatan negara dan merupakan anggota penguatkuasa utama negara. Hal ini dapat dilihat dalam seksyen 3(3) Akta Polis 1967 yang memperuntukkan bahawa:

- *Tertakluk kepada Akta ini, pasukan hendaklah diguna khidmat di dalam dan di seluruh Malaysia (termasuk perairan wilayahnya bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah dan mengumpul risikan keselamatan).*

Selain itu, polis juga diperlukan untuk menjalankan penguatkuasaan kesalahan jenayah khususnya bagi kes-kes yang melibatkan ajaran sesat. Antara bidang tugas tangkapan yang berkaitan ialah:⁶⁰

- a) Menangkap suspek dengan waran berdasarkan seksyen 10(1);
- b) Memburu orang yang hendak ditangkap di mana-mana tempat di Malaysia
- c) Menahan tertuduh dalam jagaan polis
- d) Melepaskan orang yang ditangkap atas jaminan oleh polis yang tidak kurang dari pangkat Inspektor.

⁵⁸ Seksyen 22(4) ATJSWP.

⁵⁹ Seksyen 23 ATJSWP.

⁶⁰ Siti Zubaidah Ismail, *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2016) 54.

Walau bagaimanapun, realitinya bagi menguatkuasakan kes-kes ajaran sesat ini pada kelazimannya PPA sahaja yang akan terlibat dalam operasi tangkapan di premis-premis yang disyakki. Hal ini kerana laporan yang dibuat adalah di kaunter bahagian pengutkuasaan JAWI.⁶¹ Jarang kes-kes ajaran sesat ini dilaporkan kepada pegawai polis.

a) Kesalahan Boleh Tangkap

Kesalahan boleh tangkap bermaksud satu kes jenayah syariah yang membawa hukuman penjara lebih dari satu tahun atau denda sahaja yang mana PPA ataupun pegawai polis boleh menangkap tertuduh tanpa memiliki bersama PPA atau Pegawai Polis waran tangkap.

PPA hanya boleh menyiasat bagi kes tak boleh tangkap sekiranya ia mendapatkan perintah daripada ketua Pendakwa Syarie dan ia tidak boleh menangkap kecuali dengan adanya waran.

Seterusnya, dalam membuat penyiasatan seorang PPA boleh dengan perintah bertulis memanggil mana-mana orang yang berkemungkinan mempunyai maklumat berkaitan dengan kes dalam siasatan yang tinggal dalam negeri untuk hadir memberi maklumat.⁶²

Jika mana-mana individu enggan untuk hadir, maka PPA boleh membuat laporan terus kepada hakim dan dengan budi bicaranya boleh mengeluarkan notis waran tangkap untuk tujuan memaksa individu tersebut supaya hadir ke mahkamah syariah. Sekiranya Individu tersebut masih lagi enggan hadir setelah diminta oleh pihak mahkamah syariah maka tertuduh telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 9 Akta Jenayah Syariah 1997 yang jika disabitkan dengan kesalahan tersebut, maka tertuduh boleh didenda hingga RM3,000.00 atau dipenjarakan sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali. Sekiranya selepas waran kehadiran dikeluarkan dan individu tersebut masih gagal dan enggan untuk

⁶¹ Ruslida Rusli (Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Februari 2016.

⁶² Siti Zubaidah Ismail, *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*, 119.

tampil ke hadapan, maka orang tersebut juga boleh didakwa di bawah seksyen 10 AKJS1997 yang membawa hukuman yang sama.

Dari segi amalan pada hari ini, telah menjadi kebiasaan bagi PPA untuk memohon waran tangkap dan waran geledah daripada hakim setiap kali menerima sebarang aduan atau maklumat tentang sesuatu kesalahan jenayah syariah tanpa mengira sama ada aduan tersebut mengenai kes lazim tangkap ataupun sebaliknya. Ini adalah kerana dalam kes-kes yang melibatkan kesalahan jenayah yang melanggar tatasusila dan moral seperti seksyen 20 hingga 29 AKJSWP, adalah agak sukar sebenarnya untuk memastikan pada peringkat awal sama ada sesuatu kes jenayah syariah yang dilaporkan itu benar-benar terjumlah dalam kes lazim tangkap atau tidak.

Sebagai contoh, sesuatu kesalahan yang telah dilaporkan pada awalnya sebagai kes lazim tangkap seperti persetubuhan haram, liwat, musahaqah, ataupun khalwat yang dilakukan di tempat-tempat awam, berkemungkinan berubah menjadi kes tidak lazim tangkap seperti kesalahan melakukan perbuatan tidak sopan di tempat awam memandangkan perilaku jenayah itu, masih belum ataupun sudah selesai dilakukan ketika serbuan dilakukan.⁶³

b) Kesalahan Tak Boleh Tangkap

Kesalahan tak boleh tangkap ialah sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh kurang daripada satu tahun atau denda sahaja yang baginya pada kelazimanya PPA atau pegawai polis tidak boleh menangkap tanpa waran.

Antara kesalahan-kesalahan yang dikategorikan sebagai kesalahan tak boleh tangkap ialah:

Kesalahan boleh tangkap, seksyen 57 ATJSWP1997 menyatakan bahawa sekiranya seorang PPA menerima maklumat atau dengan cara lainnya ia mempunyai sebab untuk

⁶³ Siti Zubaidah Ismail, *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*, 9.

mensyaki pelakuan sesuatu kesalahan boleh tangkap, maka hendaklah mempertanggungjawabkan seorang daripada pegawai bawahannya pergi ke tempat kesalahan itu dilakukan untuk menyiasat fakta-fakta dan hal keadaan kes itu dan untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu bagi penemuan pesalah itu:

Dengan syarat seperti berikut:

- a) Apabila apa-apa maklumat tentang perlakuan mana-mana kesalahan sedemikian diberikan terhadap mana-mana orang yang disebut namanya dan jenis kes itu tidak berat, pegawai penguat kuasa agama yang menerima maklumat itu tidak perlu pergi sendiri atau mempertanggungjawabkan seorang pegawai bawahan untuk membuat siasatan di tempat kesalahan itu dilakukan.
- b) Jika didapati oleh PPA yang menerima maklumat itu bahawa tiada alasan yang mencukupi untuk bertindak atau bertindak selanjutnya dalam perkara itu, maka dia tidaklah boleh berbuat demikian.

Berdasarkan kepada kedua-dua syarat tersebut, dapat dilihat bahawa apabila pihak penguatkuasa agama menerima aduan bagi kesalahan yang tidak berat dari orang perseorangan, maka pihak penguatkuasa tidak perlu membuat siasat secara lanjut, cukup sekadar maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat. Manakala sekiranya seorang PPA menerima maklumat, tetapi tidak mempunyai alasan untuk bertindak, maka tindakan dari aduan tersebut tidak boleh dilaksanakan.

3.3.4 Proses Tangkapan

Kuasa menangkap dan menahan orang yang disyaki melakukan jenayah adalah dua kuasa penting dalam penguatkuasaan undang-undang. Namun begitu, penggunaan kuasa ini telah

mendapat perhatian dan rungutan daripada masyarakat awam. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa kesalahan-kesalahan syariah adalah melibatkan kesalahan serius yang memerlukan penangkapan dan penahanan. Namun begitu, tanpa tangkapan dan tahanan, maka tidak mungkin sesuatu penguatkuasaan itu dapat disempurnakan.

Perlu difahami bahawa dalam memutuskan sama ada sesuatu kes yang diadukan itu kes lazim tangkap ataupun sebaliknya, PPA juga boleh, setelah menerima dan merekodkan aduan pengadu secara bertulis. PPA perlulah pergi terlebih dahulu ke tempat kejadian untuk melakukan siasatan awal. Apa yang penting adalah, seorang PPA hanya akan memutuskan sama ada untuk menjeniskan kes yang diadukan itu sebagai kes lazim tangkap ataupun tidak lazim tangkap sekiranya terdapat maklumat yang kukuh mengenai berlakunya sesuatu kesalahan jenayah syariah itu.

Sekiranya kes yang diadukan itu dikategorikan sebagai kes lazim tangkap, di bawah seksyen 57(1) ATJSWP seterusnya memberikan kuasa kepada PPA selepas menghantar satu laporan kepada ketua pendakwa syarie negeri dalam kes-kes yang diarahkan berbuat demikian, untuk terus pergi ke tempat kejadian untuk memulakan siasatan. Ini bermakna pegawai penguatkuasa agama, dalam kes lazim tangkap, tidak perlu memohon sebarang kebenaran daripada ketua pendakwa syarie negeri untuk menjalankan kuasa-kuasa khas siasatan seperti merekodkan pernyataan-pernyataan lisan para saksi dan suspek. Malah, pegawai penguatkuasa agama, dalam kes sedemikian, tidak perlu memohon apa-apa waran geledah atau waran tangkap daripada Hakim Mahkamah Rendah Syariah kerana mereka boleh melakukan penggeledahan atau tangkapan tanpa waran pada bila-bila masa di sepanjang tempoh siasatan kes tersebut.

Seperkara lagi yang perlu difahami mengenai siasatan kes lazim tangkap ini ialah siasatan sesuatu kes tidak semestinya dimulakan hanya setelah terdapat aduan rasmi

mengenainya. Malah, sekiranya seseorang pegawai penguatkuasa agama itu, sama ada melalui maklumat yang diperolehinya sendiri ataupun dari mana-mana sumber atau pemberi maklumat lain, menerima maklumat yang dipercayai (*creditor information*) sehingga menimbulkan syak wasangka yang munasabah (*reasonable suspicion*) tentang berlakunya sesuatu kes lazim tangkap, maka dia boleh membuat tangkapan dalam sesuatu siasatan.

Manakala dalam kes yang melibatkan kesalahan yang melibatkan kes tidak lazim tangkap, terdapat perbezaan dari sudut prosedur memulakan siasatan. Hal ini adalah kerana sekiranya seorang PPA mendapati wujudnya maklumat yang kukuh mengenai berlakunya kes tidak lazim tangkap, maka PPA tersebut perlu mendapatkan suatu perintah untuk memulakan siasatan atau *order to investigation* (OTI) daripada ketua pendakwa syarie negeri. Tujuan sesuatu perintah siasatan dipohon daripada ketua pendakwa negeri adalah untuk membolehkan pegawai penyiasat dalam kalangan PPA menjalankan kuasa-kuasa khas siasatan seperti merekodkan pernyataan-pernyataan lisan para saksi dan suspek untuk dijadikan keterangan.

Di samping perlu memohon perintah untuk memulakan siasatan seperti di atas, PPA juga, dalam kes tidak lazim tangkap, perlu memohon waran geledah dan waran tangkap sekiranya timbul keperluan untuk melakukan penggeledahan serta tangkapan di sepanjang tempoh siasatan kes.

Seterusnya pihak PPA hendaklah terlebih dahulu mendapatkan waran tangkap dari Mahkamah Syariah mengikut borang 3. Waran tangkap boleh dikeluarkan sebagai ganti kepada saman dalam keadaan yang menyebabkan mahkamah percaya bahawa orang yang saman telah melarikan diri atau tidak akan mematuhi saman atau orang yang disaman telah tidak hadir di mahkamah dan tidak mempunyai alasan yang munasabah tentang

ketidakhadirannya. Mahkamah yang mengeluarkan waran tangkap boleh mengarahkan jaminan dengan membuat pengendorsan dalam waran mengenai jaminan.

3.3.5 Tahanan Reman

Tahanan reman bermaksud penahanan seseorang suspek tanpa waran untuk pemeriksaan lanjut.⁶⁴ Peruntukan di bawah tatacara jenayah syariah tidak menunjukkan istilah reman secara khusus, tetapi boleh dikaitkan dengan penahanan suspek untuk pemeriksaan lanjut di bawah seksyen 22(2) ATJSWP yang memperuntukkan:

Tiada Pegawai Penguatkuasa Agama atau Pegawai Polis boleh dalam jagaannya seseorang yang ditangkap tanpa waran selama tempoh yang lebih lama daripada yang munasabah dalam segala hal keadaan kes itu.

Selanjutnya, tempoh yang ditetapkan bagi sesuatu penahanan dan pemeriksaan tertuduh adalah dalam tempoh 24 jam tidak termasuk tempoh perjalanan dari tempat yang ditangkap ke Mahkamah Syariah. Ini dapat dilihat dalam seksyen 22(3) ATJSWP yang memperuntukkan:

Tempoh itu tidak boleh melebihi dua puluh empat jam, tidak termasuk masa yang perlu bagi perjalanan dari tempat penangkapan ke mahkamah itu

Mengenai tahanan reman atau sementara bagi orang-orang yang disyaki telah melakukan jenayah atau kemungkaran, sama ada dibolehkan atau sebaliknya dalam Islam, perlulah dilihat kepada bentuk-bentuk kes yang terlibat. Bagi kes yang boleh diambil tindakan *hisbah* ialah kes yang mudah untuk didakwa dan tidak memerlukan tertuduh ditahan reman dan boleh dibicarakan dengan cepat kerana tidak memerlukan siasatan rapi. Di dalam hal ini, Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah di dalam Al-Turuq al-Hukmiyyah telah mengupasnya dengan baik seperti berikut:

⁶⁴ Siti Zubaidah Ismail, *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*, 65.

- I. Tertuduh yang zahirnya tidak bersalah, tidak boleh ditahan dan orang yang membuat tuduhan liar ke atas orang yang jelas tidak terlibat perlu dikenakan hukuman terutamanya jika dengan jelas berniat menyakiti atau menyusahkan orang berkenaan.
- II. Tertuduh yang tidak diketahui statusnya boleh ditahan sehingga kedudukan sebenar diketahui. Tuduhan mesti mempunyai asasnya terlebih dahulu kemudian, barulah boleh dipanggil orang yang dituduh, bukan semata-mata tuduhan sahaja.
- III. Tertuduh mempunyai rekod jenayah boleh ditahan untuk siasatan lanjut.

3.3.6 Prosedur Penggeledahan Tempat/Premis

Penggeledahan ialah merupakan salah satu operasi yang perlu dijalankan oleh pegawai penguatkuasa agama untuk menyempurnakan tugas-tugas penyiasatan terhadap kes ajaran sesat. Tujuan penggeledahan dilakukan adalah untuk mendapatkan bukti-bukti yang boleh dikaitkan dengan kesalahan ajaran sesat. Antara bukti-bukti yang boleh dikaitkan dengan kes ajaran sesat sama ada dalam bentuk bahan cetakan atau elektronik, bahan-bahan pujaan seperti batu, kain atau gambar dan sebagainya.

Oleh itu, dalam proses penyiasatan seseorang PPA atau orang yang diberi kuasa kebenaran boleh membuat penggeledahan. Penggeledahan secara umumnya dibahagikan kepada dua kategori sepertimana berikut:⁶⁵

a) Penggeledahan terhadap tubuh badan seseorang

Penggeledahan terhadap tubuh badan seseorang lazim terjadi apabila sesuatu benda yang dicari adalah daripada jenis yang boleh disembunyikan pada tubuh badan seseorang. Apabila ini terjadi, pemeriksaan atau penggeledahan hendaklah dibuat

⁶⁵ Op.cit. Zulfakar Hj Ramlee, “Penyiasatan Di Dalam Kanun Acara Jenayah Syariah Di Malaysia”, hlm 122-123.

oleh seseorang yang sama jantinanya dengan orang yang diperiksanya dengan memberi perhatian tegas tentang adab kesopanan dan tanpa ia diaibkan.

b) Penggeledahan terhadap tempat atau premis dan benda

Penggeledahan terhadap tempat atau premis dan benda berlaku dalam berbagai keadaan antaranya apabila tempat itu digunakan sebagai tempat persembunyian oleh orang yang hendak ditangkap. Penggeledahan terhadap tempat juga boleh berlaku kerana dokumen atau sesuatu benda yang perlu dalam proses siasatan disimpan atau disembunyikan dalam tempat atau premis tersebut. Penggeledahan tempat juga boleh berlaku sekiranya tempat itu dijadikan tempat kurungan yang mana pengurungan itu merupakan satu kesalahan.

Merujuk kepada kedua-dua kategori di atas, seksyen 63 ATJSWP memberi bidangkuasa kepada pegawai penguatkuasa dalam kes lazim tangkap untuk melakukan penggeledahan ke atas premis/tempat kejadian bagi mendapatkan barang kes ataupun bukti dalam bentuk dokumen tanpa perlu mendapatkan sebarang waran geledah.

Manakala bagi kesalahan yang melibatkan kes-kes tidak lazim tangkap, seksyen 44(1) ATJSWP memperuntukkan bahawa waran geledah perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum PPA menjalankan sesuatu penggeledahan ke atas premis/tempat kejadian. Sebaik sahaja waran geledah diperolehi, seksyen 46 ATJSWP seterusnya memberikan kuasa kepada PPA untuk memasuki sesuatu premis atau tempat itu dengan apa-apa cara, menggeledah, menyita apa-apa barang kes atau dokumen yang boleh dijadikan keterangan serta membawanya kembali ke hadapan hakim agar tindakan selanjutnya dapat diambil.

Penghuni premis tempat yang digeledah itu atau wakilnya perlu hadir ketika penggeledahan dibuat.

Seterusnya, seksyen 49 ATJSWP menjelaskan bahawa mana-mana orang yang tinggal di premis tersebut hendaklah membenarkan premisnya dimasuki untuk tujuan penggeledahan, tetapi sekiranya kebenaran tidak diberikan, PPA perlu menyediakan suatu senarai barang-barang yang disita olehnya semasa penggeledahan tersebut serta ditandatangani olehnya, kemudian menyerahkan satu salinan senarai tersebut kepada penghuni premis atas permintaannya.


Selanjutnya, dalam usaha untuk mendapatkan barang kes atau dokumen yang boleh membantu siasatan, penggeledahan/pemeriksaan juga boleh dilakukan ke atas tubuh badan seseorang suspek atau saksi. Ini telah diperuntukkan di bawah seksyen-seksyen 12, 14(2), 15 dan 16 ATJSWP. Selain daripada tujuan pengumpulan barang kes dan dokumen untuk dijadikan keterangan, penggeledahan ke atas sesuatu premis itu juga boleh dilakukan untuk tujuan menangkap suspek ataupun untuk mencari orang yang telah dikurung secara salah.

3.4 Gerak Kerja Pendakwaan di JAWI

Berikut adalah carta aliran pendakwaan yang diamalkan di bahagian pendakwaan Jabatan Islam Wilayah Persekutuan (JAWI):⁶⁶

⁶⁶ Bahagian Pendakwaan dicapai pada 27/7/2016, <http://www.jawi.gov.my/my/bahagianjawi/pendakwaan?layout=edit&id=409>.

Carta 3.2: Proses Pendakwaan



Sumber dari laman web pendakwaan JAWI

Carta perjalanan penguatkuasaan undang-undang di Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pendakwaan di atas adalah selaras kepada semua kes-kes jenayah syariah termasuk kes-kes yang melibatkan ajaran sesat.

Permulaan pendakwaan dari carta ini menunjukkan ia bermula setelah menerima fail kes daripada Ketua Penguatkuasa Agama yang telah menyediakan kertas siasatan tersebut. Seterusnya bahagian ini, dibahagikan kepada kes yang didakwa dan kes yang tidak didakwa. Bagi kategori pertama, kes yang didakwa Pendakwa Syarie akan membawa kes ini ke bahagian pendaftaran untuk menentukan mahkamah mana yang akan meneruskan perbicaraan, sama ada di Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah. Bagi kes ajaran sesat kes ini akan terus dibawa ke Mahkamah Tinggi Syariah.

Seterusnya, perbicaraan kes ini akan berlangsung beberapa bulan di antara pendakwa syarie dan tertuduh, terkini kes Millah Ibrahim @ Abraham masih lagi berjalan dan kes tersebut yang diadakan di Dewan 5 Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur.

Setelah perbicaraan telah selesai beberapa sesi, maka hakim akan menentukan sama ada tertuduh didapati bersalah ataupun sebaliknya. Apabila tertuduh didapati bersalah dan mengaku kesalahan ajaran sesat yang telah dilakukan, maka pihak mahkamah akan menjatuhkan hukuman berdasarkan keputusan dan perintah yang dikeluarkan hakim. Sekiranya, tertuduh mengaku tidak bersalah, maka tertuduh yang tidak puas hati dari Mahkamah Tinggi Syariah akan dibawa ke peringkat seterusnya, iaitu dibicarakan di Mahkamah Rayuan Syariah.

Bagi kategori kedua, jika pendakwa syarie tidak didakwa bagi kes ajaran sesat ini. Maka pendakwa syarie boleh mengarahkan ketua pengawai penguatkuasa agama untuk menjalankan siasatan lanjutan di bahagian penguatkuasaan JAWI.

3.4.1 Pendakwaan Bagi Kes Ajaran Sesat

Pendakwaan ialah satu cara atau langkah yang diambil oleh pihak pendakwa untuk membuktikan mana-mana individu yang dituduh yang telah melakukan jenayah. Di Malaysia, pendakwa dibahagikan kepada dua, Pendakwa Raya yang berperanan dalam kes-kes yang melibatkan mahkamah sivil, manakala pendakwa syarie pula terlibat dalam kes-kes jenayah syariah yang dijalankan di Mahkamah Syariah.

Oleh itu, objektif utama pendakwaan ialah membuktikan tertuduh melakukan kesalahan sepetimana yang dikemukakan dalam pertuduhan oleh pihak Pendakwa Syarie. Selain itu, tugas pendakwa dan juga peguambela ialah membantu hakim supaya membuat keputusan yang adil. Dari itu tugas pendakwa dari permulaan lagi untuk mencapai keadilan.

Undang-undang prosedur sebenarnya menuju ke arah objektif ini yang secara tidak langsung bertujuan mengelakkan ketidakadilan atau kelaziman dari peringkat awal lagi.⁶⁷

Sudah ada syarat-syarat yang perlu diperlakukan oleh Pegawai Polis dan PPA berbidangkuasa untuk menangkap sesiapa yang melakukan kesalahan di hadapannya iaitu kesalahan yang dibolehkan tangkapan. Sebaliknya, tindakan boleh diambil selepas menerima laporan supaya siasatan dapat dimulakan oleh pegawai polis. Hal ini berlawanan dengan bidang kuasa PPA yang tiada kuasa sedemikian.⁶⁸

Tugas siasatan yang ialah menyediakan bahan-bahan yang lengkap dan benar sebagai keterangan yang perlu dibuktikan oleh pendakwa terhadap tertuduh di dalam perbicaraan di mahkamah. Tugas ini sangat penting untuk menjaga imej. Oleh itu, kerja-kerja penyiasatan perlulah dijalankan dengan tegas, cermat, sabar dan jujur. Pegawai penyiasat perlu melengkapkan dirinya dengan pengetahuan dan cara menyiasat tanpa menggunakan taktik-taktik yang bertentangan dengan prinsip siasatan yang benar. Tidak semua kes yang disiasat adalah sama dari segi tahap pembuktianya. Terdapat kes-kes yang menimbulkan implikasi negatif disebabkan sukar mendapat bukti, keterangan yang bertentangan, atau tidak mendapat kerjasama daripada pihak berkenaan.⁶⁹

3.4.2 Tugas-Tugas Pendakwaan Bagi Kesalahan-Kesalahan Ajaran Sesat

Permulaan proses pendakwaan kes oleh pendakwa syarie bagi kes ini ialah merujuk kepada seksyen 55(2) ATJSWP ada menyebutkan mana-mana kes ajaran sesat yang ingin membuat pendakwaan, pegawai pendakwa syarie perlu mendapatkan keizinan oleh ketua Pendakwa Syarie dan dibaca bersama seksyen 73 ATJSWP juga menghendaki pegawai

⁶⁷ Syed Agil Barakbah, “Prinsip-Prinsip Pendakwaan,” dalam *Pendakwaan dan Penyiasatan: Konsep dan Amalan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003), 4-5.

⁶⁸ Syed Agil Barakbah, “Prinsip-Prinsip Pendakwaan,” 4-5.

⁶⁹ Syed Agil Barakbah, “Prinsip-Prinsip Pendakwaan,” 9.

Pendakwa Syarie perlu membawa pendakwaan tersebut secara bertulis. Jika tiada bukti keizinan dikeluarkan, maka mahkamah akan membebaskan tertuduh dibebaskan tanpa perlu membela diri.⁷⁰

Sesuatu pendakwaan dimulakan apabila tertuduh dibawa ke hadapan mahkamah, sama ada melalui saman kehadiran, atau melalui waran tangkap, atau melalui penangkapan tanpa waran, dengan pertuduhan dibuat ke atasnya. Peruntukan mengenai pertuduhan ini telah diperuntukkan di bawah seksyen 78 hingga 95 ATJSWP. Umumnya, satu-satu pertuduhan ke atas tertuduh hendaklah menyatakan kesalahan yang di atasnya tertuduh dipertuduhkan dengan menyebut undang-undang dan peruntukan undang-undang.⁷¹

Seterusnya, pertuduhan yang lengkap perlu dipatuhi ialah, tiap-tiap pertuduhan hendaklah jelas dan terang serta mengandungi semua butir-butir yang terkandung di dalam seksyen berkenaan. Tujuannya ialah supaya tertuduh memahami dengan jelas pertuduhan yang dihadapkan memahami dengan jelas pertuduhan yang dihadapkan kepadanya dan tidak kurangan bahan yang perlu atau ada bahan yang tidak relevan yang boleh mengelirukan. Oleh itu, tiap-tiap pertuduhan perlu menyatakan tarikh, masa, dan tempat kejadian, termasuk alamat yang lengkap serta bahan-bahan yang perlu dinyatakan seperti niat dan perbuatan, mangsa serta seksyen dan akta yang berkaitan.⁷²

3.4.3 Peringkat-Peringkat Pendakwaan

a) Permulaan Pendakwaan

Dalam proses awal penyediaan pendakwaan, pihak pendakwa syarie perlu menyediakan tiga dokumen berikut, iaitu; i) buku daftar penerimaan kertas siasatan, ii) buku rekod

⁷⁰ Siti Zubaidah Ismail, *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*, 89.

⁷¹ Ismail Yahya, "Pendakwaan Dalam Kanun Acara Jenayah Syariah di Malaysia," dalam *Pendakwaan Dan Penyiasatan: Konsep Dan Amalan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003), 59.

⁷² Syed Agil Barakbah, "Prinsip-Prinsip Pendakwaan," 9.

pergerakan kertas siasatan dan iii) buku pendaftaran kes mahkamah. Berdasarkan kepada perkara 4(1)⁷³ Arahan Ketua Pendakwa Syarie (selepas ini di sebut AKPS), buku daftar penerimaan kertas siasatan ini berfungsi untuk merekodkan segala urusan berkenaan dengan penerimaan Kertas Siasatan dari Bahagian Penguatkuasaan. Manakala bagi buku rekod pergerakan kertas siasatan adalah merujuk kepada perkara 5(1) AKPS⁷⁴ yang menyatakan Bahagian Pendakwaan hendaklah menyediakan satu buku rekod pergerakan kertas siasatan yang berfungsi sebagai merekodkan semua urusan yang berkaitan dengan pergerakan kertas siasatan di Bahagian Pendakwaan. Manakala bagi buku tiga, iaitu buku rekod pendaftaran yang dinyatakan di bawah perkara 6(1) AKPS⁷⁵ iaitu penyediakan buku rekod pendaftaran kes mahkamah adalah bertujuan merekodkan senarai nama-nama tertuduh yang didakwa di Mahkamah Syariah. Semua dokmen tersebut perlu dibawa bersama oleh pihak pendakwaan.

Selanjutnya, di Bahagian Pendakwaan proses yang akan dilakukan bermula dengan pendaftaran penerimaan kertas siasatan yang diperolehi dari bahagian penguatkuasaan. Seterusnya, setelah pegawai pendakwa syarie menyemak semua kertas-kertas siasatan yang diterima⁷⁶ dan untuk memudahkan pengurusan pihak Pendakwa Syarie dalam menyiapkan pendakwaannya, Perkara 8 AKPS menyediakan beberapa garis panduan untuk melengkapkan kertas pertuduhan dan diteliti seperti berikut:

- a) Salinan pengenalan diri tertuduh.
- b) Perintah menyiasat daripada Ketua Pendakwa Syarie (bagi kes saman)

⁷³ Perkara 4(1) AKPS memperuntukkan, Bahagian Pendakwaan hendaklah menyediakan satu buku Daftar Penerimaan Kertas siasatan yang berfungsi bagi merekodkan segala urusan yang berkaitan dengan penerimaan Kertas Siasatan dari Bahagian Penguatkuasaan.

⁷⁴ Perkara 5(1) memperuntukkan bahawa Bahagian Pendakwaan hendaklah menyediakan Buku Rekod Pergerakan Kertas Siasatan yang berfungsi bagi merekodkan semua urusan yang berkaitan dengan pergerakan kertas siasatan di Bahagian Pendakwaan.

⁷⁵ Perkara 6(1) memperuntukkan bahawa bahagian pendakwaan hendaklah menyediakan buku rekod Pendaftaran kes Mahkamah Syariah.

⁷⁶ Siti Zubaidah Ismail, *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*, 92.

- c) Borang maklumat kepada PPA
- d) Pernyataan dalam pemeriksaan orang yang disyakki.
- e) Laporan tangkapan.
- f) Laporan operasi
- g) Pernyataan dalam pemeriksaan saksi
- h) Laporan penyiasatan Pegawai Pengutuasa Agama
- i) Senarai barang sitaan
- j) Buku laporan operasi; dan
- k) Dokumen lain yang berkaitan.

Sebagai contoh yang telah disyorkan ialah, tiap-tiap pertuduhan itu perlu disediakan menurut butir-butir kesalahan di dalam seksyen yang berkenaan. Sekiranya tidak boleh mengenakan mana-mana butir dari seksyen tersebut ke dalam pertuduhan itu, ada kemungkinan yang tertuduh tidak melakukan apa-apa kesalahan. Oleh yang demikian, pertuduhan itu juga tidak dapat dibuat pindaan yang wajar.⁷⁷

Seterusnya Ketua Pendakwa Syarie akan membuat penelitian terhadap kertas siasatan dari semua aspek sebelum memutuskan sama ada sesuatu pertuduhan dan pendakwaan akan dibuat atau sebaliknya. Sekiranya semua dokumen-dokumen yang diberikan tidak menepati piawaian yang telah diberikan oleh ketua pendakwa syarie.⁷⁸ Maka pendakwa syarie boleh mengarahkan PPA untuk untuk meneruskan sisatan bagi mengumpulkan bukti tambahan lain untuk mengukuhkan bukti-buktii yang sedia ada. hal ini adalah diperuntukkan dalam Perkara 8 (2) AKPS yang menyebut bahawa:

Pendakwa Syarie hendaklah mengembalikan kertas siasatan yang tidak lengkap kepada Pegawai Penyiasat untuk dilengkapkan.

⁷⁷ Siti Zubaidah Ismail, *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah*, 92.

⁷⁸ Ahmad 'Azam Mohd Shariff, "Prosedur Pendakwaan Jenayah Syariah: Analisis Ke Atas Peruntukan Undang-Undang Di Bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 Dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997," 3.

Tetapi sekiranya pendakwaan syarie berpuas hati, maka Ketua Pendakwa Syarie akan meneruskan prosiding pendakwaan seterusnya ke atas tertuduh. Seterusnya, tertuduh akan dibawa ke mahkamah untuk tujuan pertuduhan serta diterangkan kepada tertuduh mengikut bahasa yang difahami dan mengemukakan jenis-jenis pertuduhan yang jelas, masa dan waktu yang tepat⁷⁹ serta barang kes perlulah diselia dengan sebaiknya seperti yang diperuntukkan di bawah perkara 8(1)(d) AKPS. Saksi yang dikemukakan perlulah mempunyai kualiti tertentu yang telah ditetapkan dalam arahan, perkara ini dapat dilihat dalam perkara 8(1)(b) AKPS yang memperuntukkan:

- (b) *Memastikan pemilihan saksi seperti berikut:*
 - i) *Berkualiti, kompeten dan berkredibiliti;*
 - ii) *Mempunyai kelayakan yang bersesuaian mengikut Hukum Syarak; dan*
 - iii) *Cukup bilangan (sekurang-kurangnya dua orang)*

b) Semasa Pendakwaan

Apabila kertas pendakwaan telah lengkap disediakan, pihak pendakwa akan mengemukakan fakta kes mengenai pertuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh. Sekiranya fakta kes itu diakui benar oleh tertuduh, maka semua barang-barang bukti yang lain seperti laporan polis, laporan bertulis kepada pegawai penguatkuasa agama, laporan perubatan, laporan kimia dan lain-lain akan dikemukakan sebagai barang bukti mahkamah. Setelah mahkamah berpuas hati dengan keterangan-keterangan yang dibawa oleh pihak pendakwaan dan peguam tertuduh atau tertuduh telah membela diri ke atas pertuduhan yang dibaca ke atasnya, maka pihak mahkamah boleh mensabitkan seseorang itu dengan kesalahan yang dilakukan. Prosedur selanjutnya adalah pihak tertuduh jika ingin memohon rayuan ke peringkat Mahkamah Rayuan Syariah.

⁷⁹ Perkara 8 (c) memperuntukkan bahawa bagi memastikan fakta-fakta penting seperti masa, tarikh dan tempat kejadian ada dinyatakan dalam kertas siasatan yang diperiksa.

c) Selepas Menerima Pendakwaan Kes

Setelah pendakwa mengemukakan pertuduhan di mahkamah, tertuduh akan ditanya sama ada ia faham dan mahu dan minta dibicara atau mengaku salah. Prinsip yang penting dalam prosedur ini ialah hakim berpuas hati tertuduh benar-benar faham segala aspek dalam pertuduhan. Jika tertuduh dibela oleh peguam, maka peguam akan membantu mahkamah dalam hal ini. Jika tertuduh tidak faham dalam Bahasa Malaysia, maka mahkamah berkewajipan untuk membawakan jurubahasa yang mahir untuk menterjemahkan pertuduhan kepada tertuduh.

Seterusnya, apabila sesuatu keputusan untuk mendakwa telah dikeluarkan, maka tindakan selanjutnya ialah merangka pertuduhan yang sesuai. Pertuduhan merupakan langkah utama dalam proses pendakwaan sesuatu kes.

Walau bagaimanapun, sekiranya mana-mana tertuduh mengaku tidak bersalah, maka tindakan selanjutnya pihak mahkamah adalah dengan mangadakan satu sesi perbicaraan. Seterusnya pihak pendakwaan akan menyerahkan semua keterangan tersebut untuk mensabitkan tertuduh bagi sesuatu kesalahan. Namun, mengikut amalan di Mahkamah Syariah, sesuatu perbicaraan tersebut akan ditangguhkan. Oleh itu, pembantu hakim akan menetapkan satu tarikh baru untuk tertuduh-tertuduh untuk melantik seorang peguam bela bagi proses membela diri. Di samping itu, pihak pendakwa juga boleh membawa beberapa orang saksi lain untuk menguatkan hujah mereka. Hal ini dapat dilihat dalam kes Millah Ibrahim @ Abraham yang mana hakim telah menangguhkan kes tersebut ke suatu tarikh tertentu kerana semua tertuduh tidak mengaku salah dan permintaan tertuduh untuk membawa seorang peguam bela bersama mereka.⁸⁰

⁸⁰ Laporan pendengaran kes Millah Ibrahim @ Abraham bertarikh 8/3/2016 di Dewan 5, Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur.

3.5 KESIMPULAN

PPA mempunyai pelbagai tanggungjawab dan tugas yang perlu dilaksanakan. Bermula daripada aduan oleh orang awam sehingga dibawa ke peringkat pendakwaan di Mahkamah Syariah. Terdapat peruntukan yang lengkap mengenai prosedur dan tatacara berkenaan dengan kawalan jenayah syariah di setiap negeri-negeri, tetapi wujudnya perbezaan dari segi pelaksanaan dan prosedur yang dijalankan oleh PPA adanyakekangan dan limitasinya.

Hal demikian adalah kerana semua penguatkuasaan undang-undang melibatkan hak kebebasan individu dan penggunaan kuasa yang diberikana selalunya dikritik oleh mereka yang tidak berpuas hati. Walau bagaimanapun, cabaran bagi penguatkuasa agama agak lebih hebat, maungkin kerana label “agama” yang terpahat pada nama jawatan yang disandang dan sensitiviti individu terhadap label tersebut.⁸¹

Akhirnya, sesuatu kes itu dapat dijalankan dengan lancar dengan kerjasama oleh semua pihak dan khususnya kepada pihak polis bagi melancarkan lagi proses penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Hasil dari kelancaran penguatkuasaan undang-undang, Hakim Mahkamah Syariah mempunyai bukti dan alasan kukuh untuk mensabitkan seseorang itu dengan kesalahan jenayah yang dilakukan berdasarkan pengumpulan bahan bukti oleh PPA.

⁸¹ Shamrahayu A. Aziz, “Kuasa Penguatkuasa Agama,” 262.

•

•

BAB KEEMPAT

BAB 4: PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN KES AJARAN SESAT: KAJIAN DI JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

4.0 PENDAHULUAN

Penulis telah memilih JAWI sebagai kawasan kajian adalah disebabkan lapangan tersebut masih kurang dikaji oleh pengkaji terdahulu. Bahkan kajian yang sedia ada sebelum ini perlu diteruskan mengikut perkembangan semasa. Seterusnya, rasional pemilihan JAWI sebagai kawasan kajian adalah disebabkan bilangan kes yang didaftarkan bagi kesalahan ajaran sesat di Kuala Lumpur mencatatkan rekod yang paling tinggi berbanding di negeri-negeri lain. Sebanyak lima kes yang telah difaikkan oleh pihak Pendakwa Syarie yang masih lagi dalam proses perbicaraan di mahkamah dan kes tersebut masih belum mendapatkan apa-apa keputusan daripada hakim tersebut dalam tempoh tiga tahun, iaitu dari 2013 hingga 2016.

Dalam melengkapkan bab ini, penulis telah melakukan tinjauan dan observasi di Bahagian Penguatuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan dewan bicara di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Melalui temu bual berbentuk semi struktur (**Lihat Lampiran 1**). Penulis menyerahkan surat permohonan bertarikh 24 November 2015 (**Lihat Lampiran 2**) mendapat kebenaran untuk menemu bual dari En. Jamaluddin Jamari pada 2 Februari 2016 (**Lihat Lampiran 3**) kepada responden, iaitu yang utama di JAWI selama dua hari serta apa-apa maklumat lanjut penulis telah menghubungi melalui perbualan telefon dan emel kepada pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam menjalankan tugas-tugas penguatuasaan, iaitu Pn. Ruslida Rusli dari Bahagian Penguatuasaan, manakala maklumat berkaitan jumlah pegawai di Bahagian Penguatuasaan telah diperolehi daripada Cik Aliyatul Muna Zahidi dari Bahagian Sumber Manusia JAWI.

Seterusnya, penulis juga telah mendapatkan kebenaran untuk menemu bual pegawai dari Mahkamah Syariah bertarikh 29 Januari 2016 untuk mendapatkan info lebih lanjut berkaitan dengan kes-kes ajaran sesat yang sedang berjalan. Selain itu, penulis juga ada menghadiri bicara kes Millah Ibrahim @ Abraham pada 8 Mac 2016 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur dan status terkini berkenaan perjalanan kes-kes ajaran sesat di Kuala Lumpur.

Justeru, dalam Bab 4 ini, penulis akan menerangkan aplikasi penguatkuasaan undang-undang bagi kesalahan ajaran sesat. PPA akan memulakan operasi dan tugas apabila menerima aduan dari orang awam atau mana-mana PPA sehingga didakwa ke Mahkamah Syariah untuk diadili dengan sewajarnya.

4.1 ORGANISASI PEGAWAI DI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI)

Sejarah penubuhan JAWI bermula apabila Kementerian Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1978 JAWI telah diletakkan di bawah Kementerian ini. Walau bagaimanapun, pada tahun 1987 Kementerian ini telah dimansuhkan. Maka, JAWI telah diletakkan di bawah pentadbiran JAKIM sehingga kini. Pada peringkat awal operasi, JAWI hanya terdiri daripada beberapa unit kecil sahaja iaitu:

- i. Unit Pentadbiran
- ii. Unit Pengurusan Masjid
- iii. Unit Penguatkuasa & Pendakwaan
- iv. Unit Pentadbiran Nikah, Cerai dan Ruju'

v. Unit Zakat & Baitulmal

vi. Unit Fatwa

Sejak awal penubuhannya, JAWI terus berkembang dengan kewujudan dua cawangan, iaitu Cawangan Labuan diwujudkan pada 16 April 1984, manakala Cawangan Putrajaya pula diwujudkan pada 1 Ogos 2001. Kini, peranan JAWI telah diperluaskan kepada beberapa jabatan, iaitu:

- i. Penyelidikan
- ii. Memberi pendidikan serta keperluan guru yang mencukupi untuk mendidik anak-anak masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan
- iii. Menjalankan aktiviti dakwah dan kebajikan.
- iv. Pengurusan saudara baru yang lebih konsisten.
- v. Pengurusan zakat, wakaf dan baitulmal.
- vi. Penguatkuasaan dan pendakwaan serta memberi kaunseling kepada pasangan bermasalah.
- vii. Pentadbiran undang-undang keluarga yang lebih sistematik.
- viii. Menerbit dan mengedarkan majalah berkaitan dengan aktiviti-aktiviti JAWI dan kitab-kitab agama.
- ix. Penyelidikan fatwa

Pada tahun 1987, bahagian pendakwaan dan penguatkuasaan diletakkan di bawah satu jabatan iaitu Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan.¹ Seterusnya sekitar tahun kemudian, Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan ini telah diasingkan kepada dua entiti yang berlainan dan ditukarkan dari bahagian ke jabatan. Oleh itu, badan rasmi yang bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penyiasatan adalah di cawangan siasatan di JAWI.

Seterusnya pada 1 November 2016, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pendakwaan telah diasingkan bahagiannya dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.²

Berikut adalah carta pengurusan tertinggi JAWI.

Carta 4.1: Carta Pengurusan Tertinggi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)



Sumber: dari laman web rasmi JAWI: <http://www.jawi.gov.my/my/> dicapai pada 14/2/2017

Berdasarkan carta organisasi ini menunjukkan Bahagian Penguatkuasaan JAWI diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah iaitu Tn. Wan Jaafar Wan Ahmad.

¹ "Sejarah Penubuhan JAWI" dicapai pada 17/2/2017, <http://www.jawi.gov.my/my/profil-2/sejarah-penubuhan>.

² "Profil JAWI" dicapai pada 15/8/2018, <http://www.islam.gov.my/jawi/1172-profil>

Seterusnya Bahagian ini diletakkan di bawah tanggungjawab Timbalan Pengarah (Operasi) iaitu Tn Hj Yaakob Abdul Rahim.

Selanjutnya, Bahagian Penguatkuasaan ini berfungsi sebagai menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan bagi undang-undang jenayah berpandukan kepada AKJSWP, ATJSWP, Akta Keterangan Mahkamah dan Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 (dikenali sebagai ATP).

Selanjutnya, operasi bagi satu-satu tugas penguatkuasaan dipimpin oleh seorang ketua operasi³ yang ditetapkan di bawah Perkara 5(d) ATP yang menyatakan bahawa:

"Mengenal pasti pegawai untuk bertindak dan melantik Ketua Operasi"

Ketua operasi dibantu oleh beberapa kumpulan sokongan yang terdiri yang diberikan tugas-tugas khusus dalam pengendalian apa-apa peralatan seperti seorang jurulukis plan latar, jurugambar, penyita dan seorang pencatat.⁴ Bagi seorang jurulukis plan latar, tugas yang perlu dilakukan adalah melakar dan melukis gambaran kasar keadaan tempat atau premis yang hendak diserbu, tempat duduk pesalah dan keadaan sebenar di dalam premis yang diserbu.

Bahagian penguatkuasaan JAWI telah menuahkan beberapa unit kecil yang terdiri daripada lima cawangan, iaitu i) Cawangan Operasi dan Pencegahan, ii) Siasatan, iii) Risikan, iv) Pentadbiran dan v) Bahagian Rekod dan Maklumat. Cawangan Operasi dan Pencegahan menjalankan skop tugas-tugas, menerima maklumat jenayah syariah, menjalankan operasi jenayah syariah, melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah syariah, menyediakan dan memantau jadual bertugas menjaga kaunter, bertugas di mahkamah dan tugas kumpulan, menjaga kebajikan OYDS (orang yang disyaki), menjaga, mengawasi

³ Perkara 3 ATP memberikan tafsiran bahawa "Ketua Operasi" bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu operasi penguatkuasaan jenayah syariah.

⁴ Perkara 5(e) ATP memperuntukkan bahawa; "Memberi tanggungjawab khusus kepada pegawai tertentu untuk mengendalikan peralatan tersebut semasa tindakan sedang dijalankan."

dan menghantar OYDS ke Mahkamah Syariah, mengendalikan urusan bon jaminan OYDS serta melaksanakan waran tangkap dan saman.⁵

Di bahagian ini, ditempatkan seramai 34 orang pegawai, pembahagian pegawai di bahagian ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Pegawai Hal Ehwal Islam gred S48 dan dibantu oleh Penolong Pengarah Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41/44. Seterusnya, di bawah dibantu oleh seorang Pembantu hal ehwal Islam berpangkat S22 dan 20 orang Pegawai Hal Ehwal Islam berpangkat S17/22 yang menjalankan tanggungjawab operasi penguatkuasaan dan memastikan tertuduh hadir di pejabat penguatkuasaan JAWI. Ditambah lagi dengan empat orang jurugambar bagi tujuan menangkap gambar keadaan tempat atau premis yang disyaki terlibat dengan aktiviti ajaran sesat dan empat orang pemandu kenderaan pegawai berpangkat H11/H14 yang bertujuan untuk memudahkan pergerakan pegawai-pegawai untuk menjalankan operasi dan membawa barang kes ke Mahkamah Syariah Kuala Lumpur.

Seterusnya, di Cawangan Siasatan ini, pegawai yang ditempatkan di bahagian ini menjalankan tugas-tugas siasatan, menerima maklumat berkaitan kesalahan di bawah AKJSWP. Di samping itu, PPA juga menjalankan siasatan ke atas maklumat bagi kesalahan boleh tangkap (KBT) dan kesalahan tak boleh tangkap (KTBT) serta menyediakan kertas siasatan.

Di bahagian ini juga, pegawai yang ditempatkan adalah berjumlah 21 orang pegawai yang terdiri daripada seorang Ketua Penolong Pengarah Pegawai Hal Ehwal Islam berpangkat S48, seorang Penolong Pengarah Pegawai Hal Ehwal Islam berpangkat S41/44 serta dibantu oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam berpangkat S32. Ditambah dengan dua orang Pembantu Hal Ehwal Islam berpangkat S22 dan 12 orang Pembantu Hal Ehwal

⁵ Bahagian Penguatkuasaan JAWI dicapai pada 4/12/2015 <http://www.jawi.gov.my/my/bahagian-jawi-3/penguatkuasaan>.

Islam berpangkat S17/22. Cawangan ini merupakan cawangan paling penting untuk menjalankan aktiviti penyiasatan terhadap maklumat yang diterima daripada pihak jabatan.

Seterusnya di Cawangan Risikan, pegawai yang ditempatkan di unit ini menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dikenali sebagai pegawai mata-mata untuk menyiasat kes yang diadukan oleh orang awam dalam kes ajaran sesat. Risikan ini adalah amat penting dalam memastikan sama ada sesuatu maklumat yang diterima oleh PPA adalah palsu atau benar. Proses ini juga menjadi penentu sama ada sesuatu kes ajaran sesat boleh diteruskan ataupun sebaliknya. Di samping itu, mereka juga ditugaskan untuk membantu dalam menjalankan siasatan lebih terperinci terhadap kes-kes jenayah syariah yang berat dan berprofil tinggi.

Tugas-tugas lain pegawai ini adalah mengumpul sumber maklumat kesalahan jenayah syariah yang berat dan berprofil tinggi, mengklasifikasikan maklumat mengikut kes untuk tujuan risikan, merancang dan mengatur risikan sebelum operasi dijalankan, menyediakan laporan risikan serta memantau perkembangan kes-kes selepas operasi dijalankan.

Di bahagian ini, pegawai yang ditempatkan di cawangan ini adalah seramai 15 orang pegawai yang terdiri daripada seorang ketua, iaitu Penolong Kanan Pengarah Kanan Pegawai Hal Ehwal Islam berpangkat S44 dan dibantu oleh dua orang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam berpangkat S17/22. Seterusnya, 12 orang Pembantu Hal Ehwal Islam berpangkat S17/S22 di tempatkan di cawangan ini.

Bagi Cawangan Pentadbiran dan Cawangan Rekod dan Maklumat, merujuk kepada Cawangan Pentadbiran, tugas utama cawangan ini adalah mengendalikan pentadbiran dan hal-hal pentadbiran am dan menyediakan latihan kepada PPA. Tanggungjawab mengendalikan hal-hal pentadbiran am termasuklah melengkapkan dan penyelarasannya bajet,

urusani surat menyurat, penyelenggaraan dan penggunaan kenderaan jabatan serta bertindak sebagai pegawai perhubungan bahagian.⁶

Dalam mengendalikan latihan, cawangan ini juga bertanggungjawab menyediakan kursus yang berkaitan untuk peningkatan pengetahuan dan kemahiran pegawai serta kakitangan bahagian. Skop tugas bahagian ini adalah;

- i. Menyediakan bajet bahagian.
- ii. Mengawal selia penyelenggaraan dan penggunaan aset kerajaan.
- iii. Mengawal selia penyelenggaraan dan penggunaan kenderaan Jabatan.
- iv. Menyelia personal pegawai dan kakitangan bahagian.
- v. Melaksanakan dan menyelaraskan sasaran kerja strategik.
- vi. Menyediakan kursus dan latihan kepada pegawai dan kakitangan.

Berdasarkan kepada skop tugas tersebut, bahagian ini merupakan bahagian yang bertanggungjawab bagi menyediakan segala peralatan yang diperlukan oleh PPA dari segi membaik pulih, menyelenggara dan memastikan aset-aset yang berada dalam simpanan bahagian ini berada dalam keadaan yang baik dan selamat digunakan apabila diperlukan. Ini dapat dilihat dalam Perkara 5(d) yang memperuntukkan bahawa pegawai perlulah memastikan peralatan yang ada boleh digunakan dan berfungsi dengan baik. Antara peralatan tersebut ialah kenderaan pegawai, gari, lampu suluh, kamera dan sebagainya.

Seterusnya peralatan yang dibawa ketika menjalankan penguatkuasaan perlulah diberikan kepada mereka yang mahir dalam menggunakan peralatan tersebut. Contohnya

⁶ Bahagian Penguatkuasaan JAWI dicapai pada 4/12/2015 <http://www.jawi.gov.my/my/bahagian-jawi-3/penguatkuasaan>.

dalam penggunaan kamera perlu diberikan kepada jurugambar yang berkemahiran tinggi dalam menangkap gambar kes. Ini adalah bertepatan dengan perkara 5(d) ATP yang memperuntukkan bahawa memberi tanggungjawab khusus kepada pegawai tertentu untuk mengendalikan peralatan tersebut semasa tindakan penguatkuasaan sedang dijalankan.

Manakala di peringkat Cawangan Rekod dan Maklumat, tugas-tugas cawangan ini bertanggungjawab mengendalikan segala rekod dan maklumat yang diperolehi daripada pihak PPA yang melibatkan aktiviti pemeliharaan, penyimpanan, pemindahan dan pelupusan berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Arkib Negara. Fungsi-fungsi ini adalah menyediakan rekod maklumat (borang 5), mendaftarkan kes dengan dokumen yang lengkap ke dalam buku daftar kes, membuka fail siasatan, menyedia dan memantau sistem pangkalan data fail kes, menyediakan dan menyesuaikan statistik Kesalahan Jenayah Syariah di tiga Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), menyediakan rekod waran tangkap dan saman, dan menyediakan laporan tahunan bahagian.⁷

Di bahagian ini, pegawai yang diperuntukkan JAWI di cawangan ini adalah berjumlah 15 orang pegawai iaitu terdiri seorang ketua iaitu Penolong Kanan Pengarah Kanan Pegawai Hal Ehwal Islam berpangkat S44, dan dibantu oleh dua (2) orang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam berpangkat S17/22 dan 12 orang Pembantu Hal Ehwal Islam berpangkat S17/S22 di tempatkan di cawangan ini.

Dapatan yang diperolehi daripada Bahagian Sumber Manusia JAWI mendapati seramai 81 orang pegawai dilantik di pelbagai unit dalam Bahagian Penguatkuasaan JAWI adalah pelbagai taburan tugas pekerjaan. Oleh itu, bahagian ini yang diterajui oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Kanan Pegawai Hal Ehwal Islam yang berjawatan di bawah gred

⁷ Bahagian Penguatkuasaan JAWI dicapai pada 4/12/2015 <http://www.jawi.gov.my/my/bahagian-jawi-3/penguatkuasaan>.

52. Berdasarkan jumlah pegawai tersebut, Cawangan Pencegahan dan Operasi merupakan jumlah taburan pegawai yang paling ramai di tempatkan iaitu berjumlah 34 orang pegawai termasuk Ketua Penolong Pengarah dan Penolong Pengarah. Disusuli dengan Cawangan Siasatan berjumlah 21 orang pegawai termasuk seorang Penolong Pengarah Kanan dan Penolong Pengarah.

Seterusnya disusuli dengan Cawangan Risikan dan Sumber, pegawai yang ditempatkan di cawangan ini ialah berjumlah 15 orang pegawai termasuk seorang Penolong Pengarah Kanan, dan Penolong Pegawai dan masing-masing enam orang pegawai di Cawangan Pentadbiran dan empat orang pegawai dari Cawangan Rekod dan Maklumat yang diketuai seorang Penolong Pengarah Hal Ehwal Islam bagi setiap cawangan.

Justeru, penulis berpandangan bahawa taburan yang pelbagai di setiap cawangan adalah kerana bidang tugas yang diberikan begitu besar dan memerlukan pemerhatian ramai anggota. Contohnya di jabatan operasi anggota yang ditempatkan adalah ramai kerana tugas-tugas ialah untuk menjalankan operasi penguatkuasaan di luar. Berbanding pegawai ditempatkan di bahagian pentadbiran, tugas yang diberikan adalah berkaitan dengan tugas-tugas pengurusan pejabat seperti penyusunan fail, penyediaan borang-borang dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga gred jawatan lain seperti jurugambar, jurulukis plan latar kawasan siasatan, dan pemandu kenderaan.

4.2 KEPENTINGAN PENSTRUKTURAN SEMULA PENDAKWAAN SYARIE DI JAWI


Pada awal penubuhan JAWI pada 1 Februari 1974, JAWI dikenali sebagai Urusetia majlis pada ketika itu diuruskan oleh beberapa orang pegawai termasuk pegawai pendakwa. Walau bagaimanapun, pada 1 November 2016, Bahagian Pendakwaan telah ditubuhkan sebagai Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Idea asal penubuhan jabatan ini adalah hasil dari cetusan idea Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menyatakan hasratnya di dalam Mesyuarat Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-51 pada 25 Mei 2010 supaya Bahagian Pendakwaan Syariah di Jabatan Agama Islam negeri-negeri ditubuhkan sebagai sebuah jabatan tersendiri dan terpisah daripada Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.⁸

Selanjutnya objektif pengasingan Bahagian Pendakwaan Syariah adalah selaras dengan agenda dalam program Tranformasi Kerajaan (GTP) yang mensasarkan objektifnya untuk mentransformasikan kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam panyampaian perkhidmatan dan betanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat.

⁸ Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan dicapai pada 14/8/2018 [Https://Ms.Wikipedia.Org/Wiki/Jabatan_Pendakwaan_Syariah_Wilayah_Persekutuan](https://Ms.Wikipedia.Org/Wiki/Jabatan_Pendakwaan_Syariah_Wilayah_Persekutuan).

Carta 4.2: Pengurusan Tertinggi Bahagian Penyelarasan Undang-undang JAKIM



Sumber: dari laman web rasmi JAKIM: <http://www.islam.gov.my/bahagian-penyalarasundang-undang/455-carta-organisasi> dicapai pada 25/7/2018.

Selanjutnya, bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk sentiasa peka terhadap kemaslahatan umum dengan memenuhi maqasid syariah dalam pelaksanaan setiap dasar yang dibuat. Penubuhan JAPENSWP merupakan langkah yang tepat bagi mencapai matlamat tersebut.

Oleh itu, tujuan utama penubuhan jabatan ini ialah untuk menyelesaikan isu doktrin pengasingan kuasa di antara kuasa perundangan, kehakiman dan eksekutif. Selain itu, penubuhan JAPENSWP adalah salah satu langkah memantapkan kedudukan institusi perundangan di Malaysia, mempertingkatkan imej, kecekapan dan keberkesanan dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan peningkatan kadar jenayah syariah di Wilayah Persekutuan.⁹

⁹ Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan dicapai pada 14/8/2018 [Https://Ms.Wikipedia.Org/Wiki/Jabatan_Pendakwaan_Syariah_Wilayah_Persekutuan](https://Ms.Wikipedia.Org/Wiki/Jabatan_Pendakwaan_Syariah_Wilayah_Persekutuan).

Selain itu, pengasingan ini juga adalah wajar dilakukan kerana bahagian pendakwaan yang diketuai oleh Ketua Pendakwa Syarie. Hal ini kerana sebelum pengasingan ini diwujudkan, peranan bahagian pendakwaan ini secara amalannya agak terbatas dan tidak menepati konsep keadilan yang sebenarnya. Ini adalah akibat dari pendakwa syarie diletakkan di bawah bahagian penguafkuasa dan di bawah kawalan pengarah Jabatan Agama Islam negeri dan kuasa pendakwa syarie merupakan kuasa utama dalam menentukan sesuatu kes yang sedang dijalankan.¹⁰ Kesannya berlakulah pertembungan bidangkuasa di antara pendakwa syarie dengan ketua pengarah JAWI untuk menyelesaikan sesuatu kes.

Seksyen berkenaan Kuasa Ketua Pendakwa Syarie ini ditekankan lagi dalam subseksyen 58 (2) yang menyatakan bahawa:

"Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi mulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah."

Hal ini menunjukkan bahawa bidangkuasa pendakwa syarie dalam prosiding perbicaraan di Mahkamah Syariah adalah luas dan bebas. Tetapi sebelum pengasingan ini berlaku, isu yang dihadapi ialah sama ada seorang suspek itu wajar diheret ke mahkamah untuk dibicarakan bagi kes jenayah syariah. Perkara tersebut hanya boleh diputuskan oleh Ketua Pendakwa Syarie sahaja, bukannya orang lain (misalnya oleh Pengarah Jabatan Agama Islam negeri).

¹⁰ Salleh Buang, "Mantapkan Institusi Pendakwaan Syariah Negeri", dicapai pada 13/8/2018 http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1105&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_07.htm.

Walau bagaimanapun, sekiranya seorang tertuduh itu telah diheret ke mahkamah dan telah mula dibicarakan, Ketua Pendakwa Syarie boleh (jika dia mahu) memaklumkan kepada mahkamah bahawa beliau tidak berhajat meneruskan prosiding jenayah tersebut.¹¹

4.3 PERTIMBANGAN UNTUK MENDAKWA

Dalam mempertimbangkan sesuatu kes pendakwaan, Pendakwa Syarie perlulah merujuk kepada prinsip-prinsip berikut, iaitu a) *prime facie* kes, b) kepentingan awam dan c) kebolehterimaan pengakuan (*confession*) keterangan lain.

a) Prima facie perlulah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i) Keterangan telah ditapis;
- ii) Keterangan telah melalui proses penilaian;
- iii) Keterangan mencukupi untuk mensabitkan kes; dan
- iv) Saksi-saksi yang kompeten, berkredibiliti dapat dibawa ke Mahkamah.

b) Kepentingan awam terhadap kesalahan jenayah syariah yang dilakukan seperti berikut:

- i) Keseriusan kes tersebut;
- ii) Terdapat faktor keringanan (*mitigating*) atau pemberatan (*aggravating*);

¹¹ Salleh Buang, “Mantapkan Institusi Pendakwaan Syariah Negeri”, dicapai pada 13/8/2018 http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1105&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_07.htm.

- iii) Usia muda, kecerdikan, tiada cacat akal, sihat fizikal kepada tertuduh dan saksi tertuduh;
- iv) Latar belakang dan riwayat hidup tertuduh;
- v) Tahap keterlibatan tertuduh atau kaitannya dengan kesalahan yang dilakukan; dan
- vi) Kesan kesalahan terhadap agama, ketenteraman awam dan moral atau akhlak masyarakat serta imej PPA.

c) **Mengambil kira kebolehterimaan pengakuan (*confession* dan keterangan lain:-**

- i) Terdapat keterangan pada diri tertuduh sendiri.
- ii) Terdapat dokumen-dokumen yang menyokong; dan
- iii) Tidak terdapat unsur-unsur paksaan.

Masalah yang dihadapi bagi menyempurnakan prosedur-prosedur tersebut ialah keterangan-keterangan yang diterima yang dilaporkan oleh ketua siasatan adalah tidak lengkap kerana kurangnya kemahiran dalam menyediakan dan menulis kertas siasatan yang lebih sistematik dan berkesan. Ini menyebabkan sesuatu kes tersebut tidak dapat dibicarakan dengan kadar segera. Mereka yang dilantik sebagai Ketua Siasatan adalah dari kalangan pegawai Hal Ehwal Islam berlatarbelakangkan pendidikan yang berlainan.¹²

Oleh itu, pihak pengurusan JAWI telah memyediakan kursus-kursus penyediaan kertas siasat dan pendakwaan terhadap pegawai-pegawai di bahagian penguatkuasa agama

¹² Zusyarahain Yusoff (Mantan Pendakwa Syarie, Jabatan Agama Islam Selangor), dalam temu bual beliau bersama penulis melalui telefon pada 23 Julai 2018.

dan bahagian pendakwaan syarie. Kursus ini diadakan di setiap negeri untuk memantapkan lagi kemahiran pegawai-pegawai tersebut. Ini memberi peluang dan pendedahan kepada pegawai-pegawai tersebut untuk menyediakan sesuatu kertas siasatan yang lebih berkesan.¹³

Selain itu, bagi kes ajaran sesat, keterangan dan barang-barang kes yang disita yang telah diletakkan di bawah pengawasan dan simpanan pihak PPA menghadapi masalah kerana data-data yang terdapat dalam barang-barang elektronik tersebut telah dilupuskan lebih awal oleh tertuduh sebelum diberkas. Ini kerana bagi kes-kes ajaran sesat, didapati terdapat juga barang-barang sitaan yang tidak menunjukkan sebarang bukti yang menunjukkan seseorang individu itu terlibat dengan dakyah ajaran sesat.

4.4 KOLABORASI DI ANTARA KETUA PEGAWAI SIASATAN DAN PENDAKWA SYARIE DALAM PENYEDIAAN DAN PENYEMAKAN KERTAS SIASAT KES AJARAN SESAT

Kolaborasi adalah sangat penting bagi memastikan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah, terutamanya bagi kes ajaran sesat. Pada asasnya bagi kes ajaran sesat, kes yang disabitkan ke atas tertuduh ialah kesalahan-kesalahan boleh tangkap.¹⁴ Proses penyediaan kertas siasatan akan disediakan oleh pegawai penyiasat yang menjalankan operasi penguatkuasaan bagi kes ajaran sesat. Setelah mendapat arahan daripada Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama (KPPA) dan setelah maklumat mengenai kesalahan-kesalahan tersebut dilaporkan kepada Ketua Pendakwa Syarie (KPS).¹⁵

¹³ Zusyarahain Yusoff (Mantan Pendakwa Syarie, Jabatan Agama Islam Selangor), dalam temu bual beliau bersama penulis melalui telefon pada 23 Julai 2018.

¹⁴ Kesalahan boleh tangkap ialah kesalahan bermaksud sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh satu (1) tahun atau lebih yang baginya pada lazimnya PPA atau pegawai polis boleh menangkap dengan waran.

¹⁵ Seksyen 12(b) ATP.

Kertas siasatan yang disediakan oleh pegawai penyiasat perlulah membuat laporan secara bertulis sepanjang tempoh siasatan berjalan dengan mencatatkan prosiding siasatan mengikut urutan tarikh dan masa yang tertera di dalam buku harian penyiasat¹⁶ dan mengikut butiran-butiran yang diperuntukkan di bawah Seksyen 12 (e) seperti berikut:¹⁷

- i) Borang 5 dan perintah atau arahan menyiasat;
- ii) Laporan polis;
- iii) Waran geledah (jika ada);
- iv) Senarai atau borang sitaan;
- v) Butir-butir diri orang yang hendak disiasat;
- vi) Senarai barang kes;
- vii) Rakaman percakapan saksi;
- viii) Ringkasan fakta kes;
- ix) Catatan harian pegawai penyiasat
- x) Pelan lokasi, gambar, pelan lakar, laporan pakar (jika ada) dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

Bagi memastikan, kertas siasatan tersebut lengkap dan teratur, pegawai penyiasat perlu membuat semakan sebelum di hantar ke Pendakwa Syarie untuk tindakan

¹⁶ Seksyen 12(f) ATP.

¹⁷ Seksyen 12(e) ATP.

selanjutnya.¹⁸ Manakala pendakwa syarie perlulah menyemak kertas siasatan yang telah diserahkan oleh KPPA. Semakan tersebut ialah melibatkan perkara-perkara berikut:¹⁹

8(1) Pendakwa syarie hendaklah:

a) Meneliti serta menyemak kertas siasatan yang mengandungi perkara-perkara berikut:-

- i. salinan pengenalan diri orang yang disyakki;
- ii. perintah untuk menyiasat daripada KPS (bagi kes saman);
- iii. borang maklumat kepada PPA;
- iv. pernyataan dalam pemeriksa orang yang disyakki;
- v. laporan tangkap;
- vi. laporan operasi;
- vii. pernyataan dalam pemeriksaan saksi;
- viii. laporan penyiasatan PPA;
- ix. senarai barang yang disita;
- x. buku laporan operasi; dan
- xi. lain-lain dokumen yang berkaitan.

Sekiranya satu-satu kertas siasatan tersebut tidak lengkap, pihak pendakwa syarie perlu mengembalikan semula kertas siasatan kepada pegawai penyiasat untuk

¹⁸ Seksyen 17 ATP.

¹⁹ Seksyen 8(1) Arahan Tetap Ketua Pendakwa Syarie.

dilengkapkan.²⁰ Tempoh yang ditetapkan bagi penghantaran semula kertas siasatan yang dipulangkan adalah dengan kadar segera untuk memastikan pihak pendakwa syarie dapat mengemukakan permohonan kepada hakim pendaftaran kes ajaran sesat tersebut.

Seterusnya, keputusan sama ada untuk mendakwa sesuatu kes atau tidak adalah satu langkah yang amat penting dalam proses pendakwaan. Ini kerana tidak semua kes yang disediakan oleh Pegawai Penyiasat berakhir dengan pendakwaan. Pertimbangan yang wajar perlu diberikan kepada kepentingan pengadu, orang yang disyaki dan masyarakat seluruhnya bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah betul dan tepat. Hakikatnya, dalam membuat keputusan sama ada untuk menjalankan atau membatalkan sesuatu prosiding, ia tidak boleh berlaku sewenang-wenangnya. Keputusan tersebut lazimnya tertakluk kepada hasil siasatan yang ada yang telah dikemukakan oleh Unit Siasatan atau Bahagian Penguatkuasaan jabatan agama negeri.²¹

Di samping itu, kuasa-kuasa yang ada pada seorang Ketua Pendakwa Syarie juga adalah termasuk memberi keizinan untuk memulakan pendakwaan terhadap kes-kes tertentu seperti peruntukan di bawah seksyen 73 APJS menyatakan dan menekankan bahawa “Tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah seksyen 4 (kesalahan doktrin palsu), 9 (kesalahan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama), atau 12 (kesalahan pendapat yang bertentangan dengan fatwa), AKJS boleh dimulakan kecuali dengan keizinan Ketua Pendakwa Syarie”.²²

²⁰ Seksyen 8(2) Arahan tetap Ketua Pendakwa Syarie.

²¹ Mohd Farok Mat Nor, Mohamad Hafifi Hassim, Nor ‘Adha Ab Hamid, Azizah Mat Rashid dan Maffuza Salleh, “Badan Penguatkuasa Jenayah Syariah Negeri Pahang: Satu Sorotan dan Cadangan Penambahbaikan” (3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (3rd MFIFC) Shah Alam, pada 15 November 2017), hlm, 181.

²² Mohd Farok Mat Nor, Mohamad Hafifi Hassim, Nor ‘Adha Ab Hamid, Azizah Mat Rashid dan Maffuza Salleh, “Badan Penguatkuasa Jenayah Syariah Negeri Pahang: Satu Sorotan dan Cadangan Penambahbaikan” 181.

Kekangan yang lazim dihadapi semasa melaksanakan proses ini ialah penyediaan laporan kertas siasatan ini tidak dilakukan dengan kadar segera disebabkan kesukaran untuk mengeluarkan data-data yang terdapat dalam komputer riba dan telefon bimbit yang memerlukan perkhidmatan agensi lain, iaitu pihak SKMM untuk mengeluarkan data-data tersebut. Bagi mendapatkan kelulusan pengeluaran data-data dari barang-barang ini mengambil masa sekurang-kurangnya tiga bulan untuk dikeluarkan.

Selain itu, pihak tertuduh juga telah gagal untuk menghadirkan diri ke Mahkamah Syariah untuk memulakan prosiding pendakwaan. Manakala data dan maklumat peribadi saksi-saksi yang akan dibawa ke mahkamah juga sukar untuk dikesan. Dalam hal yang lain, terdapat juga tertuduh yang telah melarikan diri ke kawasan lain tanpa memaklumkan kepada pihak pendakwaan. Faktor-faktor ini akan melambatkan lagi proses pendakwaan dan perbicaraan selanjutnya.²³ Akibatnya kes tersebut tidak dapat diputuskan dan dihakimi dengan kadar segera.

Selajutnya, bagi kesalahan ajaran sesat yang telah difaiklan di Mahkamah Syariah Kuala Lumpur, tidak mempunyai satu peruntukan khusus dan unit khas untuk menempatkan individu-individu yang terlibat dengan ajaran sesat ini untuk memperbaiki akidah. Tidak seperti kesalahan-kesalahan jenayah sivil, tertuduh-tertuduh akan di tempatkan di lokap-lokap balai polis sebelum dibicarakan.²⁴

4.5 CABARAN PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG BAGI KESALAHAN AJARAN SESAT

Statistik yang diperolehi daripada PPA JAWI dan pegawai mahkamah mendapati kes ajaran sesat di Kuala Lumpur dari tahun 2013 hingga 2016 adalah berjumlah lima kes sahaja yang

²³ Zusyarahain Yusoff (Mantan Pendakwa Syarie, Jabatan Agama Islam Selangor), dalam temu bual beliau bersama penulis melalui telefon pada 23 Julai 2018.

²⁴ Zusyarahain Yusoff (Mantan Pendakwa Syarie, Jabatan Agama Islam Selangor), dalam temu bual beliau bersama penulis melalui telefon pada 23 Julai 2018.

didaftarkan berdasarkan rekod dari Jabatan Penguatkuasaan JAWI. Ia termasuklah kes ajaran Millah Abraham. Berdasarkan kes ini, bahagian penguatkuasaan telah merekodkan bahawa PPA telah menjalankan tiga kali tangkapan dan serbuan dilakukan sepanjang akhir tahun 2015 ke 2016 yang lalu iaitu pada 3/11/2016, 20/10/2015 dan terakhir pada 1/2/2016. Justeru, tangkapan paling ramai yang direkodkan adalah pada 1/2/2016 iaitu seramai 57 orang individu ditahan di sebuah premis kerana disyaki menjalankan aktiviti-aktiviti ajaran sesat.

Analisis yang telah dibuat cabaran yang dihadapi oleh PPA dalam menjalankan penguatkuasaan bagi kes ajaran sesat terbahagi kepada tiga kategori sepertimana berikut:

- i. Pentadbiran dan organisasi.
- ii. Penguatkuasaan
- iii. Teknikal penguatkuasaan dan pengumpulan bahan-bahan bukti

4.5.1 Pentadbiran dan Organisasi pegawai

Bagi cawangan pentadbiran, seramai enam orang pegawai ditempatkan di cawangan tersebut, yang diketuai Penolong Pengarah, dan masing-masing satu bagi jawatan Penolong Pegawai Tadbir, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Awam, Pembantu Operasi dan Pegawai Khidmat Pelanggan. Seterusnya bagi cawangan Pencegahan dan operasi, didapati seramai 34 anggota ditempatkan di cawangan tersebut, yang diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah dan Penolong Pengarah serta dibantu oleh seorang pembantu Hal Ehwal Islam pangkat S22, 20 orang daripada Pegawai Hal Ehwal Islam pangkat S17/S22, empat orang jurugambar, dan empat orang pemandu di cawangan tersebut.

Selain itu, Cawangan Rekod & Maklumat, di cawangan ini diketuai oleh seorang penolong pengarah, dan dibantu oleh tiga orang pegawai dari jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi). Manakala bagi cawangan Siasatan, diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah, lima orang Penolong Pengarah, seorang Penolong Pegawai, dua orang Pembantu Hal Ehwal Islam dari pangkat S22 dan 12 orang pembantu Hal Ehwal Islam S17/S22. Seterusnya bagi, Cawangan Risikan & Sumber, diketuai oleh Seorang Pengarah Kanan, pegawai Hal Ehwal Islam, dua orang Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam dan 12 orang Pembantu Hal Ehwal Islam pangkat S17/S22. Taburan pegawai menunjukkan bahawa di Cawangan Pencegahan dan Operasi adalah paling ramai pegawai yang ditempatkan. Cawangan ini merupakan satu unit yang sangat penting untuk menjalankan operasi penguatkuasaan di premis atau tempat-tempat sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Seterusnya setiap pegawai yang dilantik ke dalam bahagian penguatkuasaan ini adalah dari jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam. Pegawai tersebut akan diberikan pendedahan yang mendalam dalam proses penguatkuasaan bagi kesalahan ajaran sesat. Ini adalah kerana terdapat dalam kalangan pegawai penguatkuasa yang dilantik adalah daripada latar belakang pendidikan yang berbeza. Ditambah lagi dengan pembantu hal ehwal Islam yang dilantik dari kalangan mereka yang berpendidikan lepasan SPM atau diploma. Tetapi kursus yang dianjurkan adalah tidak diwajibkan. Tidak seperti pegawai polis, skim perkhidmatan yang berlainan dan mereka yang hendak memasuki perkhidmatan ini, diwajibkan menghadiri kursus di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) negeri-negeri.

Penulis berpendapat, masalah yang dihadapi ialah pegawai yang dilantik di JAWI akan dipindahkan ke jabatan lain dalam tempoh dua tahun sekali, pegawai yang diberi latihan dan bertugas di bahagian penguatkuasaan tidak terkecuali untuk dipindahkan ke

bahagian-bahagian lain di JAWI atau dipindahkan kepada jabatan-jabatan agama Islam negeri lain. Pemindahan ini menyebabkan berlakunya masalah kekurangan tenaga kerja yang memiliki pengetahuan mendalam berkenaan tugas penguatkuasaan khususnya di JAWI.

Hal ini sangat penting kerana mereka yang dilantik mempunyai tugas dan tanggungjawab bagi memastikan kejayaan sesuatu kes, terutamanya dalam pendakwaan kes ajaran sesat di mahkamah. Sekiranya pegawai ini sering bertukar-tukar ke bahagian lain, akibatnya pihak pengurusan perlu menambahkan dana yang sedia ada untuk memberikan kursus dan latihan tambahan yang baru terhadap pegawai-pegawai baru yang dilantik ke jabatan penguatkuasaan ini.

4.5.2 Penguatkuasaan

Berdasarkan kepada temu bual bersama pegawai penguatkuasaan agama,²⁵ antara cabaran yang dihadapi oleh PPA ialah kesukaran mendapatkan maklumat yang jelas sewaktu proses risikan. PPA akan menghantar pegawai risikan untuk melihat dan memberikan gambaran yang jelas berkenaan modus operandi yang dijalankan oleh sesuatu ajaran sesat. Maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat perlulah jelas dan nyata. Jika pemberi maklumat tidak mengemukakan maklumat yang lengkap dan nyata, maka ia akan menyukarkan pegawai risikan untuk menjalankan tindakan selanjutnya. Kesan ini juga membawa kepada masalah pembuktian di peringkat yang seterusnya, iaitu peringkat pendakwaan di Mahkamah Tinggi Syariah.

²⁵ Ruslida Rusli (Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Februari 2016.

Ditambah lagi ahli keluarga tidak memberi kerjasama yang baik dengan pegawai penguatkuasa agama. Dalam kes tertentu, terdapat dalam kalangan ahli keluarga tertuduh yang merahsiakan dan menyembunyikan maklumat tersebut.

Seterusnya, bagi memastikan semua tertuduh hadir ke mahkamah, pihak bahagian penguatkuasaan JAWI perlu menyediakan satu kad lapor diri orang kena tuduh yang perlu dibawa bersama sepanjang proses pendakwaan dijalankan. Kad lapor diri tersebut perlu mendapatkan tandatangan pegawai penguatkuasa agama. Jika tertuduh didapati gagal, abai dan cuai untuk menghadirkan dari ke mahkamah syariah maka tertuduh boleh disabitkan kesalahan menghina mahkamah dibawah seksyen 210 ATJSWP.²⁶ Ditambah lagi dengan bebanan bagi seseorang PPA untuk menjalankan tugas sekiranya tertuduh melarikan diri ke negeri lain.

Hal ini dapat diselesaikan dengan menyerahkan dan memohon bantuan pegawai penguatkuasa di negeri yang dikesan tertuduh berada. Oleh itu, pihak mahkamah akan mengeluarkan waran tangkap terhadap mereka yang berbuat demikian dan memohon bantuan daripada PPA di negeri-negeri yang disyaki tertuduh melarikan diri.

Operasi bagi kes ajaran kes ajaran sesat diketuai oleh seorang ketua operasi atau pengurus operasi yang terdiri daripada penolong PPA dan dibantu oleh kumpulan sokongan yang terdiri daripada seorang jurulukis plan, jurugambar, penyita dan pencatat. Pegawai-pegawai yang terlibat dalam menjalankan tugas penyiasatan tersebut akan dipanggil sebagai saksi utama ketika perbicaraan di Mahkamah Syariah.²⁷

²⁶ Seksyen 210, kesalahan menghina mahkamah: Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa untuk menghukum mana-mana orang yang melakukan suatu penghinaan Mahkamah dengan hukuman denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit.

²⁷ Ruslida Rusli (Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Februari 2016.

Seterusnya, PPA perlu memastikan dan membuat arahan supaya individu yang terlibat dengan kesalahan ajaran sesat dikumpulkan dan diarahkan supaya duduk di tempat asal semasa diberkas.²⁸

Seterusnya, kesalahan ajaran sesat ini sukar dikesan memandangkan mereka tidak mengamalkan apa-apa ritual atau pergerakan yang boleh memperlihatkan seseorang itu terlibat dengan ajaran sesat. Keadaan ini menyukarkan pihak penguatkuasa agama untuk menentukan sesuatu ajaran sesat itu kerana tiada bukti dari segi penyembahan berhala, dan apa-apa perlakuan yang mengambarkan mereka keluar daripada Islam. Kes ajaran ini adalah melibatkan pemikiran dan ideologi seseorang individu.

4.5.3 Teknikal penguatkuasaan dan pengumpulan bahan bukti

Berdasarkan kepada bidang kuasa teknikal, pegawai risikan akan bersama-sama dengan seorang jurugambar dan pencatat untuk mendapatkan gambaran sebenar kejadian tempat yang disyaki menjalankan amalan-amalan sesat di premis yang diadukan. Bagi tugas-tugas menangkap gambar, ketua operasi akan membuat analisis setiap gambar yang diambil oleh jurugambar yang dilantik.

Seterusnya cabaran yang dihadapi oleh PPA adalah untuk mengumpulkan bahan-bahan bukti dalam kes ajaran sesat. Kebanyakan daripada kes yang dikendalikan melibatkan barang-barang sitaan seperti alat telekomunikasi, laptop, komputer, pendrive dan *hard disk*. Cabaran yang dihadapi ialah segala data-data dalam alat telekomunikasi tersebut dipadam terlebih awal sebelum bahan tersebut dirampas. Seterusnya, data-data yang terdapat dalam alat telekomunikasi yang disita perlu dibawa ke pihak SKMM untuk tujuan mendapat pengesahan data-data yang dikeluarkan. Masalah yang dihadapi adalah

²⁸ Ruslida Rusli (Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Februari 2016.

tempoh untuk mengeluarkan dokumen dan kelulusan daripada SKMM mengambil masa yang lama. Ini menyebabkan perjalanan prosiding perbicaraan di Mahkamah Syariah tidak berjalan dengan lancar.

Cabarannya seterusnya, bagi kesalahan-kesalahan berkaitan dengan ajaran sesat, kebanyakan ajaran ini menggunakan teori akal bagi menguatkan pengaruh berkaitan dengan ajaran tersebut adalah benar. Tetapi tidak banyak bahan-bahan bukti yang boleh mensabitkan individu dan kumpulan tersebut dengan kesalahan ajaran sesat. Ia dilaksanakan secara tersembunyi dan kadang kala ajaran-ajaran sesat tersebut telah meresap dalam teori Islam yang sebenar.

Ia tidak seperti kesalahan-kesalahan berkaitan dengan murtad. Kesalahan murtad boleh dilihat dan disabitkan bersalah dari bukti seseorang melakukan apa-apa amalan yang jauh berlawanan dengan ajaran Islam seperti melakukan apa-apa ritual keagamaan lain seperti menyembah berhala, mengamalkan sistem-sistem agama lain dan ada juga yang berikrar secara terbuka seseorang itu telah keluar Islam. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kes Kamariah Ali yang telah mengaku keluar dari Islam.²⁹

4.6 PENAMBAIKAN PERUNTUKAN DALAM PENGAPLIKASIAN UNDANG-UNDANG BAGI KES AJARAN SESAT

Dalam mengenal pasti potensi penambakan penguatkuasaan kesalahan ajaran sesat dalam kalangan PPA, penulis telah mengadakan beberapa siri temu bual bersama tiga orang pegawai JAWI dari Cawangan Penguatkuasaan. Metode temu bual yang dijalankan terhadap mereka dengan cara metode soalan temu bual secara semi-struktur.

²⁹ Kamariah Bte Ali lwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia & Satu lagi dan Rayuan yang lain [2012] 4 CLJ 761.

Mereka telah bersetuju untuk bekerjasama untuk membantu penulis untuk mendapatkan maklumat terkini berkenaan dengan status terkini berkaitan cawangan penguatkuasaan di JAWI dari segi jumlah peagawai, proses penguatkuasaan, sehinggalah kepada proses pengurusan kes. Di samping itu, mereka telah memberikan kerjasama yang baik semasa proses temu bual dijalankan.

4.6.1 Kesukaran Mendapatkan Bahan Bukti

Merujuk kepada temu bual yang dijalankan bersama penolong penguatkuasa agama JAWI menyatakan bahawa bukti untuk menunjukkan inividu yang terlibat dengan ajaran sesat. Dalam aspek kesalahan berkaitan dengan akidah, kesukaran yang ketara dihadapi ialah dalam mendapatkan bukti dan saksi untuk mengaitkan sesuatu kesalahan itu dengan orang yang disyaki. Dalam banyak keadaan, maklumat diperolehi adalah daripada bekas ahli atau pengikut sesuatu yang telah meninggalkan kumpulan ajaran sesat tersebut. Kesannya, waktu yang khusus sesuatu ritual amalan sesat yang dilakukan tidak dapat dipastikan kesahihannya.

Dalam keadaan lain, wujudnyakekangan masa yang telah ditetapkan di bawah peruntukan undang-undang yang hanya memberikan tempoh masa 24 jam sahaja kepada PPA untuk melakukan tahanan reman terhadap suspek menyebabkan siasatan terhadap kes sebegini tidak dapat dilakukan dengan jayanya. Ini dapat dibuktikan apabila masyarakat tertanya-tanya kenapa orang seperti “Ayah Pin” iaitu Kerajaan Langit tidak ditangkap sehingga kini, biarpun dipercayai berada di ibu negara.³⁰

³⁰ Siti Zubaidah Ismail, “Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis,” *Jurnal Syariah*, vol. 16, no. 3 (2008), 539.

4.6.2 Kemahiran dan Pengalaman PPA

Selain itu, masalah lain ialah kredibiliti PPA sendiri dari segi kekurangan pemahaman dan latihan tentang undang-undang yang dikuatkuasakan, terutamanya yang baru dilantik memegang jawatan tersebut. Pegawai yang berpengalaman pula bertukar kerja ke bahagian lain kerana memohon kenaikan pangkat atau ditukarkan. Hal ini menyebabkan segala kemahiran dan pengalaman bahan bukti tidak dapat dikembangkan dan disampaikan secara mendalam kerana pertukaran tersebut dilakukan dalam tempoh yang singkat.³¹

Seterusnya, kuasa menangkap yang diberikan adalah berbeza, terdapat negeri yang tidak memberikan kuasa kepada pegawai penguatkuasa. Justeru, bilangan anggota penguatkuasa yang ada tidak mampu untuk membuat penguatkuasaan undang-undang³² dan ketiadaan perintah reman ke atas tertuduh menyebabkan siasatan tidak dapat disempurnakan dengan baik, terutamanya bagi kes-kes tangkapan yang melibatkan ajaran sesat, pemujaan, pelacuran, murtad dan lain-lain.³³

Peruntukan sedia ada menggambarkan bahawa kes-kes tangkapan hendaklah dihadapkan terus ke mahkamah dalam tempoh 24 jam (tidak termasuk masa yang perlu bagi perjalanan dari tempat penangkapan ke mahkamah), tetapi dari segi amalannya agak sukar untuk dilaksanakan. Menghadapkan tertuduh ke mahkamah bersama fakta kes dan dokumen yang lengkap adalah prosedur penting di peringkat pendakwaan. Menjadi polisi siasatan dan pendakwaan bahawa orang yang menangkap tidak boleh merakamkan siasatan

³¹ Siti Zubaidah Ismail, "Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis," 539.

³² Rahimin Bani, "Proses Tangkapan Bagi Kesalahan-Kesalahan Jenayah Syariah," dalam *Pendakwaan Dan Penyiasatan: Konsep Dan Amalan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (Kuala Lumpur: IKIM, 2003), 164.

³³ Rahimin Bani, "Proses Tangkapan Bagi Kesalahan-Kesalahan Jenayah Syariah," 164-165.

ke atas tertuduh sedangkan untuk mendapatkan pegawai penyiasat yang tidak terlibat dengan tangkapan, memerlukan tempoh masa yang agak panjang.³⁴

Tangkapan yang melibatkan pesalah wanita perlu kepada anggota penguatkuasa wanita. Ini selaras dengan kehendak syarak serta bagi mengelak daripada berlakunya tohmahan di pihak penguatkuasa lelaki. Permasalahan di sini adalah tidak terdapat anggota penguatkuasa wanita yang mencukupi atau anggota polis wanita yang mengiringi gerakan operasi tangkap yang dilakukan.³⁵

Lanjutan dari masalah yang dinyatakan sebelum ini, pegawai pemetaan yang dilantik dari kalangan pegawai penyiasat. Tugas mereka adalah untuk menjalankan pemetaan kawasan yang disyaki sedang berlakunya aktiviti ajaran sesat dengan menjalankan tugas melakar, merakam, menangkap gambar dan memastikan setiap tertuduh yang didakwa perlu berada di kawasan tersebut untuk tujuan pengecaman kawasan.³⁶

Tugas mereka juga tidak ketinggalan menghadapi masalah dalam menjalankan tugas-tugas pemetaan di kawasan tersebut dan tertuduh perlu berada di tempat yang sama di JAWI dengan keadaan dan keberadaan tertuduh di tempat yang diserbu tersebut. Jika pegawai tersebut gagal untuk membuat pemetaan maklumat iaitu bermaksud gagal membuat penjelasan lanjut maklumat kes dengan teliti. Hal ini boleh membawa kepada keraguan dan kesamaran dalam proses pendakwaan seterusnya di Mahkamah Syariah kemudiannya dan mencacatkan bukti-bukti yang dikemukakan oleh pihak pendakwa syarie.

Jika berlakunya ketidak seragaman tempat duduk semasa tangkapan dilakukan terhadap tertuduh, kesannya adalah menyukarkan pihak PPA menjalankan siasatan

³⁴ Rahimin Bani, "Proses Tangkapan Bagi Kesalahan-Kesalahan Jenayah Syariah," 165.

³⁵ Rahimin Bani, "Proses Tangkapan Bagi Kesalahan-Kesalahan Jenayah Syariah," 165.

³⁶ Ruslida Rusli (Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Februari 2016.

seterusnya. Hal ini terjadi sekiranya sekiranya PPA menahan ramai tertuduh dalam-satu-satu masa operasi yang dijalankan.

Dalam perkembangan dunia yang mencabar, PPA sering terdedah dengan pelbagai ancaman. Tidak semestinya pihak polis sentiasa mengiringi pegawai penguatkuasa ketika operasi atau membuat tangkapan. Justeru, pemberian kuasa kepada PPA menggunakan senjata api bagi mempertahankan diri daripada ancaman perlu diluluskan.³⁷

Justeru, pihak atasan di Jabatan Penguatkuasaan sedang berusaha untuk mengekalkan PPA yang sedia ada dengan mereka dengan mengadakan sesi rundingan bersama pegawai atasan JAWI untuk tujuan mengekalkan PPA tanpa perlu berpindah ke Jabatan bagi membincangkan berkenaan perpindahan di jabatan siasatan ke jabatan lain. Ini adalah kerana banyak masalah yang dihadapi sekiranya pertukaran tersebut dilakukan.³⁸ Penulis juga telah mendapatkan pandangan dari seorang pegawai polis, menyatakan bahawa kes-ajaran sesat pada masa kini diletakkan di bawah bidangkuasa pegawai polis di bawah kesalahan menggugat keselamatan negara.

4.7 KESIMPULAN

Hasil kajian yang diperolehi dari metode temu bual secara semi struktur dan perhatian di Mahkamah Syariah dalam kes Millah Abraham menunjukkan bahawa bagi kes ajaran sesat, PPA perlu memahami secara mendalam semua prosedur yang telah ditetapkan dalam Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997). Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan merupakan dua badan yang saling memerlukan di antara satu sama lain. Kerjasama yang erat di antara kedua-dua bahagian ini mampu meningkatkan kelancaran proses penguatkuasaan, terutamanya bagi kes ajaran sesat.

³⁷ Rahimin Bani, "Proses Tangkapan Bagi Kesalahan-Kesalahan Jenayah Syariah," 165.

³⁸ Ruslida Rusli (Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Februari 2016.

Selain itu, PPA juga perlulah mahir mengenai undang-undang iaitu undang-undang jenayah syariah, tatacara dan keterangan. Pemahaman menangani undang-undang berkenaan dapat dipermudahkan dengan adanya dasar pendakwaan dan penguatkuasaan yang berkesan dan bersistematik selain pihak Jabatan Agama Islam Negeri meletakkan carta prospek kerja di laman-laman web Jabatan Agama Islam Negeri. Tidak lain dan tidak bukan adalah bertujuan untuk menangani beberapa kekurangan yang timbul dalam proses penguatkuasaan, antaranya pihak penguatkuasa agama kurang memahami prosedur penguatkuasaan yang telah diwartakan dalam akta serta memberikan kefahaman kepada masyarakat awam berkaitan dengan prosedur menjalankan sesuatu kes yang telah diadukan.

Ini adalah kerana, cabaran utama dalam menyelesaikan kes-kes ajaran sesat adalah terletak di bawah tanggungjawab oleh kakitangan di bahagian penguatkuasaan di JAWI, dan tidak ketinggalan juga bidang kuasa pendakwaan untuk memastikan kes tersebut diadili dengan sewajarnya.

Justeru, cabaran penguatkuasaan kes ajaran sesat adalah sukar dibuktikan kerana ketiadaan bukti yang kukuh untuk mensabitkan seseorang dengan kesalahan ajaran sesat, ini adalah kerana tiada barang bukti yang menunjukkan sesuatu ajaran dikategorikan sebagai sesat. Bukan seperti individu yang ingin keluar dari Islam yang ada menunjukkan bukti individu tersebut telah melakukan ritual agama lain seperti menyembah berhala, atau memakai sesuatu tanda menunjukkan seseorang itu masuk sesuatu agama lain.

Selain itu, bahan-bahan bukti yang lazim diperolehi adalah dari data-data melalui media telekomunikasi seperti komputer, komputer riba dan perbualan telefon. Malangnya ada dari mereka telah memusnahkan bukti tersebut apabila penguatkuasaan datang membuat serbuan di tempat yang disyaki sebagai sarang penyebaran ajaran sesat.

•

•

BAB KELIMA

BAB 5: KESIMPULAN DAN SARANAN

5.0 PENDAHULUAN

Dalam bahagian ini, penulis akan membahagikan kepada dua bahagian iaitu kesimpulan dan saranan. ; 5.1) kesimpulan dan 5.2) Saranan yang boleh penulis cadangkan berdasarkan tajuk kajian penulis iaitu: “Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Berkaitan Ajaran Sesat: Kajian Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” yang telah dibincangkan secara mendalam bermula dari konsep, prinsip undang-undang dan aplikasi penguatkuasaan undang serta penghakiman Hakim Mahkamah Syariah berkenaan kes ajaran sesat.

5.1 KESIMPULAN

Merujuk kepada Bab 2, dalam disertasi ini menerangkan berkennaan dengan konsep dan ciri ajaran sesat yang boleh dikenal pasti. Dalam bab ini dapat dilihat bahawa telah jelas menunjukkan bahawa ajaran Islam adalah apa-apa perbuatan dan iktikad yang bertepatan dengan sumber utama dan pegangan umat Islam yang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah Nabi serta berpegang dengan *Ahl Sunnah wa al-Jamā'ah*. Manakala bagi individu yang menjalankan aktiviti dan iktikad yang bertentangan dengan ajaran Islam dikira sebagai individu yang berpegang dengan ajaran sesat atau salah.

Apa yang menyebabkan seseorang itu terpengaruh dengan ajaran sesat adalah kurangnya pengetahuan agama dan ada yang merasakan ajaran Islam adalah menyusahkan dan membebankan berbanding amalan yang di ajar oleh guru-guru ajaran sesat. Jika dakyah ajaran sesat ini tidak dibendung dengan sebaik-baiknya, menyebabkan boleh membawa seseorang itu keluar dari Islam atau murtad. Ini dapat dilihat dalam kes Kamariah Ali yang mendakwa tertuduh dikatakan telah keluar dari Islam.

Seterusnya, bagi Bab 3, disertasi ini, penulis mengkaji berkenaan dengan peruntukan undang bagi kesalahan ajaran sesat, bidangkuasa, tatacara jenayah syariah dan prosedur penguatkuasaan kes ajaran sesat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam bab ini, penulis mendapati bahawa pihak penguatkuasa agama merupakan pegawai utama yang berperanan mengawal dan menyekat penyebaran ajaran sesat secara meluas ke masyarakat awam berdasarkan peruntukan tatacara yang telah diwartakan.

PPA mempunyai SOP yang lengkap bermula dari menerima maklumat, sehingga lah kes tersebut selesai, sama ada disabitkan bersalah ataupun sebaliknya. Walaupun terdapat peruntukan di bawah ATJSWP dan arahan tetap yang diperkenalkan oleh pihak JAKIM, namun masih timbul masalah dari segi penelitian dan pentafsiran frasa dalam akta tatacara jenayah kerana PPA yang dilantik adalah daripada pelbagai latarbelakang cabang ilmu pengetahuan.

Oleh sebab itu, pihak MAJWP telah memperkenalkan beberapa inisiatif, iaitu dengan mengadakan beberapa sesi bengkel dan seminar kepada PPA yang diwajibkan mereka untuk hadir. Ahli panel yang dipanggil merupakan dari kalangan mereka yang berpengalaman dan mahir dalam prosedur penguatkuasaan bagi kes ajaran sesat. Tujuannya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memberikan kefahaman yang mendalam berkenaan isu penguatkuasaan, prosedur dan amalan semasa. Melalui program-program sedemikian, PPA berpeluang untuk saling bertukar pandangan dan buah fikiran dengan skop dan tugas hakiki mereka.

Seterusnya, bab 4, disertasi ini, penulis telah membincangkan mengenai analisis cabaran penguatkuasaan semasa berkaitan ajaran sesat di JAWI. Kesimpulannya ialah, pada pandangan penulis, prosedur dan proses yang dijalankan bagi penguatkuasaan undang-undang bagi kes ajaran sesat, adalah dijalankan dengan baik dan berjalan dengan lancar

walaupun kekurangan kakitangan di bahagian penguatkuasa JAWI. Ini adalah hasil dari kerjasama dan kerja berpasukan yang ditunjukkan di antara pegawai penguatkuasa agama dengan agensi-agensi lain yang terlibat.

Hasil dari pemerhatian penulis, SOP yang diperkenalkan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa agama memberi banyak manfaat dan memberikan pencerahan kepada kakitangan penguatkuasa agama di JAWI. Namun, jika banyak prosedur yang perlu diikuti dan dipatuhi menyebabkan menyukarkan pihak penguatkuasa agama dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dengan sebaik-baiknya.

Hal ini dapat dilihat dalam isu penahanan tertuduh dalam tempoh 24 jam. Tempoh yang diberikan adalah sangat singkat. Pihak PPA perlu manjalan kan tugas-tugas dengan kadar segera sekiranya penyiasatan dan tangkapan tertuduh dalam kuantiti yang ramai. Jika ini berlaku, memberikan peluang kepada tertuduh lambat mensabitkan perintah hukuman ke atas mereka dan tertuduh berpeluang dibebaskan. Seterusnya, kedudukan semasa tangkapan dilakukan adalah perlu sama semasa berada di JAWI dan Mahkamah Syariah, ini menyukarkan pihak penguatkuasaan agama untuk membuat pengecaman identiti pesalah yang ditangkap

Selain itu, PPA telah menjalankan tugas mereka bagi kes-kes ajaran sesat terbaik pada tahun 2016 iaitu kerana telah berjaya menahan seramai 57 ahli kumpulan ajaran Sesat Millah Abraham di sebuah premis di Ampang. Ini membuktikan bahawa PPA serius dalam menjalankan tugas-tugas mereka dan mempunyai strategi yang teliti dalam menjalankan operasi tersebut. Secara langsung, hal ini menyangkal pendapat dan persepsi masyarakat berkenaan tugas-tugas PPA khususnya di Kuala Lumpur yang dikatakan tidak begitu bagus.

Berdasarkan kepada hipotesis kajian, penulis merumuskan seperti berikut, pertama, kes-kes yang melibatkan kesalahan ajaran sesat ini mengambil masa yang lama untuk

mengeluarkan perintah penghakiman. Bermula dari aduan sehingga keputusan penghakiman hakim di Mahkamah Syariah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kes ajaran sesat ini sememangnya mengambil tempoh masa yang lama untuk diselesaikan. Bahan bukti yang berbentuk alat telekomunikasi seperti telefon, komputer riba dan sebagainya perlu mendapat kelulusan daripada pihak SKMM untuk mengakses maklumat penting daripadanya, serta mengambil masa yang lama sehingga memakan masa sekitar satu hingga tiga bulan. Selain itu, terdapat juga dalam kalangan tertuduh kes ajaran sesat ini yang tidak mahu hadir dan ada yang melarikan diri ke negeri lain. Hal ini menjadi masalah sekiranya tangkapan yang dijalankan dalam kuantiti yang ramai.

Hipotesis kedua, kesukaran untuk mendapatkan fakta dan bukti yang kukuh untuk mensabitkan seseorang dengan ajaran sesat. Hasil hipotesis tersebut menunjukkan bahawa kes ajaran sesat ini sukar untuk dibuktikan kerana ia melibatkan pemikiran semata-mata dan sokongan keterangan boleh didapati hanya dengan penulisan seseorang. Berbeza dengan kesalahan murtad yang mempunyai bukti yang nyata seperti menyembah berhala, memakai pakaian agama dan mengikut cara hidup agama lain.

Hipotesis ketiga iaitu pihak PPA menghadapi kesukaran untuk menjalankan siasatan terdapat kes-kes yang diadukan oleh orang awam adalah kerana maklumat yang diterima adalah tidak lengkap. Hasil temu bual bersama PPA menyatakan bahawa kebanyakan kes yang diadukan kepada JAWI ditolak kerana fakta yang dikemukakan kepada PPA adalah tidak lengkap dan wujudnya keraguan. Hal ini menyebabkan PPA terpaksa menolak setiap aduan kes ajaran sesat yang dibawa.

Berdasarkan hipotesis terakhir, iaitu PPA tidak mempunyai kuasa penuh dalam proses penguatkuasaan kes ajaran sesat, penulis berpandangan bahawa PPA mempunyai kuasa penuh bagi sesuatu negeri yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri.

PPA negeri lain boleh memberikan kerjasama untuk mencari dan mengesan tertuduh yang melarikan diri ke negeri-negeri lain.

5.2 SARANAN

Berikut adalah beberapa saranan bagi meningkatkan lagi kualiti penguatkuasaan undang-undang berkaitan kesalahan ajaran sesat:

Adanya keperluan untuk melantik PPA melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam SPA) di jawatan Pegawai Syariah LS41 sepatimana perlantikan Yang Arif Hakim Mahkamah Syariah. Jesters itu, pihak PPA perlu memberi latihan lanjutan berkenaan prosedur penguatkuasaan dan isu-isu berkenaan dengan pemahaman berkenaan undang-undang Islam di Malaysia. Selain, itu pihak berkuasa diminta menyediakan alat keselamatan diri seperti senjata api, untuk tujuan melindungi diri dari kemungkinan di luar jangka seperti anggota kumpulan ajaran sesat bertindak di luar jangkaan. Di samping itu, kerjasama daripada pelbagai agensi boleh melicinkan lagi proses penguatkuasaan.

Seterusnya, penulis juga mencadangkan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh penguatkuasa agama, dalam memberkas ketua dan pengikut ajaran sesat adalah dengan meminta bantuan daripada PDRM. Berdasarkan temu bual bersama Mufti Wilayah Persekutuan, iaitu Sahibus Samahah Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri,¹ beliau menyatakan bahawa pendidikan awal Islam adalah memainkan peranan yang sangat penting dalam mengawal penyebaran ajaran sesat dalam kalangan masyarakat Islam pada hari ini.

Selain itu, pihak berkuasa perlulah menyediakan satu unit khas bertujuan memberi latihan dan pendedahan khas kepada ketua dan pengikut yang disabitkan dengan kesalahan berkaitan ajaran sesat perlulah disediakan dalam tempoh yang lebih lama.

¹ Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Sahibus Samahah, Mufti Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 6 November 2015.

Selain itu, PPA juga perlulah diperkasakan dari segi aplikasi penguatkuasaan bagi kes ajaran sesat kerana status berkenaan dengan prosiding penguatkuasaan adalah lengkap untuk dilaksanakan. Pegawai penguatkuasa perlu memahami secara mendalam berkenaan prosiding penguatkuasaan tersebut.

Selain itu, bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat data dan bukti dari alat elektronik seperti komputer atau komputer riba, sehingga proses untuk mengakses maklumat tersebut mengambil tempoh masa yang panjang, maka penulis berpendapat bahawa pihak SKKM (Suruhanjaya Komunikasi Kebangsaan Malaysia) perlu menyediakan satu garis panduan yang khusus untuk mendapatkan data-data tersebut. Hal ini adalah penting kerana bahan bukti tersebut perlu dibawa bersama-sama sebagai salah satu bukti atau fakta yang menguatkan sesuatu kes yang mana kelaziman tarikh membawa kes tersebut adalah dalam tempoh yang tidak lama.

Selain itu, saranan selanjutnya ialah pihak SKKM perlu menyediakan satu sistem yang boleh mengesan data-data yang telah dimusnahkan oleh individu-individu yang terlibat dengan kes ajaran sesat. Hal ini adalah kerana terdapat beberapa kes yang menunjukkan bahan-bahan bukti yang dimusnahkan oleh pengikut ajaran sesat sebelum pegawai penguatkuasa menjalankan operasi ke atas premis mereka.

Di samping itu, jabatan penguatkuasa agama khususnya di JAWI perlu menubuahkan satu unit teknologi maklumat di bawah bahagian penguatkuasaan JAWI sepertimana yang diwujudkan oleh Jabatan Polis Negara yang dikenali sebagai Jabatan Siasatan Jenayah Komersial² yang bertujuan untuk mendapat data-data tersebut dengan kadar segera, tanpa perlu menggunakan badan atau agensi kerajaan yang lain. Hal ini juga membantu pihak penguatkuasa agama dalam memudahkan proses mengeluarkan data-data tersebut.

² “Jabatan Siasatan jenayah Komersial” dicapai pada 20 Januari 2017 <https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/jabatan---jabatan-siasatan-jenayah-komersil>.

BIBLIOGRAFI

- “Pendakwaan JAWI” <http://www.jawi.gov.my/my/bahagianjawi/pendakwaan?Layout=edit&id=409>. pada 27/7/2016.
- “Penguatkuasaan JAWI” <http://www.jawi.gov.my/my/bahagian-jawi-3/penguatkuasaan?layout=edit&id=260> pada 27/6/2016.
- “Sejarah penubuhan” dicapai pada 17/2/2017 <http://www.jawi.gov.my/my/profil-2/sejarah-penubuhan>.
- “SSKM sekat lebih 2,000 laman web”, di capai pada 20.12.2016 <http://www.skmm.gov.my/Media/Press-Clippings/SKMM-sekat-lebih-2,000-laman-web.aspx?lang=ms-MY>.
- Ab Rahman Hj Yunus, “Mengenali Ajaran Sesat Di Malaysia,” dalam *Islam: Akidah Dan Kerohanian*, ed. Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah (Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia 1996).
- Ab. Aziz Awang Kechik, “Ajaran Abu Bakar Bappu,” *Jurnal Usuluddin*, vol. 4 (1996), 149-161.
- Abdul Karim Zaidan, *Sistem Kehakiman Islam*, vol. 2 (Kuala Lumpur: Pustaka Hj. Abdul Majid, 1997).
- Abdul Latif Ibrahim, “Mekanisme Penyelarasaran Dan Penyeragaman Undang-Undang Islam Di Seluruh Malaysia,” *Jurnal Hukum*, vol. 12, no. 1 (1998), xxxvi-xxxx.
- Abdul Monir Yaacob, “Pendakwaan Dalam Islam,” dalam *Pendakwaan Dan Penyiasatan: Konsep Dan Amalan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003), 17-38.
- Afridah Abas, “Kebolehterimaan Keterangan Dengar Cakap,” dalam *Undang-Undang Islam: Jenayah, Keterangan Dan Prosedur*, ed. Nasimah Hussin (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 212- 241.
- Ahmad ‘Azam Mohd Shariff, “Prosedur Pendakwaan Jenayah Syariah: Analisis Ke Atas Peruntukan Undang-Undang Di Bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 Dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997,” *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, vol. 15 (2011), 1-18.
- Ahmad Azam Mohd Shariff, Mazupi Abdul Rahman, Nazura Abdul Manap, Ramalinggam Rajamanickam, Rizal Rahman & Norfajri Ismail, “Investigation Procedures In Syariah Criminal Cases: Challenges Faces By Malaysian Syariah Inforcement Officers In Exercies Of Thier Arrest Power,” *Mediterranean Journal of Social Sciences*, vol. 5, no. 23 (2014), 1-8

Bernama, "Ajaran Harun Sebar Fahaman Universiti Sebar dicapai pada 19/2/2017
<http://www.sinarharian.com.my/semasa/ajaran-harun-sebar-fahaman-mirip-universiti-1.151170>

Bernama, "Semua Ajaran Syiah Di Malaysia Adalah Sesat" dicapai pada 27/8/2018,
<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/semaua-ajaran-syiah-di-malaysia-adalah-menyeleweng-jakim-26941>

Cawangan Akidah, Bahagian Penyelidikan, "Penyelewengan Ajaran Hj. Kahar Hj. Ahmad," *Jurnal Penyelidikan Islam*, vol. 18 (2005), 1-13.

Hj Abdul Majid Omar, "Ancaman Ajaran Sesat Terhadap Keharmonian Rakyat Malaysia" (Makalah, Simposium Dakwah Daerah Klang, Selangor, 2008), 1-21.

Daud Muhammad, "Prosedur Jenayah Mahkamah Syariah," *Jurnal Hukum*, vol. 13, no. 1 (1999).

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, "Kajian Ajaran Sesat Dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan," *Jurnal Usuluddin*, vol. 26 (2007), 1-22.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, "Pengertian Ajaran Sesat," dalam *Dasar Akidah Muslim* (Johor Bharu: Penerbit UTM Press, 2011).

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, *Ajaran Sesat di Negeri Terengganu* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Darul Iman Malaysia,).

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, *Ajaran Sesat: Mengenali Jalan Yang Terpesong* (Selangor: PTS Islamika, 2007).

Engku Ahmad Zaki, *Islam Di Malaysia* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Darul Iman Malaysia, 2009).

H.O.K. Rahmat S.H., *Pencemaran Akidah Di Nusantara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983).

Hj. Zamihan Hj. Mat Zin al-Ghari, "Ajaran Sesat Dan Bahayanya Terhadap Agama Dan Negara" laman sesawang al-azim.com, dicapai pada 20/9/2015 http://www.al-azim.com/masjid/seminar/pemantapan_aqidah/Ajaran%20Sesat.htm. Hlm. 2-10.

Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah, Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil dan Shakir Sdn. Bhd., 2009).

Ismail Muhammad Juffri, "Kisah Disebalik Kesesatan Ajaran Qadiyaniah Atau Ahmadiyah", dicapai pada 27/8/2018, <http://muis.org.my/2017/07/kisah-disebalik-kesesatan-ajaran-qadiyaniah-atau-ahmadiyah/>.

Ismail Yahya, "Pendakwaan Dalam Kanun Acara Jenayah Syariah Di Malaysia," dalam *Pendakwaan Dan Penyiasatan: Konsep Dan Amalan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003), 47-66.

Isu-Isu Seputar Syiah Di Facebook Pro-Syiah Malaysia. dicapai pada 19/2/2017
http://www.academia.edu/5893486/Isu-isu_Seputar_Syiah_di_Facebook_Pro-Syiah_Malaysia.

Jabatan Mufti Negeri Sarawak, “Ajaran Millah Ibrahim” dicapai pada 19/2/2017
http://www.muftinegeri.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?Mod=news&sub = news_view&nid=235

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, “Bayan Linnas Siri Ke 50: Ajaran Millah Ibrahim@Abrahim dicapai pada 20 Februari 2017, <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/bayan-linnas/587-bayan-linnas-siri-ke-50-ajaran-millah-ibrahim-abraham>.

Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri, “Ajaran Sesat Dan Khurafat,” dalam *Dasar Akidah Muslim* (Johor Bharu: Penerbit UTM Press, 2011).

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, “Analisis Fatwa-Fatwa Usuluddin: Tumpuan Kepada Ajaran Salah,” dalam *Fatwa Di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 181-201.

Mahmood Zuhdi Hj Ab. Majid, “Pengajian Syariah: Satu Pentafsiran,” dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 1997).

Marzuki Yusoff Dan Saifulizam Mohamad dalam “Perkara ‘pelik’ Ayah Pin” dicapai pada 29/11/2016. [Http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0731&sec=Rencana&pg=re_10.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0731&sec=Rencana&pg=re_10.htm).

Mohd Al-Adib Samuri & Noor Aziah Haji Mohd Awal, “Ajaran Sesat Dalam Islam: Penggunaan Undang-Undang Sivil Sebagai Satu Mekanisma Perundungan Alternatif Terhadap Pesalah,” *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, vol. 19, no. 2 (2007), 1-24.

Mohd Farok Mat Nor, Mohamad Hafifi Hassim, Nor ‘Adha Ab Hamid, Azizah Mat Rashid dan Maffuza Salleh, “Badan Penguatkuasa Jenayah Syariah Negeri Pahang: Satu Sorotan Dan Cadangan Penambahbaikan (3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (3rd MFIFC) Shah Alam, pada 15 November 2017).

Mohd Hanif Hasan, “Penyelewengan Kebatinan Di Singapura,” (Seminar Kebatinan Serantau: Penyelewengan Kebatinan Di Singapura, Peringkat Kebangsaan, Universiti Sains Islam Malaysia, 15-16 September 2010).

Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1990).

Mohd Zambri Mohd Zainuldin, “Wasathiyah Dalam Dakwah” dalam Manhaj Fiqh Wasathiy (Seminar Konvensyen Fiqh Ummah, PWTC, 2012).51-62

Muhamad Zaid Adnan, "Syiah Houthi 'Alat' Iran Gugat Rantau Teluk?, Lancar Peluru Berpandu Ke Arab Saudi, Jadikan Tanah Suci Mekah Sebagai Sasaran" dicapai 6/11/2016 <http://www.utusan.com.my/berita/luar-negara/syiah-houthi-8216-alat-8217-iran-gugat-rantau-teluk1.404486>

Muṣṭafā al-Khīn, Muṣṭafā al-Bughā & ‘Alī al-Sharbajī, *Fiqh al-Manhājī: Kitāb Fiqh al-Imām Shāfi’ī*, terj. Salehan Ayub (Dimashq: Dār al-Qalam, 2000).

Nawi @Mohd Nawi Hj. Hassan, "Ajaran Sesat Hassan Anak Rimau: Satu Sorotan" dicapai pada 27/8/2018 www.Myjurnal.my/public/articleDownload.Php?id=83341

Nik Mazian Nik Mohammad "323,047 Anak Tak Sah Taraf, Statistik Direkodkan JPN Dari Tahun 2010 Hingga 2016" dicapai pada 20/12/2016. <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/323-047-anak-tak-sah-taraf-1.408544>

Nooradzrene Mohd Noor "Pusat Ajaran Sesat 'Millah Abraham' digempur" dicapai pada 30/11/2016 <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pusat-ajaran-sesat-8216-millah-abraham-8217-digempur-1.15195> 21/10/2014.

Othman Mustapha, "Memerangi Kumpulan Ajaran Sesat Di Malaysia" dicapai pada 17 Julai 2012, http://www.utusan.com.my/utusan/rencana/20120717/re_01/memerangi-kumpulan-ajaran-sesat#ixzz2iQwktNKG

Rahimin Bani, "Proses Tangkapan Bagi Kesalahan-Kesalahan Jenayah Syariah," dalam *Pendakwaan Dan Penyiasatan: Konsep Dan Amalan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (Kuala Lumpur: IKIM, 2003), 157-169.

Ramli Awang, *Aqidah Dalam Kehidupan Muslim: Analisis Aspek-Aspek Penyelewengan* (Johor Bahru: UTM Press, 2012).

Shamrahayu A. Aziz, "Kuasa Penguatkuasa Agama," dalam *Undang-Undang Islam: Jenayah, Keterangan Dan Prosedur*, ed. Nasimah Hussin (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).

Siti Norbaya Abdul Kadir, *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan Dan Ciri-cirinya* (Kuala Lumpur: Al Hidayah Publishers, 2002).

Siti Zubaidah Ismail, "Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis," *Jurnal Syariah*, vol. 16, no. 3 (2008), 537-553.

Siti Zubaidah Ismail, "Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran," *Jurnal Syariah*, vol. 18, no. 2 (2010), 247-276.

Siti Zubaidah Ismail, *Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2016).

Suhaizad Saifurdin & Jasri Jamal, "Keperluan Memperkasakan Undang-Undang Penguatkuasaan Bagi Kesalahan Berhubung Ajaran Sesat Di Negeri Sembilan: Satu Kajian," *Jurnal Hukum*, vol. 39, no. 2 (2014), 133-164.

Sulaiman Daud, "Kesalahan Syariah Di Bawah Bidang Kuasa Semasa," *Jurnal Hukum*, vol. 14, no. 1 (2001), 15- 17.

Syed Agil Barakbah, "Pendekatan Perbandingan Dalam Undang-Undang Prosedur Jenayah," dalam *Undang-Undang Keterangan Dan Prosedur Di Mahkamah* (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 1995), 99-168.

Syed Agil Barakbah, "Prinsip-Prinsip Pendakwaan," dalam *Pendakwaan dan Penyiasatan: Konsep dan Amalan*, ed. Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2003), 3-16.

Wan Mohd Azam Mohd Amin, "Ajaran-ajaran Sesat di Malaysia" (Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah Dan Agama 2013 (SIGMA 3), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), USIM, 28 September 2013). 1-23

Wan Mohd Azam Mohd Amin, *Ajaran Sesat* (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2009).

Wan Zahidi Wan Teh & Syeikh Mahmood Sa'ad Nasih, *Mengenali Hakikat Syiah* (Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2014).

Wan Zulkifli Wan Hassan, "Aplikasi Sadd al-Dhara'i' dalam Pengawalan Akidah di Malaysia," dalam *Aplikasi Sadd al-Dhara'i' dalam Pengawalan Akidah* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2014).

Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Īmān wa al-Hayah*. Qāhirah: Maktabah Wahbah, 2006.

Zainal Jan & Siti Meriam Yusoff, *Umat Islam Terhina! Kenapa?* (Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2009).

Zulfakar Ramlee Saad, "Pembuktian dalam Kes Jenayah Syariah Malaysia: Isu dan Penyelesaian," *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, vol. 27, no. 1 (2015), 122-142.

Zulkifli Hasan "Isu Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia Dan Sejauhmanakah Perlakanaanya," di capai 20/2/2017 http://scholar.google.com/scholar?cluster=9194001444225491642&hl=en&as_sdt=2005&sciodt=0,5

Zulkifli Mohamad Bakri & Mohd Aizam Mas'od, "Wasathiyyah Dalam Akidah" (Kertas Kerja Konvensyen Fiqh Ummah, Dewan Merdeka, PWTC, 2012). 1-39

Zunaidah Zainon, "Saya Sudah Insaf Pengakuan Bekas Kumpulan Black Metal" dicapai pada 20/12/2016. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=1220&pub=utusan_malaysia&sec=bicara_agama&pg=ba_01.htm&arc=hive

Senarai Temu bual

Aliyatul Muna Zahidi (Pegawai Sumber Manusia, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis menerusi telefon pada 12 April 2016

Mohd Ridzuan Yaacob (Pegawai Kanan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 3 Mac 2016.

Ruslida Rusli (Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 17 Februari 2016.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Sahibus Samahah, Mufti Wilayah Persekutuan), dalam temu bual beliau bersama penulis pada 6 November 2015.

Zusyarafain Yusoff (Mantan Pendakwa Syarie, Jabatan Agama Islam Selangor), dalam temu bual beliau bersama penulis melalui telefon pada 23 Julai 2018.